

KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA

LAPORAN TAHUNAN 2016



www.mohr.gov.my

KANDUNGAN

2	PERUTUSAN YB MENTERI SUMBER MANUSIA		
4	PENDAHULUAN KATA KETUA SETIAUSAHA		
5	PENGURUSAN TERTINGGI		
10	VISI , MISI & PIAGAM PELANGGAN KSM		
13	CARTA ORGANISASI		
14	KSM SEPINTAS LALU		
15	-	Fungsi - fungsi KSM	
16	-	Teras Strategik KSM	
17	-	Prestasi Utama (KPI)	
18	-	Pelan Transformasi Perkhidmatan Awam KSM	
20	SEKTOR DASAR DAN ANTARABANGSA		
57	SEKTOR OPERASI		
91	JABATAN/BADAN BERKANUN DIBAWAH KSM		
136	ENAM TERAS STRATEGIK KSM		
137	Teras 1	-	Mewujudkan Peluang Pekerjaan dan Menjamin Hak Pekerja.
150	Teras 2&3	-	Memelihara Suasana Perhubungan Perusahaan yang Harmoni & Menyelesaikan Pertikaian Perusahaan Secara Adil dan Saksama.
154	Teras 4	-	Melaksanakan Amalan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan yang Dinamik.
171	Teras 5	-	Membangunkan Sumber Manusia Negara yang Berdaya Saing.
177	Teras 6	-	Menyediakan Jaringan Keselamatan Sosial
202	SIDANG REDAKSI 2016		



Perutusan Menteri

Yang Berhormat Dato' Sri Richard Riot anak Jaem
Menteri Sumber Manusia

Pada tahun 2016, saya sangat berpuas hati dan berbangga dengan pencapaian Kementerian Sumber Manusia (KSM) dalam mempertingkatkan taraf hidup kehidupan rakyat melalui pelaksanaan dasar dan program yang bertunjangkan falsafah “people-economy” atau ekonomi berasaskan rakyat.

Sejak Kerajaan memperkenalkan Sistem Pemantauan Pencapaian Kementerian/Jabatan melalui Petunjuk Prestasi Utama (KPI), Kementerian kita berjaya menunjukkan trend pencapaian yang amat baik. Pada tahun 2016, KSM mencatatkan pencapaian KPI yang paling cemerlang, iaitu melangkaui 122%. We have delivered what we have promised to the Government, and the Rakyat as a whole. Antara pencapaian cemerlang yang dinilai melalui KPI pada tahun 2016 termasuklah:

- (i) hampir 9,000 pelajar yang berjaya dilatih berdasarkan pendekatan industri;
- (ii) lebih daripada 2,250 pekerja berjaya dirawat dan dipulihkan melalui rawatan Rehabilitasi dan Vokasional;
- (iii) hampir 180,000 penempatan pekerjaan untuk rakyat Malaysia; dan
- (iv) selaras dengan pelaksanaan dasar gaji minimum, Malaysia telah meratifikasi Konvensyen ILO No.131 Minimum Wage Fixing Convention, 1970 (C131) yang akan memperkukuh serta meningkatkan standard amalan dan landskap perburuhan negara.

Dalam tahun 2016 juga, Kementerian telah melaksanakan dua langkah besar bagi mempertingkatkan kebajikan warga pekerja sektor swasta yang telah berkuat kuasa mulai 1 Julai 2016, iaitu:

- (i) Pertama; pewartaan Perintah Gaji Minimum 2016 yang memperuntukkan kadar gaji minimum baharu iaitu 1,000 ringgit sebulan di Semenanjung dan 920 ringgit sebulan di Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan. Kadar baharu ini merupakan peningkatan sebanyak 11 peratus (RM100) bagi Semenanjung Malaysia dan 15 peratus (RM120) bagi Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan berbanding kadar yang ditetapkan dalam Perintah Gaji Minimum 2012; dan

- (ii) Kedua: perluasan liputan perlindungan keselamatan sosial pekerja di bawah Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) kepada semua pekerja tanpa mengira had gaji. Siling caruman pekerja yang diinsuranskan juga ditingkatkan daripada RM3,000 kepada RM4,000 bagi maksud caruman dan pembayaran faedah. Langkah ini memanfaatkan kira-kira 500 ribu orang pekerja dan menjadikan liputan keseluruhan PERKESO seramai 6.5 juta pekerja.

Saya juga amat berbangga dengan usaha PERKESO dalam melaksanakan Program Kembali Bekerja atau Return To Work Program bagi membantu Orang Berinsurans yang ditimpa kemalangan kembali bekerja. Penubuhan Pusat Rehabilitasi PERKESO di Melaka yang dilengkapi dengan kemudahan rawatan dan pemulihan fizikal melengkapkan proses pemulihan ke atas diri pekerja yang hilang upaya akibat bencana. Perkhidmatan ini merupakan satu inovasi yang unggul dan satu-satunya perkhidmatan yang ada di rantau ini yang telah mendapat pengiktirafan daripada perbagai pertubuhan antarabangsa. PERKESO sekali lagi mendapat pengiktirafan dunia apabila menerima ‘Certificate of Excellence’ daripada International Social Security Association (ISSA) sempena World Social Security Forum yang diadakan di Panama pada 16 November 2016.

Di peringkat serantau pula, KSM dengan kerjasama Kementerian Kerja Raya telah menunjukkan kecemerlangan yang tinggi dalam menganjurkan ASEAN Skills Competition (ASC) Ke-11 yang diadakan pada bulan September yang lalu. Lebih membanggakan, Malaysia telah menjulang gelaran juara keseluruhan ASC Ke-11 dengan meraih 24 pingat Emas, 4 pingat Perak dan 5 pingat Gangsa serta 6 meddalions of excellence. Semoga momentum kejayaan ini akan berterusan sehingga ke WorldSkills Competition yang dijadualkan berlangsung pada bulan Oktober 2017 di Abu Dhabi.

Akhir kata, semoga Tuhan terus merestui dan memberkati usaha baik yang kita rencanakan untuk rakyat pada tahun-tahun akan datang.

Sekian, terima kasih.

Pendahuluan Kata

YBhg. Dato' Sri Adenan Bin Abdul Rahman
Ketua Setiausaha



Kementerian Sumber Manusia (KSM) telah berjaya menelusuri pelbagai kejayaan dan memberikan sumbangan terbaik dan amat bermakna dalam memberi perkhidmatan yang lebih cemerlang kepada kumpulan sasar dan rakyat Malaysia amnya.

KSM menggalas harapan yang besar dalam pembangunan dan pengurusan sumber manusia negara. Bagi mempertingkatkan lagi kualiti penyampaian perkhidmatan KSM, satu kerangka Pelan Strategik KSM bagi tempoh 2016-2020 telah direncana semasa retreat yang diadakan dalam bulan Disember lalu. Setiap program dan aktiviti yang akan dilaksanakan oleh Bahagian, Jabatan dan Agensi KSM akan berpandukan kepada kerangka ini yang mengandungi 6 teras seperti berikut:

- (i) Teras 1: Meningkatkan pembangunan modal insan yang relevan, kompeten dan berdaya saing untuk memenuhi keperluan ekonomi negara.
- (ii) Teras 2: Mengutamakan peluang pekerjaan kepada warganegara.
- (iii) Teras 3: Memelihara dan meningkatkan perhubungan perusahaan yang harmoni dan kondusif.
- (iv) Teras 4: Mengamalkan budaya kerja selamat dan sihat yang dinamik.
- (v) Teras 5: Memantapkan jaringan keselamatan sosial yang progresif dan komprehensif kepada seluruh lapisan pekerja.
- (vi) Teras 6: Memantapkan & Memperkasakan Tadbir Urus KSM.

Saya berharap tahun-tahun akan datang akan menyemarakkan lagi semangat kita untuk berkhidmat kepada rakyat dan negara.

Sekian, terima kasih.

PENGURUSAN TERTINGGI



YB Dato' Sri Richard Riot anak Jaem
Menteri Sumber Manusia



Yb Dato' Sri Haji Ismail Bin Haji Abd Muttalib
Timbalan Menteri



Ybhg. Dato' Sri Adenan Bin Ab. Rahman
Ketua Setiausaha



Y.Bhg. Dr. Mohd Ghazali bin Abas
Timbalan Ketua Setiausaha (Operasi)



Y.Bhg. Dato Mohd Sahar bin Darusman
*Timbalan Ketua Setiausaha
(Dasar Dan Antarabangsa)*

KETUA PENGARAH DAN PENGARAH



Y.Bhg. Dato' Chin Phaik Yoong
Ketua Pengarah
Jabatan Tenaga Manusia



Y.Bhg. Dato' Ir. Mohtar bin Musri
Ketua Pengarah
Jabatan Keselamatan &
Kesihatan Pekerja



Y.Bhg. Datuk Dr. Pang Chau Leong
Bersara pada 23.10.2016
Ketua Pengarah
Jabatan Pembangunan Kemahiran



Encik Roslee Sabaruddin bin Abu
Pendaftar Mahkamah Perusahaan



Y.Bhg. Dato' Mohd. Jeffery bin Joakim
Ketua Pengarah
Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung
Malaysia



Encik Kamal bin Pardi
Pengarah
Jabatan Tenaga Kerja Sabah



Y.Bhg. Datu August Anak Buma
Bersara pada 20.12.2016
Pengarah
Jabatan Tenaga Kerja Sarawak



Encik Mustafa bin Ali
Ketua Pengarah
Jabatan Hal Ehwal Kesatuan Sekerja



Encik Fong Khei Por
Bersara pada 01.10.2016
Ketua Pengarah
Jabatan Perhubungan Perusahaan



Encik Khalid bin Jali
27.12.2016 - Sekarang
Ketua Pengarah
Jabatan Perhubungan Perusahaan

KETUA EKSEKUTIF



Y.Bhg. Dato' Dr. Mohammed Azman bin Dato' Aziz Mohammed
Ketua Pengarah
Pertubuhan Keselamatan Sosial
(PERKESO)



YBhg. Dato' Abdul Halim bin Muhamad Salleh
Ketua Eksekutif
Pembangunan Kemahiran (PTPK)



Tuan Haji Zahrim bin Osman
Pengarah Eksekutif
Institut Keselamatan dan Kesihatan
Pekerjaan Negara



Y.Bhg. Dato' CM Vignaesvaran A/L Jeyandran
Pengarah Eksekutif
Pembangunan Sumber Manusia Berhad
(PSMB)

SETIAUSAHA BAHAGIAN



**Y.Bhg. Dato' Mohamed Elias
bin Abu Bakar**
Setiausaha
Bahagian Pembangunan, Kewangan dan
Sumber Manusia



Encik Kua Abun
2013 - 17.08.2016
Setiausaha Bahagian Dasar



Puan Betty binti Hassan
1.12.2016 - Sekarang
Setiausaha Bahagian Dasar



Encik Asri bin Ab. Rahman
Pegawai
Institut Maklumat dan
Analisis Pasaran Buruh



Y.Brs. Dr. Tan Awang Besar
Setiausaha
Bahagian Antarabangsa



Encik Hassan Bin Masrom
Setiausaha
Bahagian Pengurusan Maklumat



Puan Che Azizah binti Che Rashid
Setiausaha
Bahagian Khidmat Pengurusan

KETUA UNIT



Puan Holesoh binti Saibon
05.01.2015 - 01.09.2016
Ketua Unit Audit



Puan Noor Rita binti Kassim
19.09.2016 - Sekarang
Ketua Unit Audit



En. Izzad Zalman bin Abd Kader
15.12.2016 - Sekarang
Ketua Unit Komunikasi Korporat




En. Meor Hafizan bin Abdul Ghani
18.4.2016 - 18.7.2016
Ketua Unit Komunikasi Korporat



YBrs. Dr. Christina Yeo Ken Yin
1.4.2016 - 1.4.2017
Ketua Unit KPI



Puan Suzila binti Ibrahim
03.01.2013 - 15.11.2016
Ketua Cawangan Kawal Selia & Penguatkuasaan



Puan Siti Rohil binti Che Agus
01.12.2013 - 01.04.2017
Ketua Akauntan
Bahagian Akaun



Puan Fazidah binti Idris
Penasihat Undang-Undang



Encik Wan Faez bin Wan Jaffar
Ketua Unit Integriti



Encik Shanmugam A/L Thiagarajan
Setiausaha Majlis Perundingan Gaji Negara

“ Menjadi peneraju dalam bidang pembangunan dan pengurusan sumber manusia bertaraf dunia. ”

Visi

Misi

- Membangunkan masyarakat industri yang produktif, bermaklumat, berdisiplin, penyayang serta responsif kepada perubahan persekitaran perburuhan ke arah meningkatkan pertumbuhan ekonomi dan menambahkan peluang pekerjaan.
- Menggalakkandan mengekalkan perhubungan yang harmoni dan kondusif di antara majikan, pekerja dan kesatuan sekerja demi kemajuan ekonomi negara dan kesejahteraan rakyat.
- Mendokong keadilan sosial dan mengekalkan perhubungan perusahaan yang harmoni melalui penyelesaian pertikaian di antara majikan dan pekerja dan pengiktirafan perjanjian kolektif.
- Memastikan kesatuan sekerja beroperasi secara demokrasi, teratur dan bertanggungjawab bagi membantu mencapai objektif mewujudkan keharmonian perhubungan perusahaan.
- Untuk menjadi peneraju dalam pembangunan sumber manusia negara.
- Memastikan keselamatan dan kesihatan pekerja terjamin.
- Untuk membangunkan sumber tenaga kerja yang mahir, berpengetahuan dan kompetitif dalam persekitaran perhubungan perusahaan yang harmoni dan berlandaskan keadilan sosial.

PIAGAM PELANGGAN

KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA


(Januari-Disember 2016)

PIAGAM PELANGGAN	BILANGAN LENGKAP DITERIMA	BILANGAN SELESAI (5 HARI)	PENCAPAIAN (%)
1. Mengeluarkan taksiran pampasan pekerja di bawah Akta Pampasan Pekerja 1952 dalam tempoh 5 hari bekerja dari tarikh dokumen lengkap diterima. a) Hilang Upaya Sementara (HUS) b) Hilang Upaya Kekal (HUK) c) Maut	2,736 742 510	2,672 735 498	97% 99% 98%
PIAGAM PELANGGAN	BILANGAN LENGKAP DITERIMA	BILANGAN SELESAI (14 HARI)	PENCAPAIAN (%)
2. Memproses permohonan lesen di bawah Akta Agensi Pekerjaan Swasta 1981 dalam tempoh 14 hari bekerja dari tarikh permohonan lengkap diterima: a) Permohonan Lesen Baharu b) Pembaharuan Lesen	56 287	56 287	100% 100%
PIAGAM PELANGGAN	BILANGAN LENGKAP DITERIMA	BILANGAN SELESAI (7 HARI)	PENCAPAIAN (%)
3. Memutuskan permohonan pendaftaran Kesatuan Sekerja dalam tempoh tujuh (7) hari bekerja daripada permohonan lengkap.	15	15	100%
PIAGAM PELANGGAN	BILANGAN LENGKAP DITERIMA	BILANGAN SELESAI	PENCAPAIAN (%)
4. Memproses permohonan kelulusan rekabentuk jentera berperakuan kelayakan: a) Dandang stim dalam tempoh 45 hari bekerja b) Pengandung tekanan tak berapi dalam tempoh 20 hari bekerja	562 9149	561 8092	100% 82%
PIAGAM PELANGGAN	BILANGAN LENGKAP DITERIMA	BILANGAN SELESAI (30 HARI)	PENCAPAIAN (%)
5. Kelulusan pendaftaran sebagai Pegawai Keselamatan dan Kesihatan (Safety and Health Officer) bagi setiap permohonan yang lengkap dalam tempoh 30 hari bekerja.	1887	1782	100%

PIAGAM PELANGGAN	BILANGAN LENGKAP DITERIMA	BILANGAN SELESAI (5 HARI)	PENCAPAIAN (%)
6. Memastikan proses permohonan geran latihan bagi skim-skim latihan dilaksanakan dalam tempoh 5 hari bekerja.	106,483	105,913	99%
PIAGAM PELANGGAN	BILANGAN LENGKAP DITERIMA	BILANGAN SELESAI (5 HARI)	PENCAPAIAN (%)
7. Memastikan bayaran geran latihan dalam tempoh 8 hari bekerja dari tarikh tuntutan lengkap diterima.	92,557	90,206	97%
PIAGAM PELANGGAN	BILANGAN LENGKAP DITERIMA	BILANGAN SELESAI (5 HARI)	PENCAPAIAN (%)
8. Membayar Faedah Hilangupaya Sementara (HUS) kepada pekerja yang terbencana dalam tempoh 5 hari selepas semua dokumen dan maklumat yang diperlukan lengkap diterima.	56,499	55,973	99%
PIAGAM PELANGGAN	BILANGAN LENGKAP DITERIMA	BILANGAN SELESAI (7 HARI)	PENCAPAIAN (%)
9. Membayar Faedah Pencen Ilat (ILT) kepada pekerja yang layak dalam tempoh 7 hari selepas semua maklumat dan dokumen yang diperlukan lengkap diterima.	6,850	6,768	98%
PIAGAM PELANGGAN	BILANGAN LENGKAP DITERIMA	BILANGAN SELESAI (30 HARI)	PENCAPAIAN (%)
10. Memproses semua permohonan Perakuan dan Pengiktirafan Personel Pusat Bertauliah dan Pakar Industri Negara dalam tempoh 30 hari bekerja dari tarikh permohonan lengkap diterima.	19,086	19,086	100%
PIAGAM PELANGGAN	BILANGAN LENGKAP DITERIMA	BILANGAN SELESAI (3 HARI)	PENCAPAIAN (%)
11. Memastikan aduan awam yang diterima diberi maklum balas dalam tempoh tiga (3) hari bekerja.	119	119	100%
PIAGAM PELANGGAN	BILANGAN LENGKAP DITERIMA	BILANGAN SELESAI (7 HARI)	PENCAPAIAN (%)
12. Memastikan bayaran bagi tuntutan bekalan dan perkhidmatan diuruskan untuk pembayaran dalam tempoh 7 hari dari tarikh dokumen lengkap diterima.	158,560	158,385	99%

CARTA ORGANISASI 2016

KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA



KSM SEPINTAS LALU

LAPORAN TAHUNAN 2016
KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA



6 TERAS STRATEGIK KSM

01

Mewujudkan peluang pekerjaan dan menjamin hak pekerja.



02

Memelihara suasana perhubungan perusahaan yang harmoni.



03

Menyelesaikan pertikaian perusahaan secara adil dan saksama.



04

Melaksanakan amalan keselamatan dan kesihatan pekerjaan yang dinamik.



05

Membangunkan sumber manusia negara yang berdaya saing.



06

Menyediakan jaringan keselamatan sosial.



PETUNJUK PRESTASI UTAMA (KPI) KSM

Dalam usaha untuk terus memantapkan proses penyelarasan, pemantauan serta pelaporan KPI YB Menteri, sebuah Jawatankuasa Focal Point KPI YB Menteri Sumber Manusia yang melibatkan semua pegawai KPI di peringkat Jabatan/Agensi KSM telah ditubuhkan pada 14 April 2016.

Sejumlah 26 KPI telah ditetapkan bagi tahun 2016 mengikut tiga (3) kategori berikut:

KATEGORI	BILANGAN KPI
Bidang Ekonomi Utama Negara (NKEA)	3
Inisiatif Pembaharuan Strategik (SRI)	5
Bidang Keberhasilan Utama Kementerian (MKRA)	18

Sumber: Unit KPI KSM (2016); Dashboard PEMANDU (2016)

TREND PENCAPAIAN

Pencapaian KPI KSM bagi tahun 2013 sehingga 2016 adakah seperti berikut:

KATEGORI	PENCAPAIAN
2013	120%
2014	114%
2015	121%
2016	131%

Sumber: Unit KPI KSM (2016); Dashboard PEMANDU (2016)

PENCAPAIAN BERIMPAK TINGGI

Antara pencapaian yang signifikan dan berimpak tinggi pada tahun 2016 termasuk:

- 1 Lebih daripada 9,000 pelajar berjaya dilatih berdasarkan pendekatan industri;
- 2 Hampir 2,500 pekerja berjaya dirawat dan dipulihkan melalui rawatan Rehabilitasi dan Vokasional;
- 3 Hampir 180,000 penempatan pekerjaan untuk rakyat Malaysia; dan
- 4 Selaras dengan pengenalan dasar gaji minimum di Malaysia, KSM juga telah meratifikasi Konvensi ILO No.131: Minimum Wage Fixing Convention, 1970 (C131) yang akan memacu negara ke arah pematuhan standard perburuhan antarabangsa, terutama dalam meningkatkan perlindungan kepada pekerja.

PELAN TRANSFORMASI PERKHIDMATAN AWAM
KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA

17 LANGKAH STRATEGIK

37 INISIATIF STRATEGIK

TERAS

01

MENDAYA
UPAYA BAKAT

1. Memperkasakan kompetensi, daya kepimpinan dan keupayaan
 - Zero to Hero Programme
 - SME/G40
 - Experiential Learning Programme
2. Membangunkan satu laluan kerjaya khas untuk *Subject Matter Expert*
 - *NX Policy (Entry and Exit policy)*
 - *PTE Programme (Potential Talent Expert)*
 - *Fellow Advisors*
 - *Forget-me-not (Time Based Scheme)*

TERAS

02

MEREKAYASA
ORGANISASI

3. Memantapkan organisasi dan agensi di bawah Kementerian supaya lebih dinamik dan berdaya saing seiring dengan perkembangan semasa
 - Mewujudkan Tribunal Rayuan Perusahaan
 - Memusatkan Penasihat Undang-Undang
4. Memperkasakan pembangunan tenaga mahir negara yang kompeten dan berdaya saing
 - *Centre of Skills Excellence (CoSE)*
 - Memperkukuhkan NIOSH sebagai *Centre of Excellence (CoE)* dalam bidang latihan dan kajian berkaitan keselamatan dan kesihatan pekerjaan
 - Mewujudkan ILMIA sebagai organisasi berkecuali (*independent*) di bawah KSM dengan bercirikan korporat

TERAS

03

MERAKYATKAN
PENYAMPAIAN
PERKHIDMATAN

5. Memantapkan penyampaian perkhidmatan kepada pekerja dan majikan
 - DSR (Drop, Serve & Resolve)
6. Memperkukuhkan mekanisme pencegahan dan penyelesaian pertikaian di tempat pekerjaan
 - *Speedy Dispute Resolution Programme*
 - Sistem Perekodan Digital (SPD)
 - *Electronic Labour Tribunal (eLT)*
7. Memantapkan pelaksanaan undang-undang mesra industri
 - *1Visit-Policy*
 - *Self Regulatory Mechanism*

TERAS

03

MERAKYATKAN
PENYAMPAIAN
PERKHIDMATAN

8. Pemerkasaan Perlindungan Keselamatan Sosial
 - Meluaskan perlindungan kepada 30% informal sektor
 - Meluaskan perlindungan keselamatan sosial kepada penjawat awam (PencenPLUS)
 - *Employment Insurance System*
9. Meningkatkan tahap keselamatan dan kesihatan pekerjaan (KKP) di projek MRT dan LRT
 - Menubuhkan 'Mobile Squad' bagi meningkatkan pemeriksaan berkala KKP di projek LRT / MRT
10. Meningkatkan tahap KKP di sektor IKS
 - Menjalankan program Compliance Support terhadap sektor IKS
11. Mengoptimumkan penggunaan ICT dalam penyampaian perkhidmatan
 - Digital Office
 - On-line Services

TERAS

04

MERANGKUM &
SEPUNYA

12. Meningkatkan kemahiran dan pengetahuan berkaitan dengan amalan-amalan terbaik perburuhan melalui kerjasama dengan technical experts dari badan-badan antarabangsa
 - *Labour Expertise Engagement Programme*
 - Kerjasama dengan badan profesional untuk meningkatkan bilangan pegawai yang mendapat pengiktirafan dalam bidang berkaitan
13. Meningkatkan kesedaran dan kefahaman masyarakat mengenai fungsi KSM melalui engagement yang lebih menyeluruh
 - *Program Outreach: "It Matters..."*
 - Mengadakan program kesedaran mengenai nilai-nilai pekerja dan berkesatuan
14. Mengadakan kerjasama dengan badan kelayakan kekompetenan dalam dan luar negara bagi program *Professional Qualification (PQ) Certification* kepada pelajar dan tenaga pengajar ILJTM
 - *Professional Qualification (PQ Certification) - Tenaga Pengajar*
 - *Professional Qualification (PQ Certification) - Pelajar*

TERAS

05

MEMBUDAYA
NILAI

15. Premium Service Delivery
 - Japanese Time.."The Power of Now"
 - Program Everyday is "May Day!"
16. Integrity Infinity
 - Profiling of integrity best practices
 - Semarak Integriti KSM
17. Connecting the dots
 - KSM Teh Tarik Roti Canai Session
 - KSM Esprit De Corp



SEKTOR DASAR DAN ANTARABANGSA

LAPORAN TAHUNAN 2016
KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA

SEKTOR DASAR DAN ANTARABANGSA

INSTITUT MAKLUMAT DAN ANALISIS PASARAN BURUH (ILMIA)

Dalam Rancangan Malaysia KeSebelas (RMKe-11) ILMIA dipertanggungjawabkan untuk menyediakan Maklumat Pasaran Buruh (MPB) yang komprehensif untuk menyokong analisis dan penyelidikan berkaitan penawaran dan permintaan sumber manusia, isu-isu tenaga kerja dan tempat pekerjaan di Malaysia. ILMIA bekerjasama dengan semua pihak berkepentingan khususnya dari pihak majikan, organisasi pekerja, entiti pendidikan, penyedia statistik pasaran buruh dan agensi-agensi kerajaan yang lain untuk menjana pelbagai MPB bersepadu. ILMIA akhirnya akan menyumbang kepada objektif yang lebih luas daripada Program Transformasi Ekonomi kerajaan untuk mencapai ekonomi berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020.

Melaksanakan Program Penyelidikan pada tahun 2016

Pada tahun 2016 program kerja ILMIA terus memberi tumpuan kepada kajian berkaitan isu-isu pasaran buruh; Berikut adalah kajian yang telah dilaksanakan sepanjang tahun 2016.

- *National Wage Index (NWI)*

Objektif National Wage Index (NWI) adalah untuk mengukur perubahan gaji dan upah dalam pasaran buruh di Malaysia. Indeks ini akan memberikan manfaat kepada majikan serta agensi pengambilan pekerja melalui perubahan tahap gaji untuk pekerjaan tertentu dalam pasaran buruh. Sementara itu, pencari kerja boleh menggunakan indeks gaji sebagai panduan bagi mengetahui maklumat gaji semasa yang dibayar oleh syarikat disamping membantu dalam perancangan membina kerjaya. Manakala kerajaan pula akan menggunakan index gaji untuk semakan gaji minimum dan penetapan gaji yang bersesuaian.

- *Labour Cost Survey: A comparative studies on employing local and foreign employees in private sector.*

Untuk tujuan statistik kos buruh adalah kos yang ditanggung oleh majikan dalam menggajikan pekerja. Objektif utama kajian ini adalah untuk mengumpul ukuran tahap, jenis dan evolusi kos buruh kepada pihak majikan. Data yang digunakan, antara lain, untuk analisis struktur kos buruh, dan hubungan antara komponen yang berbeza. Anggaran rasmi secara amnya digunakan sebagai langkah evolusi daripada jumlah kos tenaga kerja dari masa ke semasa, dan biasanya dikira pada setiap suku tahun atau tahunan. Kaji selidik ini telah menggunakan sampel pertubuhan atau syarikat, yang meliputi perjawatan yang melebihi saiz tertentu. Sebagai peraturan, kajian ini meliputi gaji pekerja sektor sektor formal, pekerja yang bekerja di rumah, bekerja sendiri, pekerja keluarga, pengarah yang dibayar yuran, pekerja yang menerima komisyen dan pemilik perniagaan yang bekerja biasanya dikecualikan.

- *Human capital Issues within the Machinery/Equipment and advance engineering sector.*

Kajian ini melihat kepada keperluan sumber manusia dan kemahiran dalam sektor jentera / peralatan dan kejuruteraan maju (Machinery Equipment & industri Advance Engineering) dan meninjau landskap industri (contohnya trend industri dan prospek) disamping menentukan profil tenaga kerja semasa dan masa depan Machinery Equipment & industri Advance Engineering. Kaji selidik ini adalah bertujuan bagi mendapatkan maklumat mengenai pekerjaan yang diwujudkan, profil pekerja baru, kadar kekosongan, jawatan yang sukar diisi, kadar pusing ganti pekerja, pertindihan jawatan, peluang pekerjaan masa depan, dan lain-lain. Seterusnya pekerjaan permintaan yang tinggi perlu dimasukkan dalam Senarai Pekerjaan kritikal (COL) yang sedang dibangunkan.

- *A study on union effectiveness in Malaysia.*

Kajian ini telah mengenal pasti beberapa pola penting hasil dari analisis yang telah dijalankan merangkumi tiga bahagian penting iaitu keberkesanan kesatuan sekerja, peranan agensi yang berkaitan kesatuan sekerja dan persepsi anggota kesatuan sekerja berhubung dengan pelaksanaan Perjanjian Perkongsian Trans-Pasifik (TPPA). Ringkasan eksekutif ini mengemukakan dapatan-dapatan kajian, analisis perbandingan, penanda aras kesatuan sekerja serta cadangan yang konstruktif untuk dilaksanakan bagi tempoh jangka masa pendek dan jangka masa panjang.

- *A Study on Malaysian working in Singapore*

Modal insan yang berkemahiran adalah pembolehubah kritikal untuk memacu dan mengekalkan pertumbuhan ekonomi Malaysia, terutamanya dalam membangunkan ekonomi berasaskan pengetahuan bagi mencapai matlamat Wawasan 2020. Sepertimana cabaran yang dihadapi oleh negara lain, Malaysia juga dipengaruhi oleh isu brain-drain yang menjejaskan stok modal insan berkemahiran. Dianggarkan pada tahun 2010 bahawa sebanyak 50 peratus daripada rakyat Malaysia berhijrah ke luar negara adalah berkemahiran dan berpendidikan tinggi. Ini merupakan satu kerugian kepada negara terhadap pertumbuhan ekonomi dan pembangunan negara.

- *Kajian National Employment Return (NER) 2015/2016.*

ILMIA telah menjalankan kaji selidik pertubuhan (establishment) bagi mengumpul maklumat penggajian dan permintaan tenaga kerja sebagai sebahagian daripada usaha untuk menambah baik perancangan dan pembangunan sumber manusia di Malaysia. Pelaksanaan kajian NER 2016 telah mengambil kira penyata guna tenaga kebangsaan sebelumnya dan juga kajian-kajian lain. Adalah menjadi hasrat ILMIA, liputan NER 2016 dapat mengumpul maklumat yang lebih terkini dan tepat bagi mengenal pasti isu dan cabaran yang berlaku dalam persekitaran pasaran buruh negara.

- *Penerbitan*

ILMIA telah menerbitkan jurnal Malaysia Labour Review (MLR). MLR merupakan satu platform penulisan yang membincang dan membahaskan topik-topik yang berkaitan dengan maklumat pasaran buruh, hubungan pekerja, keselamatan dan kesihatan di tempat kerja, ekonomi buruh dan pengurusan sumber manusia. Jurnal ini telah diterbitkan secara konsisten sebanyak dua kali setahun iaitu penerbitan setiap bulan Jun dan Disember 2016.

LMIDW dan Portal ILMIA

Penambahbaikan Sistem Gudang Data Maklumat Pasaran Buruh (Labour Market Information Datawarehouse-LMIDW): Fasa IV



Dalam usaha untuk menyediakan maklumat pasaran buruh yang lebih komprehensif dan menepati keperluan semasa, ILMIA telah melaksanakan beberapa penambahbaikan ke atas Sistem Gudang Data Maklumat Pasaran Buruh sedia ada. Penambahbaikan ini adalah selaras dengan inisiatif yang telah digariskan dalam Rancangan Malaysia Ke sebelas (RMKe-11): Kertas Strategi 8 berkaitan peranan KSM khususnya ILMIA dalam mempertingkatkan keupayaan LMIDW untuk menyokong dalam penggubalan dasar dan membuat keputusan serta memudahkan pepadanan permintaan dan penawaran dalam pasaran buruh

Proses penambahbaikan ini akan mengambil masa selama 1 tahun bermula pada bulan Ogos 2016 sehingga Julai 2017. Tiga aktiviti utama yang terlibat adalah sepertimana berikut:

1. Pembangunan Sistem Pengurusan Aliran Data
2. Penaiktarafan Portal ILMIA
3. Pelaksanaan Program Pengurusan Perubahan


Pembangunan Sistem Pengurusan Aliran Data

Pembangunan Sistem Pengurusan Aliran Data atau Data Flow Management System (DFMS) merupakan kesinambungan daripada pembangunan sistem LMIDW Fasa III (2014-2015) yang lebih tertumpu kepada penyediaan platform atau infrastuktur gudang data dari aspek perkakasan dan perisian yang diperlukan.

LMIDW Fasa IV akan memberi tumpuan kepada penambahbaikan mekanisme pengumpulan data yang melibatkan kompilasi data-data berkaitan maklumat pasaran buruh daripada 18 agensi/jabatan/kementerian yang terlibat atau dikenali sebagai pembekal data iaitu 14 agensi/jabatan di bawah Kementerian Sumber Manusia (KSM) dan 4 masing-masing daripada Kementerian Pengajian Tinggi (KPT), Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM), Kementerian Kemajuan Luar Bandar Dan Wilayah (KKLW) melalui MARA dan Kementerian Belia dan Sukan (KBS).

Melalui pembangunan DFMS ini, aktiviti pengumpulan data akan diselaraskan dan dipantau dari semasa ke semasa. Selain itu, ia juga berperanan sebagai medium untuk perkongsian data secara terbuka antara agensi/jabatan/kementerian pembekal data serta terbuka kepada mana-mana organisasi yang berminat untuk berkongsi data mereka kepada KSM khususnya ILMIA. Sistem ini secara tidak langsung menyokong inisiatif kerajaan di dalam mewujudkan persekitaran data terbuka sektor awam.

Penaiktarafan Portal ILMIA




Muka depan Portal ILMIA versi dinaiktaraf

Portal ILMIA merupakan pintu gerbang utama bagi penyebaran dan perkongsian maklumat berkaitan pasaran buruh. Dalam RMKe-11, peranan ILMIA dalam menyediakan maklumat berkaitan pasaran buruh diperkuat lagi seperti mana yang telah digariskan dalam Teras 3, Bidang Fokus A: Meningkatkan Pembangunan Modal Insan Untuk Negara Maju, melalui Strategi A2-Mempertingkatkan operasi pasaran buruh bagi memaksimumkan kecekapan dan keberkesanan.

Melalui LMIDW, pelbagai maklumat berkaitan pasaran buruh dapat dikongsi, diintegrasikan dan dianalisa bagi memenuhi keperluan pihak berkepentingan seperti pihak pembuat dasar / polisi, majikan, pekerja, pencari kerja, pasukan penyelidik, pelabur antarabangsa dan masyarakat umumnya melalui penggunaan papan pemuka atau Dashboard yang terdapat di portal rasmi ILMIA.

Dalam hal ini, ILMIA perlu sentiasa memastikan portal yang dibangunkan adalah sentiasa di tahap yang terbaik samada dari aspek look and feel, mesra pengguna serta kebolehcapaian yang tinggi. Bagi tujuan itu, penaiktarafan portal sedia ada perlu dibuat dari semasa ke semasa bagi meningkatkan kualiti perkhidmatan dan keupayaan penyampaian perkhidmatan melalui penyediaan portal yang lebih berdaya saing dan menawarkan perkhidmatan online yang lebih pantas dan komprehensif kepada rakyat. Selain itu juga, ia bagi memastikan portal ILMIA sentiasa memenuhi kriteria laman web/portal agensi kerajaan yang telah ditetapkan oleh pihak MAMPU melalui Provider-Based Evaluation (PRoBE).

Program Pengurusan Perubahan



Program pengurusan perubahan merupakan elemen penting dalam projek LMIDW Fasa IV bagi memastikan tahap kesediaan kakitangan atau pegawai dalam menerima apa-apa juga perubahan yang terlibat sepanjang projek ini berjalan. Tumpuan aktiviti adalah berkaitan pemindahan teknologi atau pengetahuan, pembangunan manual prosedur kerja atau Standard Operating Procedure (SOP) khususnya dalam perkongsian data serta promosi atau program outreach kepada kumpulan berkepentingan.

Sehingga Disember 2016, sebanyak 3 siri kursus telah berjaya dilaksanakan kepada pegawai-pegawai ILMIA khususnya dari kumpulan IT dan pengguna bisnes LMIDW. Manakala bagi pembangunan manual prosedur kerja, sebanyak 2 siri kursus telah berjaya dilaksanakan kepada pegawai-pegawai dari agensi/jabatan/kementerian pembekal data.



Bengkel SOP Siri 2

Pengemaskinian maklumat

Pengemaskinian maklumat merupakan antara aktiviti penting yang dilaksanakan sepanjang masa bagi memastikan maklumat yang dipaparkan adalah yang terkini, tepat dan sedia digunakan pada bila-bila masa sahaja.

Dalam hal ini, ILMIA amat mengambil berat dan memberi perhatian terhadap aktiviti-aktiviti pengemaskinian maklumat ke atas portal ILMIA dari semasa ke semasa. Ini selaras dengan arahan yang dikeluarkan oleh MAMPU menerusi Malaysian Government Portal/Web Assessment (MGPWA) bersama pihak Multimedia Development Corporation (MDec) yang akan memantau aktiviti pengemaskinian setiap jabatan kerajaan.



Paparan muka hadapan Portal ILMIA

RETREAT PELAN STRATEGIK KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA 2016-2020

Retreat Pelan Strategik Kementerian Sumber Manusia (KSM) telah diadakan pada 16 hingga 18 Disember 2016 bagi membincangkan perancangan masa hadapan dan hala tuju KSM bagi tempoh 2016 hingga 2020. Sebanyak 13 kertas pembentangan yang menyetengahkan isu semasa berkaitan dasar KSM telah dibentangkan. Antara lain, Retreat telah bersetuju dengan pernyataan Visi baharu KSM sebagai “Peneraju Pembangunan Dan Pengurusan Sumber Manusia Negara” dan pernyataan Misi baharu KSM seperti berikut:

- (i) membangunkan dan melahirkan modal insan yang kompeten, produktif, responsif dan berdaya tahan dalam pasaran buruh negara ke arah meningkatkan produktiviti dan ekonomi negara;
- (ii) memastikan kelancaran operasi pasaran buruh negara;
- (iii) meningkatkan kebolehpekerjaan dan penggajian tenaga kerja tempatan bagi memenuhi keperluan pasaran kerja Negara;
- (iv) memastikan perhubungan perusahaan yang harmoni dan kondusif;
- (v) mengutamakan aspek keselamatan dan kesihatan pekerjaan; dan
- (vi) memastikan jaringan keselamatan sosial yang komprehensif, dinamik dan progresif.

Selaras dengan misi tersebut, Retreat turut memutuskan supaya perancangan dan pelaksanaan dasar dan hala tuju KSM hendaklah berlandaskan enam teras strategik berikut:

- (i) meningkatkan pembangunan modal insan yang relevan, kompeten dan berdaya saing untuk memenuhi keperluan ekonomi negara;
- (ii) mengutamakan peluang pekerjaan kepada warganegara;
- (iii) memelihara dan meningkatkan perhubungan perusahaan yang harmoni dan kondusif;
- (iv) mengamalkan budaya kerja selamat dan sihat yang dinamik;
- (v) memantapkan jaringan keselamatan sosial yang progresif dan komprehensif kepada seluruh lapisan pekerja; dan
- (vi) memantapkan dan memperkasakan tadbir urus KSM.

Retreat turut bersetuju supaya KSM memainkan peranan penting dalam penggubalan Pelan Induk Pembangunan Modal Insan bersama-sama Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri yang akan menjadi dokumen induk mengenai pembangunan sumber manusia negara.

KAJIAN SEMULA UNDANG-UNDANG BURUH DI BAWAH OBLIGASI
BAB BURUH DAN LABOUR CONSISTENCY PLAN PERJANJIAN PERKONGSIAN TRANS-PASIFIK

Semenjak termeterainya Perjanjian Perkongsian Trans-Pasifik (TPPA) pada 4 Februari 2016 di Auckland, New Zealand, KSM telah dijemput untuk memberi penerangan dan mengadakan sesi dialog berhubung Bab Buruh dan Labour Consistency Plan (LCP) yang terkandung dalam TPPA. Sepanjang Februari hingga Disember 2016, sebanyak 32 sesi penerangan dan dialog telah diberikan untuk memberi penjelasan berhubung kajian semula ke atas undang-undang buruh untuk memenuhi obligasi TPPA kepada pelbagai pihak berkepentingan.

Seorang pakar teknikal dari International Labour Organisation (ILO) telah berada di KSM daripada 15 Ogos 2016 hingga 8 September 2016 untuk membantu dan membimbing jabatan-jabatan dalam proses kajian semula undang-undang buruh. Jabatan-Jabatan yang berkaitan termasuk Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia (JTKSM), Jabatan Tenaga Kerja (JTK) Sabah, JTK Sarawak, Jabatan Perhubungan Perusahaan (JPP), Jabatan Hal Ehwal Kesatuan Sekerja (JHEKS) dan Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP) telah mengambil peluang ini untuk mendapatkan pandangan daripada pakar teknikal berhubung pindaan akta-akta yang berkaitan dengan Bab Buruh dan LCP.

Beberapa sesi bengkel telah diadakan sepanjang tahun 2016 untuk meneliti setiap cadangan pindaan undang-undang buruh antaranya:

- (i) Bengkel Penggubalan Rang Undang-Undang Penginapan Pekerja 201X, 15-17 Mei 2016, Hotel Thistle, Port Dickson;
- (ii) Bengkel Penggubalan Rang Undang-Undang Penginapan Pekerja 201X dan Pindaan Akta Kanak-Kanak dan Orang Muda (Pekerjaan) 1966, 25-27 Julai 2016, Hotel Grand Blue Wave, Shah Alam;
- (iii) Bengkel Pindaan Akta Kerja 1955, Ordinan Buruh (Sabah Bab 67) dan Ordinan Buruh (Sarawak Bab 76), 29-30 Ogos 2016, Hotel Concorde, Shah Alam; dan
- (iv) Bengkel Pindaan Akta Perhubungan Perusahaan 1967 dan Akta Kesatuan Sekerja 1959, 8-9 September 2016, Hotel Eastin, Petaling Jaya.

Sehingga 31 Disember 2016, dua (2) daripada sembilan (9) akta yang dikaji semula dan dicadangkan pindaan telah dan sedang disemak oleh Jabatan Peguam Negara, iaitu cadangan pindaan kepada:

- (i) Akta Agensi Pekerjaan Swasta 1981; dan
- (ii) Akta Kanak-Kanak dan Orang Muda (Pekerjaan) 1966.

Kedua-dua akta tersebut dicadangkan untuk dibentangkan dalam Mesyuarat Pertama, Penggal Kelima, Parlimen Ketiga Belas dalam bulan Mac 2017.

PINDAAN JADUAL (SEKSYEN 2) AKTA UMUR PERSARAAN MINIMUM 2012

Akta Umur Persaraan Minimum 2012 (Akta 753) merupakan satu inisiatif bagi mengukuhkan jaringan keselamatan sosial dan membela nasib golongan pekerja yang mudah terjejas. Di bawah Akta 753, majikan tidak boleh membersarakan pekerjaanya secara pramasa sebelum pekerja itu mencapai umur 60 tahun. Akta 753 ini telah mula berkuat kuasa pada 1 Julai 2013 ke atas semua majikan swasta di seluruh Malaysia.

Sepanjang tempoh pelaksanaan Akta 753 ini, terdapat beberapa maklum balas yang diterima berhubung isu kesukaran majikan untuk mematuhi Akta 753 ini terutama bagi golongan pekerja kontrak bertempoh tetap di peringkat pengurusan tertinggi/kanan kerana lazimnya majikan terutamanya Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC) atau syarikat besar memerlukan lebih dari 24 bulan untuk memastikan kelangsungan operasi syarikat dalam merencana perkembangan perniagaan serta merancang dan melaksanakan succession plan mereka.

Dalam hubungan ini, pada tahun 2016, KSM telah mengambil inisiatif untuk meminda Jadual (Seksyen 2) Akta 753 yang menyenaraikan kriteria-kriteria ketidakpakaian Akta, dengan menambah sub-perenggan (ha) seperti berikut:

“(ha) seseorang yang diambil kerja untuk suatu kontrak perkhidmatan bertempoh tetap, termasuk apa-apa pelanjutan, yang melebihi 24 bulan tetapi tidak melebihi 60 bulan dengan gaji pokok sebanyak RM20,000.00 sebulan dan ke atas”.

Melalui pindaan yang berkuat kuasa mulai 23 September 2016 ini, Akta 753 adalah tidak terpakai ke atas individu yang dinyatakan dalam perenggan (ha). Pindaan ini diharap akan membolehkan Akta 753 dipatuhi dengan lebih meluas tanpa menjejaskan objektif utama pelaksanaan Akta iaitu bagi mengukuhkan jaringan keselamatan sosial golongan pekerja.

INISIATIF STRATEGI LAUTAN BIRU KEBANGSAAN (NBOS)

Bahagian Dasar merupakan urusetia kepada Inisiatif Strategi Lautan Biru Kebangsaan (NBOS) KSM. Sepanjang tahun 2016 KSM telah melaksanakan 3 inisiatif NBOS iaitu Program 1Malaysia Skills Training and Enhancement for the Rakyat (1MASTER), JobFair @ UTC dan 1Malaysia Support For Housewives (1MS4HW).

(i) 1Malaysia Skills Training And Enhancement For The Rakyat (1MASTER)

Inisiatif 1Malaysia Skills Training and Enhancement for the Rakyat atau 1MASTER dilaksanakan dengan kerjasama Institusi Latihan Kemahiran Awam (ILKA) di bawah 10 Kementerian/Agensi bertujuan mengoptimumkan penggunaan ILKA dan memaksimumkan penglibatan industri dalam membangunkan tenaga mahir negara. 1MASTER memberi peluang kepada peserta untuk mengikuti latihan dalam dua situasi pembelajaran iaitu secara praktikal di tempat kerja yang sebenar dan secara teori di institusi latihan. 1MASTER juga membolehkan latihan kemahiran dijalankan secara komprehensif dan padat dalam tempoh latihan yang anjal, mengikut keperluan kursus masing-masing.

Sepanjang tahun 2016, seramai 76,155 peserta telah dilatih di bawah inisiatif 1MASTER. Disamping itu, inisiatif 1MASTER juga telah melatih seramai 1,200 pekerja khususnya front liners dalam bidang hospitaliti dan peruncitan bagi meningkatkan kemahiran asas Bahasa Inggeris. Di bawah 1MASTER juga, institusi-institusi latihan selaku agensi pelaksana turut memberikan khidmat nasihat dan bimbingan untuk meningkatkan produktiviti perusahaan melalui lawatan ke industri kecil dan sederhana. Sepanjang tahun 2016, sebanyak 5,723 lawatan telah berjaya dilakukan berbanding sasaran tahunan sebanyak 4,600 lawatan.

Perkembangan status pelaksanaan 1MASTER dilaporkan secara bulanan dalam Pre-NBOS Summit dan NBOS Summit yang dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri atau YAB Timbalan Perdana Menteri. Ini membuktikan keteguhan komitmen Kerajaan dalam memastikan peningkatan kapasiti seseorang individu dalam bidang kemahiran, juga memperbaiki taraf kehidupan mereka sekaligus menyumbang kepada pembangunan ekonomi Negara.

(ii) JobFair @ UTC

Pada 5 November 2016 yang lalu, KSM melalui JobsMalaysia telah berjaya menganjurkan Program Job Fair @ UTC Peringkat Kebangsaan Tahun 2016 dengan kerjasama pihak National Strategic Unit (NSU) di 9 Urban Transformation Centre (UTC) seluruh negara. Program ini bertujuan untuk memperkasa UTC sebagai Hub Perkhidmatan Pekerjaan (Employment Hub) dengan menawarkan peluang pekerjaan kepada semua lapisan masyarakat selaras dengan saranan YAB Perdana Menteri supaya peranan JobsMalaysia Centre (JMC) di semua UTC dipertingkat dan promosi perkhidmatan yang ditawarkan diperhebat supaya lebih diketahui umum.

Program tersebut telah dirasmikan oleh YB Timbalan Menteri Sumber Manusia di UTC Kuantan, Pahang dan berlangsung secara serentak di 9 lokasi UTC yang menempatkan pusat kerjaya di seluruh negara. Secara keseluruhan, seramai 282 majikan telah terlibat dan menawarkan sebanyak 15,000 kekosongan jawatan yang terdiri daripada kategori jawatan profesional sehingga pekerjaan asas. Seramai 18,249 pencari kerja telah menghadiri program tersebut dan sebanyak 4,168 penempatan pekerjaan telah berjaya dibuat manakala seramai 7,322 pencari kerja telah disenarai pendek untuk temuduga kedua.

(iii) Program 1Malaysia Support For Housewives (1MS4HW)

1MS4HW bertujuan untuk mewujudkan peluang pekerjaan dan jaminan sosial kepada suri rumah berpendapatan rendah dengan menyediakan peluang-peluang yang bersesuaian untuk meningkatkan kualiti hidup mereka, berpendapatan dan berkemahiran. Sejak tahun 2015, terdapat 3 program yang telah dilaksanakan oleh KSM di bawah 1MS4HW, iaitu:

- (a) Program Menjana Pendapatan yang menyediakan bantuan peralatan kepada perusahaan yang dimiliki oleh suri rumah berpendapatan rendah secara individu atau berkelompok untuk menjana pendapatan tambahan bagi menjamin kualiti hidup yang lebih baik;
- (b) Housewives Enhancement and Reactivate Talent Scheme (HEARTS) merupakan program untuk melatih suri rumah berpendidikan dan mempunyai bakat dalam bidang-bidang khusus bagi membolehkan mereka bekerja dari rumah atau dalam persekitaran kerja yang fleksibel; dan
- (c) Survivor Skills for Women (SS4W) membantu suri rumah berkemahiran mendapatkan Persijilan Kemahiran Malaysia melalui kaedah Pengiktirafan Pembelajaran Terdahulu (PPT).

Sehingga akhir tahun 2016, 1MS4HW telah memberi manfaat kepada seramai 1,877 suri rumah seperti berikut:

Program	Tahun 2015	Tahun 2016
Program Menjana Pendapatan	253	183
HEARTS	200	366
SS4W	437	438
JUMLAH	890	987

Selain itu, NBOS International Week 2016 juga telah berlangsung dengan jayanya daripada 14 hingga 20 Ogos 2016 bertempat di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC). KSM terlibat sebagai pempamer bagi inisiatif NBOS di bawah KSM iaitu 1MASTER dan HEARTS, dengan kerjasama dan komitmen penuh daripada semua Kementerian dan agensi di bawah inisiatif-inisiatif tersebut. Secara purata, seramai 700 orang pengunjung telah berkunjung ke booth KSM sepanjang minggu tersebut untuk mendapatkan maklumat dan perkhidmatan yang ditawarkan. Antara pengunjung termasuk YAB Timbalan Perdana Menteri, YBhg. Tan Sri KSN dan Prof. W.Chan Kim.

Bersempena NBOS International Week tersebut, turut berlangsung International Conference on Blue Ocean Strategy (ICBOS) dari 16 sehingga 18 Ogos 2016. YBhg. Dato' Sri KSU KSM turut terlibat sebagai ahli panel bagi forum ICBOS tersebut. Beliau telah berkongsi pengalaman dan pendekatan yang telah diambil oleh KSM dalam melaksanakan program transformasi melalui prinsip NBOS.

PORTAL e-MASCO

KSM selaku peneraju pembangunan sumber manusia turut bertanggungjawab mengemaskini dan membangunkan Piawaian Pengelasan Pekerjaan Malaysia (MASCO). MASCO adalah penanda aras nasional bagi struktur pekerjaan negara yang dibangunkan berasaskan Piawaian Pengelasan Pekerjaan Antarabangsa (ISCO: International Standard Clasification of Occupation). MASCO menyenaraikan deskripsi dan senarai tugas berserta kod bagi setiap jawatan disenaraikan. Ia mengandungi sepuluh kategori kumpulan utama iaitu Pengurus; Profesional; Juruteknik dan Profesional Bersekutu; Pekerja Sokongan Perkeranian; Pekerja Perkhidmatan dan Jualan; Pekerja Kemahiran Pertanian, Perhutanan, Penternakan, dan Perikanan; Pekerja Kemahiran dan Pekerja Pertukangan yang Berkaitan; Operator Mesin dan Loji, dan Pemasang; Pekerja Asas; dan Angkatan Tentera.

MASCO telah diterbitkan dalam beberapa edisi dan edisi terkini adalah MASCO 2013. Selaras dengan dinamisme teknologi maklumat, MASCO telah diadaptasi kepada Portal e-MASCO. Portal e-MASCO dibangunkan untuk memudahkan pengguna mendapatkan maklumat mengenai pekerjaan dan deskripsi tugas dengan lebih interaktif dan cekap. Portal ini mudah digunakan dan carian boleh dibuat hanya dengan menaip kata kunci (keyword) di ruangan yang disediakan. Pembangunan Portal e-MASCO ini dapat membantu dalam meningkatkan kecekapan maklumat pasaran buruh dalam negara dan dapat memperkasa penyampaian perkhidmatan Kerajaan kepada rakyat.

PENGLIBATAN KSM DALAM JAWATANKUASA-JAWATANKUASA KERJA, MESYUARAT DAN AKTIVITI BERKAITAN PERBURUHAN

1. Cadangan Pelaksanaan Sistem Insurans Pekerjaan di Malaysia

Selaras dengan arahan Majlis Ekonomi (EC), KSM telah mengadakan sesi libat urus berkaitan cadangan pelaksanaan Sistem Insurans Pekerjaan (SIP) yang komprehensif melebihi 25 kali dengan persatuan majikan dan dewan perniagaan serta kesatuan sekerja dan wakil pekerja di seluruh negara. Siri libat urus telah bermula sejak 8 April 2015 dan berakhir dengan sesi bersama Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC) pada 18 Julai 2016.

Pada tahun 2016, KSM telah membuat 2 pembentangan susulan di Mesyuarat EC mengenai cadangan pelaksanaan SIP iaitu pada 15 Ogos 2016 dan 24 Oktober 2016, dengan model yang telah ditambah baik berdasarkan siri libat urus yang telah diadakan serta pandangan-pandangan yang telah dikemukakan oleh Mesyuarat EC. Mesyuarat EC pada 24 Oktober 2016 telah mengarahkan supaya model simulasi kewangan dan cadangan kadar caruman mengikut parameter ekonomi yang lebih mencabar dikaji dan dibentangkan semula kepada EC. Sehubungan dengan itu, KSM akan membuat pembentangan selanjutnya dalam Mesyuarat EC pada awal tahun 2017 bagi mendapatkan sokongan ke atas cadangan pelaksanaan SIP.

2. Pewujudan Skim Bencana Kerja (SBK) Untuk Pemandu Teksi Yang Bekerja Sendiri Atau Individu Yang Menjalankan Perkhidmatan Seumpamanya

Pengumuman mengenai cadangan pewujudan skim keselamatan sosial untuk pemandu teksi telah dibuat oleh Kerajaan pada 1 Julai 2012 bagi melindungi pemandu teksi yang bekerja sendiri. Berdasarkan kepada kehendak pemandu teksi yang bekerja sendiri, mereka perlu diberi perlindungan Skim Bencana Kerja (SBK) kerana skop pekerjaan mereka terdedah kepada kemalangan semasa bekerja atau penyakit khidmat dan sebagai satu jaminan keselamatan sosial kepada orang tanggungan mereka jika berlaku kematian semasa bekerja.

Semasa pembentangan Bajet 2017 pada 21 Oktober 2016, Kerajaan telah mengumumkan peruntukan berjumlah RM60 juta sebagai geran pelancaran bagi melaksanakan skim perlindungan keselamatan sosial untuk pemandu teksi yang bekerja sendiri. Cadangan pewujudan SBK kepada pemandu teksi yang bekerja sendiri atau yang menjalankan perkhidmatan seumpamanya adalah merupakan langkah peringkat awal dalam usaha kementerian memperluaskan perlindungan keselamatan sosial kepada golongan yang bekerja sendiri dan tidak terikat dengan apa-apa kontrak perkhidmatan dengan mana-mana majikan, serta tidak dilindungi di bawah sebarang perlindungan keselamatan sosial. Memorandum Jemaah Menteri mengenai cadangan pewujudan SBK kepada pemandu teksi yang bekerja sendiri atau yang menjalankan perkhidmatan seumpamanya akan dibentangkan untuk pertimbangan dan persetujuan Jemaah Menteri dalam bulan Januari 2017. Satu Rang Undang-Undang baharu juga sedang digubal bagi melaksanakan skim ini.

3. Jawatankuasa Pekerjaan di bawah Majlis Kebangsaan Bagi Orang Kurang Upaya (MKBOKU)

(i) Karnival Kerjaya dan Kemahiran OKU 2016

KSM selaku peneraju kepada Jawatankuasa Pekerjaan di bawah MKBOKU telah menganjurkan Karnival Kerjaya dan Kemahiran OKU 2016 dengan kerjasama dan penglibatan Jabatan/Agensi di bawah Kementerian seperti Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia (JTKSM), Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK), Jabatan Tenaga Manusia (JTM), Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP), Pembangunan Sumber Manusia Berhad (HRDF) dan Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO). Selain itu, KSM juga menjalinkan kerjasama strategik dengan Ahli Majlis Kebangsaan Bagi OKU, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA), Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran (SPP) dan Persatuan-persatuan OKU di Malaysia dalam menjayakan karnival tersebut.

Objektif penganjuran karnival ini adalah bagi mempromosi KSM selaku peneraju Jawatankuasa Pekerjaan MKBOKU yang berperanan utama dalam menawarkan peluang pekerjaan dan program latihan kemahiran kepada OKU. Inisiatif ini amat penting untuk memperkasakan ekonomi golongan OKU dan meningkatkan akses pendidikan khusus dalam bidang kemahiran kepada OKU.

Karnival yang telah diadakan pada 25 November 2016 di Hotel Aloft, Kuala Lumpur Sentral ini merupakan kali kedua dianjurkan di mana terdapat nilai tambah (value added) iaitu dengan menyediakan kaunter penerangan jabatan di bawah KSM melalui khidmat nasihat dan peluang-peluang latihan pembangunan kemahiran kepada OKU bagi peringkat Sijil & Diploma menerusi Institut Latihan Perindustrian (JTM), Pusat Bertauliah bagi Pendidikan Menengah Khas Vokasional (JPK) dan juga Skim Bantuan Galakan Perniagaan bagi OKU (SBGP-OKU) di bawah JTKSM.

(ii) Sesi Penerangan Meningkatkan Penggajian OKU di Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC) dan Badan-Badan Berkanun

Bahagian Dasar juga telah melaksanakan sesi penerangan di ibu pejabat Lembaga Tabung Haji (LTH), Jalan Tun Razak Kuala Lumpur pada 26 Ogos 2016 dan telah mendapat sambutan yang baik daripada pihak pengurusan LTH. Antara objektif utama sesi penerangan adalah seperti berikut:

- (a) mempromosi peranan utama KSM selaku peneraju Jawatankuasa Pekerjaan di bawah MKBOKU dalam menyediakan peluang dan sistem sokongan pekerjaan golongan OKU di Malaysia;
- (b) meningkatkan kesedaran pengurusan GLC dan Badan-Badan Berkanun bagi penawaran peluang pekerjaan kepada OKU berdasarkan kemampuan dan kelayakan (merit);
- (c) meningkatkan penempatan OKU di Syarikat GLC dan Badan Berkanun secara lebih komprehensif dan sistematik; dan
- (d) memastikan golongan OKU turut terlibat dalam arus pembangunan Negara melalui sektor pekerjaan selari dengan matlamat Akta Orang Kurang Upaya 2008.

4. Jawatankuasa Pelan Tindakan Pemerksaan Ibu Tunggal

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWK) telah membangunkan Pelan Tindakan Pemerksaan Ibu Tunggal 2015-2020 (Pelan Tindakan) dan diluluskan di Mesyuarat Jemaah Menteri pada 3 Jun 2015. Melalui keanggotaan pelbagai Kementerian/Jabatan/Agensi dalam Pelan Tindakan tersebut, KSM telah dilantik sebagai ahli Jawatankuasa Kerja Pelan Tindakan Pemerksaan Ibu Tunggal khusus bagi aspek penawaran pekerjaan dan penyediaan latihan kemahiran kepada golongan ibu tunggal. Peranan dan tanggungjawab ini adalah berasaskan kepada 2 teras strategik utama yang dirujuk seperti berikut:

- (i) Teras Strategik 1: Memperkasa Ekonomi Ibu Tunggal; dan
- (ii) Teras Strategik 2: Meningkatkan Kesejahteraan Sosial Ibu Tunggal.

Sehubungan itu, KSM telah menganjurkan Mini Karnival Ibu Tunggal 2016 dengan kerjasama utama Majlis Perbandaran Kajang (MPKj), Kementerian/Jabatan/Agensi lain dan penglibatan beberapa persatuan ibu tunggal sekitar Kuala Lumpur dan Selangor. Penganjuran Mini Karnival Ibu Tunggal pada 4 September 2016 di Kompleks Sukan MPKj, Seksyen 15 Bandar Baru Bangi itu adalah salah satu platform yang disediakan oleh KSM dalam membantu ibu tunggal terutamanya dalam aspek hak dan kebajikan/perundangan yang melibatkan pekerjaan.

Matlamat utama Mini Karnival Ibu Tunggal 2016 ini diadakan adalah untuk mempromosi dan memberi pendedahan tentang peranan/

5. Jawatankuasa Bertindak Rawatan & Pemulihan (JRP)

KSM juga telah diamanahkan dengan tanggungjawab membantu bekas-bekas penagih di bawah JRP yang diterajui oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM). Beberapa aktiviti/program telah dilaksanakan bagi membantu bekas-bekas penagih dadah yang masih dalam tahanan/rawatan pemulihan untuk kembali ke dalam masyarakat serta menyumbang tenaga bagi pembangunan negara. Objektif utama aktiviti/program tersebut dirujuk seperti berikut:

- (i) mengenalpasti proses-proses pemulihan bekas-bekas penagih dadah yang dilaksanakan;
- (ii) mengenalpasti latihan-latihan kemahiran yang dilaksanakan bagi membantu bekas-bekas penagih dadah untuk mendapat pekerjaan selepas tamat tempoh latihan/tahanan; dan
- (iii) membantu bekas-bekas penagih dadah dalam proses pepadanan dan penempatan pekerjaan yang bersesuaian.

Berikut adalah aktiviti/program yang telah dilaksanakan:

Bil.	Tarikh	Tempat
1.	12 Mei 2016	Ibu Pejabat Parol & Penjara Malaysia, Kajang
2.	16 Mei 2016	Pusat Kesihatan Mental Malaysia (Mentari), Hospital Selayang
3.	31 Mei 2016	Pusat Rawatan Methadone, Hospital Kuala Lumpur
4.	10 Ogos 2016	Cure & Care Vocational Centre (CCVC) Sepang

HAL EHWAL PENGAJIAN PEKERJA ASING

1. Memorandum Persefahaman Di Antara Kerajaan Malaysia Dengan Kerajaan Republik Bangladesh Mengenai Penggajian Pekerja Bangladesh

Kerajaan Malaysia dan Kerajaan Republik Bangladesh telah menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) Mengenai Penggajian Pekerja Bangladesh pada 18 Februari 2016 di Dhaka, Bangladesh. MoU tersebut yang menggunakan mekanisme Kerajaan dengan Kerajaan (G to G Plus) telah ditandatangani oleh YB Dato' Sri Richard Riot Anak Jaem, Menteri Sumber Manusia yang mewakili Kerajaan Malaysia dan TYT Nurul Islam, Menteri Ekspatriat, Kebajikan dan Penggajian Luar Negara yang mewakili Kerajaan Republik Bangladesh.

Pada ketika ini, berdasarkan statistik yang dikeluarkan oleh Jabatan Imigresen, sehingga 30 November 2016, seramai 242,444 pekerja Bangladesh di sektor formal dan seramai 136 pekhidmat domestik Bangladesh telah dikeluarkan Pas Lawatan (Kerja Sementara) (PLKS).

2. Memorandum Persefahaman Di Antara Kerajaan Malaysia Dengan Kerajaan Demokratik Sosialis Republik Sri Lanka Mengenai Pengambilan, Penggajian Dan Penghantaran Pulang Pekerja

Kerajaan Malaysia dan Kerajaan Demokratik Sosialis Republik Sri Lanka telah menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) Mengenai Pengambilan, Penggajian dan Penghantaran Pulang Pekerja pada 16 Disember 2016 di Putrajaya, Malaysia sempena Kunjungan Hormat TYT Presiden Demokratik Sosialis Republik Sri Lanka ke atas YAB Perdana Menteri Malaysia. MoU tersebut telah ditandatangani oleh YB Dato' Sri Richard Riot Anak Jaem, Menteri Sumber Manusia yang mewakili Kerajaan Malaysia dan TYT Manusha Nanayakkara, Timbalan Menteri Penggajian Luar Negara yang mewakili Kerajaan Demokratik Sosialis Republik Sri Lanka. Majlis menandatangani MoU tersebut telah disaksikan oleh YAB Dato' Sri Mohd. Najib Bin Tun Abdul Razak, Perdana Menteri Malaysia dan TYT Maithripala Sirisena, Presiden Demokratik Sosialis Republik Sri Lanka.

Pada ketika ini, berdasarkan statistik yang dikeluarkan oleh Jabatan Imigresen, sehingga 30 November 2016, seramai 5,369 pekerja Sri Lanka di sektor formal dan seramai 929 pekhidmat domestik Sri Lanka telah dikeluarkan Pas Lawatan (Kerja Sementara) (PLKS).

SEKTOR DASAR DAN ANTARABANGSA

BAHAGIAN ANTARABANGSA

Bahagian Antarabangsa telah ditubuhkan dengan objektif untuk memastikan Malaysia terlibat secara aktif dalam program antarabangsa di samping meningkatkan hubungan pelbagai hala di peringkat antarabangsa. Pada tahun 2016, Bahagian Antarabangsa telah berjaya menyelaras program serta projek dalam pelbagai peringkat seperti seminar, bengkel, lawatan kerja ke negara asing, menerima lawatan dari delegasi asing dan pegawai atasan serta penglibatan yang berterusan dan proaktif daripada pegawai Kementerian Sumber Manusia dalam mesyuarat antarabangsa, kursus dan seminar.

Dalam arena antarabangsa, Malaysia melalui Kementerian Sumber Manusia banyak memberi sumbangan dalam isu yang berkait rapat dengan pembangunan sumber manusia dan buruh antarabangsa melalui Pertubuhan Buruh Antarabangsa (ILO) di Geneva, Switzerland. Malaysia adalah ahli yang aktif dan banyak menyumbang dalam merumus piawaian ILO buruh antarabangsa dalam merangka Convention dan Recommendation, menyediakan piawaian hak asasi tenaga kerja, perjanjian bersama serta piawaian lain yang merangkumi spektrum yang berkaitan dalam isu pembangunan sumber manusia dan perburuhan.

Selain itu, KSM terlibat secara khusus dalam platform antarabangsa yang lain yang berkaitan dengan pembangunan sumber manusia dan tenaga kerja, contohnya ASEAN Labour Ministerial Meeting (ALMM), ASEAN Occupational Safety and Health Network (ASEAN-OSHNET), ASEAN Senior Labour Officials Meeting (SLOM), dan lain-lain.

Bahagian Antarabangsa Kementerian Sumber Manusia juga memainkan peranan penting melalui Asia-Pacific Economic Cooperation (APEC) di bawah Human Resource Development Working Group (HRDWG), Asia-Europe Meeting (ASEM), Free Trade Agreement (FTA) dan Organisation of Islamic Cooperation (OIC).

UNIT PELBAGAI HALA

WORKSHOP ON MINIMUM WAGE FIXING CONVENTION, 1970 AND NO. 131 MINIMUM WAGE FIXING RECOMMENDATION, 1970 NO.135 PUTRAJAYA SHANGRI-LA HOTEL, 7 – 8 MAC 2016

International Labour Organization (ILO) Convention No. 131: Minimum Wage Fixing Convention, 1970 (C131) merupakan konvensyen utama untuk penetapan kadar gaji minimum selain daripada Convention No. 26 (Minimum Wage Fixing Machinery), 1928 and Convention No. 99 (Minimum Wage Fixing Machinery (Agriculture)), 1951 manakala garis panduan bagi C131 adalah Minimum Wage Fixing Recommendation, 1970 No: 135 (R135). R135 merupakan instrumen yang dihasilkan melalui penglibatan secara tripartite antara pihak Kerajaan, pekerja dan majikan. Garis panduan ini memainkan peranan yang utama dalam menjaga kepentingan kumpulan penerima gaji yang berpendapatan rendah dan menyediakan perlindungan kepada mereka.

Satu bengkel telah diadakan dengan kerjasama daripada Majlis Perundingan Gaji Negara bagi mendapatkan penjelasan dengan lebih terperinci daripada pakar ILO ke atas setiap artikel dalam C131 dan R135 untuk memberi kefahaman yang lebih jelas serta mendapatkan pandangan daripada ILO terhadap best practice yang dilaksanakan di negara-negara maju lain. Selain itu, bengkel tersebut juga turut membantu dalam memberi input kepada anggota-anggota Majlis Perundingan Gaji Negara dan Jawatankuasa Teknikal Gaji Minimum selain turut berkongsi pandangan dan idea.

PENYERTAAN YB MENTERI SUMBER MANUSIA DALAM PERSIDANGAN BURUH ANTARABANGSA SESI KE-105 DARI 6 HINGGA 9 JUN 2016 DI GENEVA, SWITZERLAND

Selaku ahli dalam Pertubuhan Buruh Antarabangsa, Malaysia mengambil bahagian secara aktif dalam Persidangan Buruh Antarabangsa yang diadakan setiap tahun di Geneva. Penyertaan Malaysia dalam persidangan ILC adalah amat penting bagi membolehkan Kerajaan

menyampaikan pendirian dan pandangan berhubung dengan isu-isu perburuhan di peringkat antarabangsa. Forum ini juga memberi peluang kepada Malaysia untuk memperjelaskan kekeliruan, salah faham dan kritikan yang dibangkitkan oleh pihak-pihak tertentu terhadap amalan perburuhan negara ini. Di samping itu, para delegasi juga dapat memberi input –input yang bernas dan mendapat pendedahan serta mempertingkatkan pengetahuan tentang amalan perburuhan melalui idea-idea yang dikongsi oleh negara-negara anggota ILO yang lain berhubung isu-isu perburuhan semasa.

Pada tahun 2016 delegasi Malaysia telah diketuai oleh YB Menteri Sumber Manusia dan turut diiringi oleh Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar & Antarabangsa). Delegasi Malaysia turut disertai oleh wakil-wakil daripada Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC), Persekutuan Majikan-Majikan Malaysia (MEF) dan Kongres Kesatuan Pekerja-Pekerja Dalam Perkhidmatan Awam (CUEPACS).

Malaysia juga telah meratifikasi Konvensyen Buruh Antarabangsa berhubung gaji minimum iaitu Convention No. 131: Minimum Wage Fixing Convention 1970. YB Menteri Sumber Manusia mewakili Kerajaan Malaysia telah menyerahkan instrumen ratifikasi tersebut kepada Mr Guy Ryder, Ketua Pengarah ILO, pada 7 Jun 2016. Konvensyen ini merupakan instrumen antarabangsa yang menggariskan kaedah penetapan gaji minimum dan perkara-perkara berkaitan dengannya yang perlu dipatuhi oleh sesebuah negara yang meratifikasi konvensyen ini. Malaysia merupakan negara pertama dalam kalangan negara-negara anggota ASEAN dan negara yang ke-53 di dunia yang meratifikasi konvensyen ini. YB Menteri Sumber Manusia turut mengadakan perjumpaan dengan pakar perlindungan sosial ILO dan mendapat pandangan dan input mengenai pelan perlindungan sosial yang boleh ditawarkan kepada warga pekerja dan amalan terbaik yang diamalkan oleh negara lain.

PROGRAM KERJA RASMI KE BERLIN DAN UNITED KINGDOM DARI 9 HINGGA 14 JUN 2016

YB Menteri Sumber Manusia telah mengetuai delegasi Pembangunan Sumber Manusia Berhad (PSMB) dalam lawatan kerja ke Berlin dan London. Di Berlin, YB Menteri Sumber Manusia telah mengadakan perjumpaan dengan European School of Management and Technology (ESMT). Pihak ESMT telah berkongsi maklumat berhubung pengurusan institusi, penawaran ijazah sepenuh dan separuh masa serta penawaran pendidikan terbuka kepada kumpulan eksekutif dan program khusus. Delegasi YB Menteri Sumber Manusia juga melawat Dual Vocational Training and Siemens Technik-Akademie.

Di United Kingdom, YB Menteri Sumber Manusia telah melawat Swansea University dan Cardiff and Vale Collage yang menawarkan program pendidikan dan latihan teknikal melalui program perantis khasnya untuk golongan muda bagi mendapatkan pekerjaan. Selain itu, delegasi Malaysia turut mengadakan pertemuan dengan Chartered Institute of Personal Development (CIPD) dan turut melawat Technical and Vocational Education Training United Kingdom (TVET UK) bagi mengkaji struktur pelaksanaan dan program kolaborasi di peringkat antarabangsa yang ditawarkan oleh TVET UK.



YB Menteri Sumber Manusia mendeposit instrumen ratifikasi Konvensyen 131 (Gaji Minima) pada 7 Jun 2016



Pertemuan dua hala dengan TYT Lim Swee Say, Menteri Tenagakerja Singapura di Ibu Pejabat ILO, Geneva pada 8 Jun 2016



YB Menteri Sumber Manusia berucap semasa Sidang Pleno di Palais de Nation, United Nation pada 7 Jun 2016



Perbincangan antara delegasi YB Menteri Sumber Manusia dengan pakar perlindungan sosial ILO di Ibu Pejabat ILO, Geneva pada 8 Jun 2016



YB Menteri Sumber Manusia menyampaikan cenderahati kepada pengurus European School of Management and Technology (ESMT) pada 10 Jun 2016



Perbincangan delegasi YB Menteri Sumber Manusia dengan pengurusan Dual Vocational Training and Siemens Technik-Akademie pada 10 Jun 2016



Perbincangan delegasi YB Menteri Sumber Manusia dengan pengurusan Cardiff and Vale College pada 13 Jun 2016



YB Menteri Sumber Manusia bersama pengurusan Swansea University pada 13 Jun 2016

SESI KONSULTASI DENGAN PAKAR DARIPADA ILO PADA 20 HINGGA 24 JUN 2016

Sesi konsultasi di antara pegawai-pegawai Kementerian Sumber Manusia (KSM) dengan beberapa orang pakar teknikal daripada International Labour Organization (ILO) telah diadakan di KSM. Sesi konsultasi tersebut memberi tumpuan terhadap isu-isu yang memerlukan penjelasan dan rujukan daripada pihak ILO berhubung pindaan/ penggubalan akta-akta perburuhan lanjutan daripada Perjanjian Perkongsian Trans Pasifik (TPPA). Pakar teknikal tersebut adalah terdiri daripada pakar dalam undang-undang perburuhan, pemeriksaan buruh dan perhubungan perusahaan. Sesi tersebut telah berjalan dengan baik dan kedua-dua pihak telah mendapat input-input yang bernas.



UNIT ASEAN

MESYUARAT MENTERI-MENTERI BURUH YANG KE-24 DAN MESYUARAT / PERSIDANGAN YANG BERKAITAN, VIENTIANE, LAO PDR, 10-16 MEI 2016

Mesyuarat Menteri-menteri Buruh ASEAN yang ke-24 (ALMM) dan mesyuarat-mesyuarat / persidangan berkaitan telah diadakan di Hotel Don Chan, Vientiane, Lao PDR dari 10 hingga 16 Mei 2016, bertemakan "Peralihan daripada Pekerjaan Tidak Formal kepada Pekerjaan Formal ke arah Promosi Pekerjaan Teratur di ASEAN". Pernyataan Bersama telah dikeluarkan oleh ALMM pada 17 Mei 2016 yang menekankan Draf Perisytiharaan Vientiane mengenai "Peralihan daripada Pekerjaan Tidak Formal kepada Pekerjaan Formal ke arah Promosi Pekerjaan Teratur di ASEAN" dan program kerja ALMM 2016-2020.

Draf Perisytiharaan Vientiane telah diangkat oleh Pengerusi ALMM kepada Majlis Komuniti Sosial-Budaya ASEAN (ASCC) dan seterusnya diserahkan kepada Sidang Kemuncak ASEAN ke-28 di Lao PDR pada September 2016 untuk diterima oleh pemimpin-pemimpin negara anggota ASEAN.

YB Dato' Sri Richard Riot dalam saranan beliau semasa di ALMM 24, menyentuh mengenai Draf Instrumen ASEAN mengenai Perlindungan dan Promosi Hak Asasi Pekerja Migrasi, yang perlu dirunding lagi dan memuktamadkannya menjelang September 2016 atau selewat-lewatnya menjelang April 2017. YB Menteri juga telah memaklumkan di ALMM 24 bahawa Malaysia akan memegang Kepengerusaaan ALM dari 2018 ke 2020, dan menjadi tuan rumah ALMM yang ke-25 pada 2018.



YB Menteri Sumber Manusia Malaysia bersama dengan TYT Sonexay Siphandone, Timbalan Perdana Menteri Lao PDR

Di samping itu, Mesyuarat ke-9 ALMM Campur Tiga (Jepun, China dan Korea Selatan) yang telah diadakan pada 16 Mei 2016 turut membincangkan 'Peralihan daripada Pekerjaan Tidak Formal kepada Pekerjaan Formal ke arah Promosi Pekerjaan Teratur di ASEAN'. Dato' Sri Richard telah menyarankan negara-negara anggota ASEAN untuk melaksanakan pembangunan perusahaan kecil dan sederhana, dialog sosial dan perlindungan di tempat kerja, dalam merealisasikan peralihan daripada pekerjaan tidak formal kepada pekerjaan formal. Kenyataan Bersama oleh ALMM Campur Tiga turut telah dikeluarkan mengenai perkara ini.

YB Dato' Sri Richard Riot mengadakan empat mesyuarat dua hala dengan rakan-rakan sejawat beliau daripada Brunei Darussalam, Jepun, Lao PDR dan Singapura. Mesyuarat dua hala secara amnya menyentuh mengenai kerjasama buruh, bertukar-tukar pandangan mengenai Pertandingan Skil ASEAN 2016, Persidangan Pemeriksaan Perburuhan ASEAN 2016 dan Persidangan Produktiviti Upah ASEAN 2017, pembiayaan projek-projek pembangunan kapasiti dan cabaran yang dihadapi oleh negara-negara anggota ASEAN mengenai pekerja migrasi.

YB Menteri juga telah bertemu dengan rakyat Malaysia di Majlis Perjumpaan Makan Malam pada 16 Mei 2016, di mana, YB Menteri telah menekankan kepentingan bagi rakyat Malaysia menjaga nama baik Malaysia di Lao PDR, sumbangan oleh parti Barisan Nasional dalam membangunkan Malaysia, terutamanya di Sarawak, penambahbaikan yang dilaksanakan oleh Kementerian dalam sistem penyampaian awam dan kepentingan pendidikan teknikal dan vokasional (TVET) latihan yang difokuskan dalam Rancangan Malaysia ke-11.

YB Dato' Sri Richard Riot mengetuai Delegasi Malaysia ke ALMM yang ke-24 dan mesyuarat / persidangan berkaitan. Beliau telah diiringi oleh Dato' Sri Adenan Ab Rahman, Ketua Setiausaha Kementerian Sumber Manusia serta pegawai-pegawai kanan daripada Kementerian Sumber Manusia dan Kedutaan Malaysia di Vientiane, Lao PDR.

ALMM 24 telah didahului oleh Mesyuarat / Persidangan di peringkat pegawai-pegawai kanan seperti berikut:

- Mesyuarat Jawatankuasa ASEAN yang ke-9 Pelaksanaan Perisytiharaan ASEAN mengenai Perlindungan dan Promosi Hak Asasi Pekerja Migrasi (9th ACMW), 10-11 Mei 2016;
- Mesyuarat Pegawai-pegawai Kanan Buruh ASEAN ke-12 (12th SLOM), 11-12 Mei 2016;
- Mesyuarat Campur Tiga Pegawai-pegawai Kanan Buruh ASEAN ke-14 (14 SLOM 3), 13 Mei 2016;
- Mesyuarat Jawatankuasa (PCC) kerjasama projek ILO/Jepun; Kumpulan Kerja mengenai Program Kerjasama Pembangunan Sumber Manusia ASEAN-Jepun (WG-PTM), 13 Mei 2016; dan
- Persidangan Sumber Manusia yang ke-5 (5th HRC), 14 Mei 2016.

ALMM ke-24 dan mesyuarat / persidangan berkaitan telah diadakan secara produktif dan interaktif. ALMM ke-24 dan mesyuarat / persidangan telah dihadiri oleh kira-kira 100 orang delegasi daripada negara-negara anggota ASEAN, China, Jepun, Korea Selatan, Pertubuhan Buruh Antarabangsa (ILO) dan Organisasi Antarabangsa mengenai Migrasi (IOM).



YB Menteri Sumber Manusia (lima dari kanan) bersama Menteri-menteri Buruh serta Ketua Delegasi bagi negara anggota ASEAN pada Majlis Perasmian ALMM Ke-24



YB Menteri Sumber Manusia Malaysia (lima dari kanan) bersama Menteri-menteri Buruh serta Ketua Delegasi bagi negara anggota ASEAN berjabat tangan cara ASEAN (ASEAN Way) sebelum bermulanya ALMM Ke-24



YB Menteri Sumber Manusia Malaysia melakukan celahan (intervention) ketika sesi Mesyuarat Menteri-menteri Buruh ASEAN Plus Three Ke-9 (9th ALMM + 3), bersama delegasi Malaysia termasuklah Dato' Sri Ketua Setiausaha Kementerian Sumber Manusia dan Dato' Ketua Pengarah Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia.



YB Menteri Sumber Manusia menyampaikan cenderamata kepada rakan sejawatnya, TYT Pehin Abu Bakar Apong, Menteri Dalam Negeri Brunei Darussalam disaksikan delegasi daripada kedua-dua pihak semasa Pertemuan Dua Hala antara Malaysia dan Brunei bersempena Mesyuarat Menteri-menteri Buruh ASEAN Ke-24 dan mesyuarat/persidangan berkaitan di Vientiane, Lao PDR, 15-16 Mei 2016.



YB Menteri Sumber Manusia bersama-sama delegasi Malaysia ke Mesyuarat Menteri-menteri Buruh ASEAN Ke-24 dan mesyuarat/persidangan berkaitan di Vientiane, Lao PDR, 15-16 Mei 2016. Turut kelihatan ialah Dato' Sri Ketua Setiausaha Kementerian Sumber Manusia, Dato' Ketua Pengarah Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia, Dato' Duta Besar Malaysia ke Lao PDR serta pegawai-pegawai Kementerian Sumber Manusia dan Kedutaan Malaysia di Lao PDR.



YB Menteri Sumber Manusia bertukar cenderamata bersama rakan sejawatnya, TYT Dr. Khampheng Saysompheng, Menteri Buruh dan Kebajikan Sosial Lao PDR, disaksikan delegasi daripada kedua-dua pihak semasa Pertemuan Dua Hala antara Malaysia dan Lao PDR bersempena Mesyuarat Menteri-menteri Buruh ASEAN Ke-24 dan mesyuarat/persidangan berkaitan di Vientiane, Lao PDR, 15-16 Mei 2016.



YB Menteri Sumber Manusia bertukar cenderamata bersama rakan sejawatnya, TYT Sam Tan, Minister of State for Manpower disaksikan delegasi daripada kedua-dua pihak semasa Pertemuan Dua Hala antara Malaysia dan Singapura bersempena Mesyuarat Menteri-menteri Buruh ASEAN Ke-24 dan mesyuarat/persidangan berkaitan di Vientiane, Lao PDR, 15-16 Mei 2016.



PEJABAT ATASE LUAR NEGARA

- 1. Sesi Mesyuarat *Governing Body* kali ke 328, pada 27 Oktober – 10 November 2016. Gambar di ambil bersama Pengerusi *Governing Body*, H.E. Mr Ulrich Seidenberger.

LAPORAN AKTIVITI TAHUNAN 2016
ATASE BURUH SINGAPURA

Sepanjang tahun 2016, seramai 138 orang pekerja Malaysia telah hadir ke Suruhanjaya untuk memohon bantuan atas berbagai masalah yang dihadapi semasa bekerja di Singapura. Namun begitu, jumlah ini menunjukkan penurunan sebanyak 30% berbanding dengan tahun 2015 di mana sebanyak 196 kes direkodkan. Sejak tahun 2008, bilangan kes yang dikendalikan oleh pejabat Atase Buruh menunjukkan penurunan yang ketara iaitu dari 1543 kes kepada 138 kes dalam tahun 2016 seperti pada **Jadual** dibawah.

Jadual : Statistik Pekerja Yang Mendapat Bantuan Atase Buruh di Suruhanjaya Tinggi Malaysia, Singapura (2008 -2016)

Tahun / Negeri Year / State	2008	2009	2010	2011	2012	2013	2014	2015	2016	Jumlah Total
Sarawak	549	385	189	96	43	15	6	20	16	1319
Sabah	682	362	156	28	48	26	13	24	22	1361
Johor	122	93	94	81	59	40	25	56	40	610
Kelantan	20	22	14	29	23	15	18	18	8	167
Terengganu	7	14	13	10	7	12	5	6	3	77
P. Pinang	13	12	6	23	14	10	6	5	2	91
Kedah	21	19	24	20	23	24	18	12	10	171
Pahang	15	13	10	21	10	12	7	12	4	104
Selangor	27	14	23	23	9	8	4	10	10	128
N. Sembilan	14	9	10	6	7	10	8	7	5	76
Perak	38	12	23	28	35	27	28	18	10	219
Melaka	11	8	8	10	9	8	4	4	1	63
K. Lumpur	13	7	6	5	15	13	3	4	4	70
Labuan	8	4	0	0	1	0	0	0	0	13
Perlis	3	1	1	1	2	0	0	0	3	11
Jumlah Total	1543	975	577	381	305	220	145	196	138	4480

Dari sejumlah 138 kes yang telah diterima bagi tahun 2016, aduan utama yang diterima oleh Atase Buruh adalah berkaitan masalah passport pekerja dipegang oleh majikan atau agen di Singapura iaitu 58 kes (42%) dan disusuli oleh masalah passport pekerja Malaysia yang ditahan oleh MOM – 21 kes (15%). Sejumlah 18 (13%) kes direkodkan atas sebab passport pekerja ditahan oleh pihak polis atas dakwaan terlibat dengan kesalahan jenayah.

Pecahan kes mengikut masalah adalah seperti ditunjukkan pada Jadual di bawah:

Jadual : Pecahan Mengikut Jenis Masalah

Bil. Nos	Jenis Masalah Types of Problem	Jumlah Total	%
1	Passport dipegang oleh majikan/ agen di Singapura Passport allegedly withheld by agents/employers in Singapore	58	42%
2	Passport ditahan oleh Kementerian Tenaga Kerja atas pengajian tidak sah Passport withheld by Ministry of Manpower, MOM for illegal employment	21	15%
3	Passport ditahan oleh pihak Polis atas dakwaan kesalahan jenayah Passport withheld by Police for alleged criminal offences	18	13%
4	Passport ditahan oleh Imigresen atas kesalahan Imigresen. Passport withheld by Immigration & Checkpoints Authority (ICA) for immigration offences	3	2%
5	Tinggal melebihi masa di Singapura Overstayed in Singapore	1	1%
6	Tuntutan Claims	7	5%
7	Khidmat Nasihat / Lain-lain Others/ Advisory	30	21%
	Jumlah (Total)		100

Membantu dan memudahkan urusan waris dalam tuntutan pampasan pekerja bagi pekerja Malaysia yang mengalami kemalangan terutamanya kemalagan maut) di tempat kerja juga merupakan antara tugas utama Atase Buruh. Bagi tahun 2016, sebanyak 25 kes tuntutan pampasan melibatkan pembayaran kepada ahli waris sejumlah S\$593,566.27 telah dapat dimuktamadkan. Bilangan kes dan pembayaran yang telah diselesaikan oleh Pejabat Atase Buruh di Singapura dari tahun 2014 sehingga tahun 2016 adalah seperti yang ditunjukkan pada Jadual di bawah.

Jadual : Bilangan kes Pampasan Pekerja Malaysia di Singapura.

Tahun Year	Jumlah Kes Total Case	Jumlah Bayaran Amount Paid
2014	11	\$1,164,000.00
2015	16	\$880,028.05
2016	25	\$593,566.27

Atase Buruh yang ditempatkan di Singapura membantu pekerja Malaysia bagi membuat tuntutan dalam kes-kes kemalangan di tempat kerja.



KHIDMAT BANTUAN KEPADA PEKERJA MALAYSIA DI SINGAPURA

FIRST CAPACITY BUILDING WORKSHOP ON STRENGTHENING THE ROLE OF LABOUR ATTACHES IN SINGAPORE.



Seminar ini diadakan pada 26 April 2016 bertempat di Orchard Hotel, Singapura - anjuran bersama oleh Pertubuhan Buruh Antarabangsa (ILO) dan Kedutaan Filipina di Singapura, melibatkan Atase Buruh dan Pegawai Konsular dari lima negara ASEAN. Wakil dari ILO dan pegawai-pegawai dari Kementerian Tenaga Manusia, Singapura juga turut hadir dalam bengkel ini sebagai pemerhati.

Objektif bengkel adalah untuk mendedahkan Atase Buruh dan pegawai konsular berhubung dengan fungsi-fungsi dan perkhidmatan-perkhidmatan berkaitan perlindungan terhadap pekerja migran masing-masing yang disediakan oleh Atase Buruh dari berbagai Kedutaan ASEAN di Singapura di samping memberi pendedahan tentang perkembangan terkini pergerakan migran diserantau.

LAWATAN RASMI DELEGASI KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA KE KEMENTERIAN TENAGA MANUSIA, SINGAPURA (MOM) PADA 30 MEI 2016



GAMBAR ATAS: Delegasi dari Kementerian Sumber Manusia (KSM) menghadiri taklimat dan perbincangan dengan pegawai kanan dari Kementerian Tenaga Manusia (MOM) di ketuai oleh Mr Kelvin Teoh, Pengarah Bahagian Pengurusan Pekerja Asing. Turut hadir dalam sesi taklimat ialah En. Kua Abun (Setiausaha Bahagian Dasar,KSM), En. Mohd Zamri Bin Mat Zin (SUB Pengurusan Pekerja Asing, KDN) dan En. Nai Mung Kun (Atase Buruh).

GAMBAR BAWAH : Perbincangan “Working Lunch” oleh YBhg Dato Sri Adenan Ab Rahman (KSU, KSM) bersama Mr. Aubeck Kam (Setiausaha Tetap, MOM) dan pegawai kanan MOM. Turut hadir adalah TYT Dato’ Ilango Karuppannan, Suruhanjaya Tinggi Malaysia, Singapura.

LAWATAN YBHG. DATO' SRI KSU KE ASRAMA PEKERJA ASING DI SINGAPURA.



Lawatan rasmi oleh YBhg. Dato' Sri KSU dan delegasi dari KSM dan pegawai kanan Kementerian Dalam Negeri (KDN) ke asrama pekerja di PTT LODGE 1B, 2 SELETAR NORTH LINK, #02-01, SINGAPORE pada 30 Mei 2016. Tujuan lawatan adalah untuk mengkaji aspek pengurusan perumahan bagi pekerja asing di Singapura.

KUNJUNGAN HORMAT KE ATAS MENTERI, KEMENTERIAN TENAGA MANUSIA (MOM), SINGAPURA PADA 17 JUN 2016



GAMBAR ATAS : Kunjungan hormat ke atas Mr. Lim Swee Say (Menteri Kementerian Tenaga Manusia) oleh TYT Pesuruhjaya Tinggi Malaysia, Dato' Ilango Karuppannan bersama En. Nur Azman (Timbalan Pesuruhjaya) dan En. Nai Mung Kun (Atase Buruh). Dalam sesi pertemuan tersebut, isu berkaitan pekerja Malaysia di Singapura turut dibincangkan.

GAMBAR BAWAH (kanan) : Kunjungan hormat ke atas Mr. Chan Chun Sing (Menteri, Pejabat Perdana Menteri merangkap Setiausaha Kehormat National Trades Union Congress (NTUC) pada 27 September 2016.

39th PUBLIC SERVICE GAMES AND 8TH JOINT SEMINAR FOR PUBLIC SERVICE LEADERS OF SINGAPORE AND MALAYSIA



GAMBAR : Penglibatan YBhg. Dato’ Sri KSU, KSM dalam 39th Public Service Games and 8th Joint Seminar For Public Service Leaders of Singapore and Malaysia yang diadakan Grant Hyatt Hotel, Singapore pada 14 – 16 Oktober 2016.

Delegasi Malaysia diketuai oleh YBhg. Tan Sri Dr. Ali Hamsa, Ketua Setiausaha Negara dan di pihak Singapura diketuai oleh Mr. Peter Ong, Ketua Perkhidmatan Awam merangkap Setiausaha Tetap (Strategik), Pejabat Perdana Menteri.

BAHAGIAN DASAR

Retreat Pelan Strategik Kementerian Sumber Manusia 2016-2020



Sesi Pembentangan Retreat Pelan Strategik KSM 2016-2020



Penyerahan Resolusi Retreat Pelan Strategik KSM 2016-2020 kepada YB Timbalan Menteri



Sesi Penutup Retreat Pelan Strategik KSM 2016-2020 oleh YB Timbalan Menteri

Kajian Semula Akta-akta Perburuhan di bawah Obligasi Bab Buruh dan LCP TPPA



Sesi ceramah kepada pihak berkepentingan, 20 Oktober 2016
Hotel Mutiara, Johor Bahru



Bengkel Pindaan Akta Kerja 1955, Ordinan Buruh (Sabah Bab 67) dan Ordinan Buruh (Sarawak Bab 76), 29-30 Ogos 2016, Hotel Concorde, Shah Alam

Pindaan Akta Umur Persaraan Minimum 2012

P.U. (A) 249

AKTA UMUR PERSARAAN MINIMUM 2012

PERINTAH UMUR PERSARAAN MINIMUM (PINDAAN JADUAL) 2016

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 2(2) Akta Umur Persaraan Minimum 2012 [Akta 753], Menteri membuat perintah yang berikut:

Nama

1. Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Umur Persaraan Minimum (Pindaan Jadual) 2016**.

Pindaan Jadual

2. Jadual kepada Akta dipinda dalam perenggan 1—

- (a) dalam subperenggan (h), dengan memotong perkataan "dan" di hujung subperenggan itu; dan
- (b) dengan memasukkan selepas subperenggan (h) subperenggan yang berikut:

"(ha) seseorang yang diambil kerja untuk suatu kontrak perkhidmatan bertempoh tetap, termasuk apa-apa pelanjutan, yang melebihi dua puluh empat bulan tetapi tidak melebihi enam puluh bulan dengan gaji pokok sebanyak dua puluh ribu ringgit sebulan dan ke atas; dan".

Dibuat 23 September 2016
[KSM/PUU/(S)/600-1/2/5/3; PN(PU2)722/III]

DATO' SRI RICHARD RIOT ANAK JAEM
Menteri Sumber Manusia

Inisiatif NBOS



Agensi pelaksana inisiatif 1MASTER
Job Fair @ UTC



AKTIVITI/PROGRAM PEJABAT ATASE BURUH JAKARTA, KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA 2016

Tahun 2016 merupakan tahun yang sibuk bagi Pejabat Atase Buruh Jakarta dimana terdapat banyak aktiviti dan program yang melibatkan penyertaan aktif Pejabat ini. Antara aktiviti-aktiviti dan program-program utama Pejabat Atase Buruh Jakarta sepanjang tahun 2016 adalah seperti berikut:

- Mesyuarat '1st Task Team Meeting On the Protocol Amending the Memorandum of Understanding Between the Government of Malaysia and the Government of the Republic of Indonesia on the Recruitment and Placement of Indonesian Domestic Workers 2011', Melaka, 25 – 26 Februari 2016;
- Penyertaan dalam Program Jelajah Diplomasi Awam Ke Pekan Baru, Provinsi Riau, Republik Indonesia oleh TYT Dato' Seri Zahrain Mohamed Hashim, Duta Besar Malaysia ke Republik Indonesia, 15 April – 17 April 2016;
- Seminar Kerjaya 2016 anjuran Persatuan Kebangsaan Pelajar-Pelajar Malaysia Indonesia dan Konsul Jenderal Malaysia Medan, Medan, 9 April 2016;
- Kunjungan Hormat/Lawatan Kerja Terhadap Badan Nasional Penempatan dan Perlindungan Tenaga Kerja Indonesia (BNP2TKI), Provinsi Lampung, Sumatra Selatan, Republik Indonesia, 9 Mei, 2016;
- Lawatan Kerja ke beberapa-beberapa buah Pelaksana Penempatan Tenaga Kerja Indonesia Swasta (Agensi-Agensi Pekerjaan Swasta Indonesia) di Bandar Lampung, Provinsi Lampung, Sumatra Selatan, Republik Indonesia, 10 Mei 2016;
- Lawatan Kerja YB Dato' Sri Richard Riot Anak Jaem, Menteri Sumber Manusia bagi menghadiri Rundingan Tahunan Malaysia - Republik Indonesia, Jakarta, 31 Julai – 1 Ogos 2016.
- Penyertaan dalam Program Jelajah Diplomasi Awam ke Makassar, Sulawesi Selatan, Republik Indonesia oleh TYT Dato' Seri Zahrain Mohamed Hashim, Duta Besar Malaysia ke Republik Indonesia, 13 Oktober – 15 Oktober 2016;
- Penyertaan YB Dato' Sri Richard Riot Anak Jaem, Menteri Sumber Manusia dalam "16th Asia and the Pacific Regional Meeting of the International Labour Organization", Bali, Republik Indonesia, 5 – 10 Disember 2016.



SEKTOR OPERASI

LAPORAN TAHUNAN 2016
KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA

BELANJAWAN PEMBANGUNAN 2016

BAHAGIAN PEMBANGUNAN, KEWANGAN DAN SUMBER MANUSIA

1. BELANJAWAN PEMBANGUNAN

Kos Keseluruhan Pembangunan

Kementerian Sumber Manusia (KSM) telah diluluskan dengan kos keseluruhan pembangunan sebanyak **RM2,397,780,000** bagi Rancangan Malaysia Ke Sebelas (RMKe-11) berbanding dengan kos pembangunan yang telah diluluskan di bawah Rancangan Malaysia Ke-Sepuluh RMKe-10 sebanyak **RM1,961,500,000**.

Perbandingan kos pembangunan yang diluluskan adalah seperti berikut:



Peruntukan dan Perbelanjaan Pembangunan

Bagi RP1, RMKe-11 tahun 2016, sebanyak **RM540,660,000.00** telah diperuntukkan untuk melaksanakan 77 projek pembangunan yang telah diluluskan. Peruntukan ini telah menurun sebanyak 8.98% berbanding peruntukan yang diterima pada tahun 2015 iaitu **RM594,000,000.00**.

Perbandingan peruntukan yang diterima pada tahun 2015 dan tahun 2016 adalah seperti berikut:



Pecahan projek mengikut Jabatan/Agensi mengikut kelulusan peruntukan asal adalah seperti berikut:

Jabatan/ Agensi	Kategori Projek			Peruntukan Tahun 2016 (RM)
	Baru	Samb.	Jumlah	
Pembangunan Sumber Manusia Berhad	2	-	2	29,000,000
Institut Keselamatan Dan Kesihatan Pekerja Negara	1	-	1	5,000,000
Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran	1	-	1	350,000,000
Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan	6	-	6	4,160,000
Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia	3	1	4	14,200,000
Jabatan Pembangunan Kemahiran	6	-	6	46,550,000
Jabatan Perhubungan Perusahaan	5	-	5	7,250,000
Jabatan Tenaga Manusia	11	36	47	73,500,000
Mahkamah Perusahaan Malaysia	-	1	1	7,000,000

Selepas pindaan dibuat, peruntukan semasa Perbelanjaan Pembangunan bagi tahun 2016 adalah sebanyak **RM512,211,100.00**. Perbandingan prestasi Perbelanjaan Pembangunan bagi tahun 2015 dan 2016 adalah seperti di Jadual 2.

Jadual 2: Perbandingan Prestasi Perbelanjaan Pembangunan Tahun 2015 dan 2016

Tahun	Peruntukan Asal (RM)	Peruntukan Selepas Pindaan (RM)	Perbelanjaan (RM)	Peratus (%)
2015	594,000,000.00	508,656,265.00	503,187,135.89	98.92
2016	540,660,000.00	512,211,100.00	502,328,784.01	98.07



Prestasi perbelanjaan KSM bagi tahun 2016 adalah 98.07%. Maklumat terperinci bagi prestasi perbelanjaan peruntukan tahun 2016 yang telah dicapai mengikut jabatan/agensi di bawah KSM dan perbandingan prestasi pada tahun 2015 adalah seperti di Jadual 3.

Jadual 3: Perbandingan Prestasi Perbelanjaan Tahun 2015 dan Tahun 2016 Mengikut Jabatan/Agensi

Jabatan/ Agensi	Pencapaian 2015			Pencapaian 2016		
	Peruntukan (RM)	Perbelanjaan (RM)	Prestasi Perbelanjaan (%)	Peruntukan (RM)	Perbelanjaan (RM)	Prestasi Perbelanjaan (%)
Pembangunan Sumber Manusia Berhad	16,000,000	16,000,000.00	100	24,000,000	24,000,000.00	100
Institut Keselamatan Dan Kesihatan Pekerjaan Negara	-	-	-	5,000,000	5,000,000.00	100
Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran	370,000,000	370,000,000.00	100	350,000,000	350,000,000.00	100
Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan	800,000	799,976.44	99.99	4,160,000	4,159,528.63	99.99
Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia	17,129,810	17,090,689.31	99.77	11,802,400	11,530,109.21	97.69
Jabatan Pembangunan Kemahiran	55,690,635	54,802,392.98	98.40	40,361,200	38,950,086.71	96.50
Jabatan Perhubungan Perusahaan	1,000,000	993,229.51	99.32	1,468,720	1,337,794.90	91.09
Jabatan Tenaga Manusia	43,734,910	39,229,169.29	89.69	72,855,875	66,110,257.97	90.74
Mahkamah Perusahaan Malaysia	815,910	786,828.76	96.43	518,800	459,719.12	88.61
Institut Maklumat dan Analisis Pasaran Buruh	3,485,000	3,484,849.60	99.99	2,044,105	763,312.47	37.34
JUMLAH	508,656,265	503,187,135.89	98.92	512,211,100	502,310,809.01	98.07

Pengemaskinian Maklumat Projek Melalui SPP II

Semua projek pembangunan Kementerian dipantau melalui Sistem Pemantauan Projek II (SPPII). Status pengemaskinian Maklumat Am, Maklumat Aktiviti dan Maklumat Kewangan projek-projek Kementerian bagi tahun 2016 dan perbandingan prestasi semasa tahun 2015 berdasarkan status di dalam SPPII adalah seperti di Jadual 4.

Jadual 4: Status Pengemaskinian Sistem Pemantauan Projek II (SPP II) bagi Tahun 2015 dan 2016

Maklumat	Tahun 2015	Tahun 2016
Maklumat Am	100%	99.9%
Maklumat Aktiviti	100%	99.9%
Maklumat Kewangan	99.9%	99.8%

Status kemajuan pelaksanaan 77 projek pembangunan Kementerian Sumber Manusia di bawah Rolling Plan Pertama (RP1) RMKe-11 pada tahun 2016 adalah seperti di Jadual 5 berdasarkan status di dalam SPPII.

Jadual 5: Status Kemajuan Projek dan Program Pembangunan Rolling Plan Pertama (RP1) Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11)

Status Projek	Bil. Projek
Dahulu Jadual	14
Ikut Jadual	24
Lewat Jadual	26
Siap Sepenuhnya	6
Siap Kemajuan	3
Simpan Dalam Perhatian	4
JUMLAH	77

Pada tahun 2016 status projek Lewat Jadual adalah berjumlah 26 projek berbanding 77 projek yang diluluskan iaitu pada tahap 34%. 25 projek merupakan projek perolehan peralatan di bawah JTM dan 1 projek Naiktaraf Institut Latihan Jabatan Tenaga Manusia (ILJTM). Berbanding dengan pencapaian pada tahun 2015 di mana sebanyak 24 projek perolehan peralatan di bawah JTM daripada keseluruhan 79 projek di bawah KSM (30%) adalah berstatus Lewat Jadual.

Pencapaian Projek Fizikal

Bagi tahun 2016, sebanyak 16 projek fizikal dilaksanakan sendiri oleh KSM manakala 1 projek dilaksanakan oleh JKR. Dijangka sebanyak 12 projek fizikal dapat disiapkan pada tahun 2017. Prestasi kemajuan projek fizikal tersebut adalah seperti berikut:



Baki 5 projek fizikal iaitu Pembinaan PTK Sungai Petani, Penubuhan ILP Serian, Penubuhan ILPg Segamat, Projek Roboh dan Bina Lembaga Buruh Pelabuhan Pulau Pinang dan Pembangunan Semula MPM Kuala Lumpur akan dilaksanakan pada tahun 2017.

Projek di bawah Private Finance Initiative (PFI)

Kementerian Kewangan telah meluluskan lima projek di bawah Private Finance Initiative (PFI) 1 dan 2 seperti Jadual 6 dan Jadual 7.

Jadual 6: Prestasi Projek Pembangunan Di Bawah Private Finance Initiative (PFI) 1

Prestasi Projek Pembangunan Di Bawah PFI 1

Projek	Siling PFI1 (Surat Kuasa Berbelanja) RM	Perbelanjaan Sebenar (Tahun 2006-2014) RM	Perbelanjaan Sebenar (Tahun 2015) RM	Perbelanjaan Sebenar (Tahun 2016) RM	(%)
Pembinaan ADTEC Bintulu	194,000,000	185,719,074.70	0.00	0.00	95.73
Pembinaan ADTEC Jerantut	106,000,000	100,483,675.66	627,476.34	0.00	95.39
Pembinaan ADTEC Kemaman	156,000,000	154,837,108.84	70,000.00	0.00	99.30
JUMLAH (RM)	456,000,000	441,039,859.20	697,476.34	0.00	96.87

Projek Pembinaan ADTEC Bintulu dan Projek Pembinaan ADTEC Kemaman telah siap sepenuhnya. Baki sebanyak RM9,371,377.46 telah diserahkan kepada Kementerian Kewangan (MOF) untuk ditutup akaun dan Unit Perancang Ekonomi (UPE) telah meluluskan pindaan siling mengikut perbelanjaan sebenar.

Peruntukan Projek Pembinaan ADTEC Jerantut belum dapat ditutup akaun memandangkan peruntukan masih diperlukan untuk proses pembaikan oleh pihak JKR.

Prestasi Projek Pembangunan Di Bawah PFI 2

Jadual 7: Prestasi Projek Pembangunan Di Bawah Private Finance Initiative (PFI) 2

Projek	Siling PFI2 (Surat Kuasa Berbelanja) RM	Perbelanjaan Sebenar (Tahun 2012-2014) RM	Perbelanjaan Sebenar (Tahun 2015) RM	Perbelanjaan Sebenar (Tahun 2016) RM	(%)
Projek Bekalan Air Sumber Awam Ke Estet (BAAE)	50,000,000.00	47,977,223.15	898,949.42	895,605.16	99.54
Program Latihan Ke- mahiran Kepada Belia Masyarakat India	20,000,000.00	12,163,881.09	5,152,129.22	1,946,830.09	96.31
JUMLAH (RM)	70,000,000.00	60,141,104.24	6,051,078.64	2,842,435.25	98.62

CAWANGAN KEWANGAN DAN AKAUN

2. BELANJAWAN MENGURUS 2016

Pada tahun 2016, Kementerian Sumber Manusia (KSM) telah diluluskan peruntukan mengurus sebanyak **RM836,128,000.00**. Perincian peruntukan tahun 2016 dengan perbandingan tahun 2015 adalah seperti di Jadual 2.1.


Jadual 2.1 : Perbandingan Bajet Mengurus Tahun 2015 Dengan 2016

Objek Am	Peruntukan 2015 (RM)	Peruntukan 2016 (RM)	Perbezaan (RM)	Peratus (%)
10000 Emolumen	419,207,400	437,751,900	18,544,500	4.42
20000 Bekalan Dan Perkhidmatan	309,477,100	348,420,100	38,943,000	12.58
30000 Aset	2,550,000	0.00	(2,550,000)	(100.00)
40000 Pemberian & Kenaan Tetap	70,513,500	49,946,000	(20,567,500)	(29.17)
50000 Perbelanjaan Lain	22,000	10,000	(12,000)	(54.55)
JUMLAH	801,770,000	836,128,000	34,358,000	4.29

Pada awal tahun 2016, Kementerian Kewangan telah melaksanakan langkah-langkah mengoptimumkan perbelanjaan Kerajaan yang mana turut menyekat peruntukan di setiap Kementerian. Jumlah peruntukan di bawah KSM yang telah disekat adalah sebanyak **RM19,000,000.00** iaitu di bawah Dasar Baru Mengoptimumkan Kapasiti Latihan (Double Shift) dan menjadikan baki peruntukan mengurus di bawah KSM sebanyak **RM817,128,000.00**.

Perbezaan peruntukan mengurus tahun 2015 dan 2016 (termasuk sekatan) dapat ditunjukkan seperti di Rajah 2.1.

Rajah 2.1 : Perbezaan Peruntukan Mengurus Tahun 2015 dan 2016 (Dengan Sekatan dan Tanpa Sekatan)



Pada tahun 2015, prestasi perbelanjaan mengurus KSM adalah sebanyak **RM793,582,165.62** atau 99.99% dengan berbaki sebanyak **RM99,034.38** manakala pada tahun 2016, prestasi perbelanjaan mengurus KSM adalah sebanyak **RM807,875,345.57** atau 98.87% dengan berbaki sebanyak **RM9,252,654.43**. Lebihan baki yang banyak pada tahun 2016 adalah disebabkan tetapan penutupan akaun awal iaitu pada 8 Disember 2016 menyebabkan sebahagian bayaran bil-bil bulan Disember 2016 tidak dapat dijelaskan.

Perbezaan prestasi perbelanjaan tahun 2015 dan tahun 2016 dapat ditunjukkan seperti di Rajah 2.2.

Rajah 2.2 : Perbezaan Prestasi Perbelanjaan Mengurus Tahun 2015 dan Tahun 2016



Perincian prestasi perbelanjaan tahun 2016 mengikut agihan peruntukan di bawah dasar sedia ada, dasar baru, dasar one-off dan program khusus adalah seperti di Jadual 2.3.

Jadual 2.3 : Perincian Prestasi Perbelanjaan Peruntukan Mengurus Tahun 2016

Bil.	Perihal	Peruntukan Asal (RM)	Peruntukan Dipinda (RM)	Perbelanjaan Sebenar	%	Baki
1.	Dasar Sedia Ada	768,678,000.00	775,021,510.00	769,069,978.84	99.23	5,951,531.16
2.	Program Khusus	13,400,000.00	13,336,490.00	12,749,459.87	95.60	587,030.13
3.	Dasar Baru	53,550,000.00	28,270,000.00	25,575,476.74	90.47	2,694,523.26
4.	Dasar One-Off	500,000.00	500,000.00	480,430.12	96.09	19,569.88
	JUMLAH	836,128,000.00	817,128,000.00	807,875,345.57	98.87	9,252,654.43

3. PENCAPAIAN PENGURUSAN KEWANGAN

Anugerah Kecemerlangan Pengurusan Kewangan Berdasarkan Indeks Akauntabiliti Tahun 2015

Satu Majlis Penyampaian Anugerah Kecemerlangan Pengurusan Kewangan Berdasarkan Indeks Akauntabiliti Tahun 2015 telah diadakan pada 27 September 2016 bertempat di Dewan Taklimat ICU, Jabatan Perdana Menteri bagi mengiktiraf Kementerian dan agensi yang telah terlibat dalam sesi Pengauditan Pengurusan Kewangan Berdasarkan Indeks Akauntabiliti bagi tahun 2015 yang dijalankan oleh Jabatan Audit Negara. Pengauditan tersebut bertujuan untuk menentukan sama ada pengurusan kewangan telah dilaksanakan dengan teratur dan mematuhi peraturan kewangan yang berkuat kuasa berdasarkan kepada 8 kriteria penilaian yang ditetapkan. Kementerian Sumber Manusia telah menerima Anugerah Penarafan 5 Bintang dalam sesi pengauditan tersebut.

CAWANGAN SUMBER MANUSIA

1. PERANCANGAN TENAGA MANUSIA DAN PEMBANGUNAN ORGANISASI

Kajian perjawatan sentiasa dijalankan untuk memastikan struktur organisasi setiap agensi di bawah Kementerian mempunyai keupayaan dalam melaksanakan peranannya dengan berkesan. Maklumat perjawatan KSM dan Jabatan/Agensi di bawahnya pada tahun 2015 berbanding tahun 2014 adalah seperti berikut:

Jadual 1 - Peratus Kekosongan Keseluruhan 2016

BIL. PERJAWATAN	PENGISIAN	KEKOSONGAN	PERATUS (%)
8,610	7,802	808	9.38

Jadual 2 - Peratus Kekosongan Tahun 2016 berbanding Tahun 2015

KUMPULAN	2016		2015	
	PERJAWATAN	PENGISIAN	PERJAWATAN	PENGISIAN
Anggota Pentadbiran	3	3	3	3
Pengurusan Tertinggi	49	44	49	46
Pengurusan dan Profesional	2,714	2,418	2,714	2,430
Pelaksana	5,844	5,337	5,862	5,423
JUMLAH	8,610	7,802	8,628	7,902

2. PEMBANGUNAN SUMBER MANUSIA

Latihan dan pembangunan karier adalah elemen penting dalam meningkat dan memperkasa kemahiran, sikap dan pengetahuan pegawai dan kakitangan. Sebanyak 71 program kursus/latihan/seminar telah dilaksanakan pada tahun 2016. Maklumat program latihan yang diberikan kepada Pegawai-pegawai KSM sepanjang 2016 adalah seperti berikut:

JENIS KURSUS	PENCAPAIAN
Kursus Mandatori	
i) Program Transformasi Minda	2 program
Kursus Pendek/Taklimat	
i) Kursus ICT	5 program
ii) Kursus Bahasa	4 program
iii) Kursus Generik	11 program
iv) Kursus Kewangan	8 program
v) Dasar Semasa	4 program
vi) Inovasi, ISO, EKSA, dll	9 program
Program Integriti dan Nilai Murni	15 program
Program Psikologi	13 program

3. ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG TAHUN 2015

Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) merupakan penghargaan Kerajaan kepada pegawai perkhidmatan awam yang telah memberi perkhidmatan cemerlang di samping pengiktirafan terhadap perkhidmatan yang bermutu tinggi berdasarkan prestasi tahunan pegawai.

Bagi penilaian prestasi tahun 2015, seramai 654 orang warga Kementerian Sumber Manusia telah dipilih untuk menerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) berdasarkan prestasi kerja yang cemerlang serta penglibatan di luar tugas rasmi.

Majlis Penyampaian Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (Lampiran 1) telah diadakan pada 17 Mac 2016 bertempat di Auditorium Blok D8, Kompleks D dan disempurnakan oleh YB Dato’ Sri Richard Riot Anak Jaem, Menteri Sumber Manusia.

Tahniah dan syabas diucapkan kepada semua penerima APC tahun 2015.

4. PINGAT PERKHIDMATAN CEMERLANG TAHUN 2015

Pingat Perkhidmatan Cemerlang (P.P.C.) merupakan pingat bagi pegawai perkhidmatan awam yang menunjukkan kecemerlangan luar biasa dalam tugas yang diamanahkan serta aktif dalam penglibatan dan sumbangan di luar tugas rasmi termasuk aktiviti kesukarelaan, kemasyarakatan, sukan, kebudayaan dan sebagainya yang boleh mengharumkan nama organisasi dan negara.

Pingat ini adalah dizahirkan oleh Yang di-Pertuan Agong melalui Statut Pingat Perkhidmatan Cemerlang dan adalah diiktiraf sebagaimana pingat-pingat lain yang dizahirkan oleh Yang di-Pertuan Agong.

Bagi tahun penilaian 2015, seramai lima pegawai Kementerian Sumber Manusia (Lampiran 2) telah diluluskan oleh Jawatankuasa Induk Pingat Perkhidmatan Cemerlang untuk dianugerahkan Pingat Perkhidmatan Cemerlang. Majlis penganugerahan P.P.C telah diadakan pada 7 September 2016 di Hotel Everly, Putrajaya. Penganugerahan pingat telah disampaikan oleh YB Dato’ Sri Richard Riot Anak Jaem, Menteri Sumber Manusia.

5. SISTEM MAKLUMAT PENGURUSAN SUMBER MANUSIA

HRMIS merupakan salah satu daripada aplikasi perdana Kerajaan bagi meningkatkan kecekapan pengurusan sumber manusia di dalam sektor awam.

Pihak JPA telah menganugerahkan KSM (Lampiran 3) dengan Sijil Pengiktirafan 5 Bintang bagi pencapaian cemerlang Petunjuk Prestasi Utama (KPI) HRMIS Tahun 2015 yang telah dilaporkan pada tahun 2016 seperti perincian berikut:

KPI BERKAITAN HRMIS	PENCAPAIAN
Pemurnian 24 elemen Rekod Peribadi, Perkhidmatan dan Perjawatan	30 / 30
Pengemaskinian Data Perjawatan HRMIS	30 / 30
Pelaksanaan Modul Perisytiharan Harta	9.95 / 10
Pelaksanaan Pengisian SKT	14.68 / 15
Pelaksanaan Submodul LNPT	14.88 / 15
Jumlah Keseluruhan	99.11%

BAHAGIAN KHIDMAT PENGURUSAN

1. RINGKASAN AKTIVITI KEURUSETIAAN PROGRAM/MAJLIS RASMI KSM

1.1 MAJLIS PERHIMPUNAN HARI PEKERJA 2016

Majlis Sambutan Hari Pekerja Peringkat Kebangsaan Tahun 2016 telah berlangsung dengan jaya pada 1 Mei 2016 bertempat di Putra World Trade Centre (PWTC), Kuala Lumpur. Sambutan Hari Pekerja pada tahun ini dihadiri oleh seramai 8,000 peserta yang terdiri daripada pekerja dari sektor awam dan swasta. Sambutan pada tahun ini, diserikan dengan kehadiran YAB Perdana Menteri Malaysia sebagai Tetamu Kehormat.

Kemuncak dalam Perhimpunan tersebut, YAB Perdana Menteri telah memberi Amanat Khas Sempena Sambutan Hari Pekerja tahun 2016. Beliau juga telah menyampaikan Trofi dan Sijil Penghargaan kepada 10 orang penerima Anugerah Hari Pekerja 2016. Anugerah utama iaitu Anugerah Perdana Menteri Tokoh Mahir 2016 telah dianugerahkan kepada YBhg. Dato’ Azmi bin Abdul Aziz, Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Prasarana Malaysia Berhad (PRASARANA). Beliau membawa pulang wang tunai berjumlah RM15,000.00, Sijil Penghargaan dan Piala Iringan. Antara Anugerah lain yang dipertandingkan adalah :

Kategori Anugerah	Penerima
Anugerah Tokoh Pekerja Negara (Eksekutif)	En. Yap Fui Fook
Anugerah Tokoh Pekerja Negara (Bukan Eksekutif)	En. Abd Halim Bin Abd Ghani @ Yaacob
Anugerah Tokoh Pekerja Negara (OKU)	En. Anuar Bin Mansor
Anugerah Majikan 1Malaysia (Syarikat Besar/ GLC)	(Besar) X-Fab Sarawak Sdn. Bhd. (GLC) Telekom Malaysia Berhad
Anugerah Majikan 1Malaysia (Perusahaan Kecil dan Sederhana)	Amp Corporation (M) Sdn Bhd
Anugerah Majikan Berdaya Saing Global	Malakoff Corporation Berhad
Anugerah Kesatuan Sekerja Cemerlang (Sektor Awam)	Kesatuan Kakitangan Perkhidmatan Tadbir Dan Awam Pasukan Polis Semenanjung Malaysia (PACSU)
Anugerah Kesatuan Sekerja Harmoni 1Malaysia (Sektor Swasta)	Kesatuan Pekerja Telekom Malaysia Bhd Sarawak

1.2 MAJLIS PERHIMPUNAN BULANAN

Perhimpunan Bulanan KSM sepanjang tahun 2016 telah dimulai dengan Perhimpunan Amanat Khas YBM sempena Tahun Baharu 2016 pada 7 Januari. Perhimpunan siri kedua telah berlangsung pada 25 Mac 2016 dan diurusetiaikan oleh Sektor Operasi Kementerian Sumber Manusia yang terdiri daripada Bahagian Khidmat Pengurusan, Bahagian Akaun, Bahagian Pebangunan, Kewangan dan Sumber Manusia, Unit Audit Dalam, Pejabat Penasihat Undang-undang, Bahagian Pengurusan Maklumat dan Unit Komunikasi Korporat.

Perhimpunan kedua ini dihoskan oleh YB Dato Sri Haji Ismail bin Haji Abdul Muttalib, Timbalan Menteri Sumber Manusia. Turut diadakan pada perhimpunan ini adalah Pelancaran Logo Kelab Kebajikan dan Sukan Kementerian Sumber Manusia.

Perhimpunan Bulanan Siri Ketiga pula telah diadakan pada 14 Julai 2016 bertempat di Dewan Serbaguna KSM. JPP, JHEKS dan MP bertindak sebagai Urus Setia dan BKP pula sebagai Urus Setia Bersama. Perhimpunan ini telah disempurnakan oleh YB Dato’ Sri Richard Riot Anak Jaem, Menteri Sumber Manusia.

Perhimpunan seterusnya diadakan pada 22 September 2016 dan dianjurkan Sektor Dasar dan Antara Bangsa, Kementerian Sumber Manusia yang terdiri daripada Cawangan Dasar Sumber Manusia, Cawangan Dasar Perburuhan, Bahagian Antara Bangsa, Majlis Perundingan Gaji Negara. Perhimpunan Bulanan ini dihoskan oleh YB Dato Sri Haji Ismail bin Haji Abdul Muttalib, Timbalan Menteri Sumber Manusia, yang turut mempromosikan ASEAN Skills Competition 2016 di mana Malaysia menjadi tuan rumah dan diadakan di MAEPS, Serdang.

1.3 MAJLIS SEMARAK RAMADHAN 1437H

Majlis Semarak Ramadhan 1437 telah diadakan pada 18 Ramadhan 1437 bersamaan 23 Jun 2016. Majlis berkenaan telah diadakan di Ruang Legar, Dewan Serbaguna KSM dan turut dihadiri oleh YB Dato’ Sri Richard Riot Anak Jaem, Menteri Sumber Manusia. Majlis berkenaan diadakan khusus untuk menyemarakkan semangat Ramadhan di kalangan warga KSM di samping meraikan dan memberi sumbangan kepada anak-anak yatim dari rumah anak yatim berdekatan.

1.4 PROGRAM MESRA AIDILFITRI KSM

Program Mesra Aidilfitri KSM 2016 telah diadakan pada 18 Syawal 1437 bersamaan 23 Julai 2016 bertempat di Dewan Arena YAM Tengku Muda Pahang, Maran, Pahang. Program telah diserikan dengan kehadiran Ke Bawah Duli Yang Teramat Mulia Tengku Mahkota Pahang mencemar duli ke Majlis berkenaan yang dihadiri oleh 10,000 orang tetamu jemputan.

2 RINGKASAN AKTIVITI KEURUSETIAAN PERSIJILAN MS ISO 9001:2008, EKSA DAN STAR RATING KSM

2.1 PENSIJILAN MS ISO 9001:2008

Kementerian Sumber Manusia telah menerima Sijil MS ISO 9001:2008 daripada pihak SIRIM Qas International Sdn Bhd dan tempoh sah pensijilan tersebut adalah bermula pada 21 Mac 2016 sehingga 14 September 2018.

Sepanjang tahun 2016, KSM telah mengadakan satu sesi latihan kepada Pasukan Audit Kualiti Dalaman, satu pengauditan MS ISO 9001:2008 dan Mesyuarat Kajian Semula Pengurusan.

2.2 SAMBUTAN HARI INOVASI 2016

Kementerian Sumber Manusia (KSM) telah menganjurkan Hari Inovasi 2016 pada 13 Oktober 2016 dan telah disempurnakan oleh YB Dat’ Sri Richard Riot anak Jaem, Menteri Sumber Manusia. Kemuncak Sambutan Hari Inovasi pada tahun ini, satu Konvensyen Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) telah dijalankan pada 11 dan 12 Oktober 2016, bertempat di Dewan Serbaguna Aras 1, KSM. Sebanyak 24 KIK yang terdiri daripada 19 kategori pengurusan dan 5 kategori teknikal telah mengambil bahagian dalam Konvensyen ini.

Selain itu, sebanyak 6 kategori Pertandingan Inovasi telah dianjurkan seperti berikut:

- Pertandingan Inovasi Pejabat Terbaik EKSA;
- Pertandingan Inovasi;
- Pertandingan Fotografi dengan tema “Pekerja Berkemahiran, Penggerak Ekonomi”;
- Pertandingan Inovasi Pengurusan Kewangan;
- Pertandingan Inovasi Pengurusan Aset dan Stor; dan
- Pertandingan Inovasi ICT.

Juara keseluruhan Pertandingan Inovasi pada tahun 2016, dimiliki oleh Jabatan Tenaga Manusia.

Sementara itu, di peringkat KSM pula sebanyak 4 kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) telah ditubuhkan pada tahun ini bagi mewakili Bahagian/Unit dan dianggotai oleh Bahagian/Unit dalam KSM.

2.3 EKOSISTEM KONDUSIF SEKTOR AWAM

Kementerian Sumber Manusia (KSM) telah mengambil inisiatif untuk menambahbaik pelaksanaan dan pensijilan Amalan 5S yang kini dijenamakan semula kepada Ekosistem Kondusif Sektor Awam (EKSA). Langkah ini adalah selaras dengan usaha memperkukuhkan budaya organisasi berprestasi tinggi dan inovatif melalui penyediaan persekitaran, budaya kerja serta nilai yang menjadi amalan seluruh warga kerja KSM. Sepanjang tahun 2016, sebanyak 9 Zon yang mewakili semua Bahagian/Unit dalam KSM telah melalui tiga (3) Siri Audit Dalaman EKSA iaitu pada 21 April 2016, 31 Mei 2016 dan 28 Jun 2016 dengan purata markah sebanyak 92%.

2.4 PENARAFAN BINTANG MAMPU

Pada tahun 2016, Kementerian Sumber Manusia telah menerima penarafan Empat (4) Bintang dalam penilaian penarafan Bintang tahun 2015/2016. Sebagai langkah penambahbaikan yang berterusan, pelbagai usaha telah dijalankan, iaitu:

- Mengadakan Klinik Khas untuk menjelaskan keperluan menyediakan bahan bukti bagi setiap kriteria; dan
- Mengambil langkah-langkah untuk meningkatkan kelemahan dalam beberapa aspek seperti pengurusan perubahan dalam mencipta inovasi dan transformasi, pengurusan sumber manusia, integriti dan keberkesanan penghasilan inovasi.

3 RINGKASAN HAL EHWAL PERSIDANGAN PARLIMEN

3.1 JUMLAH KESELURUHAN SOALAN PARLIMEN DEWAN RAKYAT DAN DEWAN NEGARA 2016

Sepanjang tahun 2016, Urus Setia Parlimen merekodkan sebanyak 3 kali Mesyuarat iaitu :-

Dewan Rakyat	
Mesyuarat Pertama (7 Mac Hingga 7 April 2016)	: 96
Mesyuarat Kedua (16 Mei Hingga 26 Mei 2016)	: 39
Mesyaurat Ketiga (17 Oktober Hingga 24 November 2016)	: 55
Jumlah Keseluruhan Soalan	:190
Dewan Negara	
Mesyuarat Pertama (18 April Hingga 4 Mei 2016)	: 54
Mesyuarat Kedua (13 Jun Hingga 21 Jun 2016)	: 28
Mesyuarat Ketiga (5 Disember Hingga 21 Disember 2016)	: 34
Jumlah Keseluruhan Soalan	:116

4 PENGIKTIRAFAN YANG DITERIMA DARIPADA AGENSI LUAR


4.1 Digital Document Management System (DDMS)

Document Management System (DDMS) adalah satu Sistem Pengurusan Rekod secara elektronik yang menggunakan aplikasi Digital. Pembangunan sistem ini diterajui oleh MAMPU dan Jabatan Arkib Negara Malaysia berperanan sebagai ‘information provider’ bagi menyediakan keperluan utama iaitu Klasifikasi Fail dan Jadual Pelupusan Rekod.

Pelaksanaan Sistem ini dipantau oleh Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Rekod yang dipengerusikan oleh YBr. Dr. TKSU (O). Sepanjang tahun ini, Urus Setia DDMS telah melaksanakan beberapa pendekatan untuk menyemarakkan penggunaan Sistem ini. Antara langkah- langkah yang dijalankan adalah:

- (a) Mengadakan Klinik Bergerak bermula daripada 16 Januari hingga 16 Februari 2016;
- (b) Menjalankan proses migrasi No Rujukan fail lama kepada fail baharu mengikut Klasifikasi KSM bermula 7 Mac – 14 Mac 2016;
- (c) Mempromosikan Info DDMS melalui System Admin mulai 16 Februari 2016 secara berterusan; dan
- (d) Menyediaan 4 video berkaitan penggunaan DDMS dalam bentuk CD kepada Pegawai Rekod Jabatan /Pembantu Tadbir Rekod sebagai panduan.

Berdasarkan pencapaian penggunaan Sistem DDMS, KSM merekodkan pencapaian pada 2016 seperti berikut :



1. RINGKASAN AKTIVITI KEURUSETIAAN PROGRAM/MAJLIS RASMI KSM
1.1 MAJLIS PERHIMPUNAN HARI PEKERJA 2016



VVIP yang hadir



Antara Peserta yang menyertai Sambutan Hari Pekerja 2016

1.2 MAJLIS PERHIMPUNAN BULANAN



Majlis yang dihadiri oleh YBM, TYBM, KSU dan TKSU (O/D)



Nyanyian lagu daripada Pasukan KOIR KSM

Warga KSM yang mengikuti perjalanan Majlis Perhimpunan Bulanan KSM



Ucapan YB Menteri Sumber Manusia



Pemberian sumbangan kepada anak-anak yatim dari rumah anak yatim berdekatan.

1.4 PROGRAM MESRA AIDILFITRI KSM



Ke Bawah Duli Yang Teramat Mulia Tengku Mahkota Pahang memberikan Sumbangan kepada golongan memerlukan



2. RINGKASAN AKTIVITI KEURUSETIAAN PERSIJILAN MS ISO 9001:2008, EKSA DAN STAR RATING KSM

2.1 SAMBUTAN HARI INOVASI 2016



Salah satu peserta Konvensyen KIK



Perasmian Hari Inovasi oleh YB Dato' Sri Richard Riot



YBM melawat booth yang terdapat pada Sambutan Hari Inovasi



YBM menyampaikan piala pusingan kepada YBhg. Dato' Chin Phaik Yoong mewakili JTM selaku pemenang.



Lawatan EKSA ke KKM



Pelancaran Buku Pelan Pelaksanaan EKSA di BPM,KSM



Gotong-royong EKSA di setiap Bahagian/Jabatan



Kempen Parkir scara mengundur

4. PENGIKTIRAFAN YANG DITERIMA DARIPADA AGENSI LUAR

4.1 WRITE UP UNTUK SLOT SERAHAN PLAK DDMS DALAM PERHIMPUNAN BULANAN



KSM telah menerima penghargaan di Majlis Forum dan Wadah Perkhidmatan Digital Kerajaan daripada Ketua Setiausaha Negara. Penyerahan Sijil dan Plak penghargaan kepada YBhg. Datuk Seri Ketua Setiausaha Kementerian Sumber Manusia yang akan disampaikan oleh YBrs. Dr. Mohd Gazali bin Abas, Timbalan Ketua Setiausaha Operasi, KSM.

Gambar 4.1.2 : Hasil daripada pelaksanaan projek URUS (Urus Rekod Untuk Simpan), sebanyak 84 unit fail (0.35 m) dalam kumpulan rekod Pentadbiran dan 97 unit fail (1.55 m) dalam kumpulan rekod Sumber Manusia dikenalpasti telah memenuhi tempoh simpanan yang ditetapkan berdasarkan kepada Jadual Pelupusan Rekod Urusan Am.



CAWANGAN KAWALSELIA DAN PENGUATKUASAAN (CKSP)

Penguatkuasaan Akta PSMB 2001

(Peraturan 4A – Pengemukaan Maklumat) & (Seksyen 13 – Kegagalan Majikan Untuk Berdaftar)

PERKARA	JUMLAH
Bil. Aduan (Tahun 2016)	110
Jumlah Aduan Keseluruhan (2011- 2015)	723
Kes Tutup (Selesai Siasatan)	830
Dalam Siasatan	3

Jadual 1 : Aduan Di Bawah Peraturan 4A & Seksyen 13

Seksyen 40 dan Seksyen 41 – Pengisytiharan tidak betul dan tuntutan palsu

TAHUN	BIL. ADUAN (TAHUN SEMASA)	JUMLAH KESELURUHAN ADUAN	KES SELESAI	DALAM TINDAKAN	PENDAKWAAN
2016	0	5	1	4	0

Jadual 2: Aduan Di Bawah Seksyen 40 & 41 – Pengisytiharan tidak betul dan tuntutan palsu oleh Majikan /Penyedia Latihan kepada Pembangunan Sumber Manusia Berhad

PEMBENTANGAN LAPORAN TAHUNAN DAN
PENYATA KEWANGAN (TELAH DIAUDIT) DI DEWAN
RAKYAT:

- PERKESO : 16 NOVEMBER 2016
- PTPK : 23 NOVEMBER 2016

BAHAGIAN UNDANG - UNDANG

PANDANGAN UNDANG-UNDANG

Pandangan undang-undang yang
dikemukakan kepada Kementerian/
Jabatan

Melebihi 49 pandangan undang-undang telah dikemukakan mengenai
antara lain perkara-perkara berikut:

- Pertikaian perusahaan
- Penamatan kontrak
- Tafsiran peruntukan undang-undang perburuhan
- Hak pekerja asing di bawah Akta Kerja 1955
- Kajian semula Perintah Gaji Minimum 2012
- Cadangan pelaksanaan sistem insuran pekerjaan
- Cadangan pelaksanaan sistem insurans bagi pemandu teksi dan individu bekerja sendiri

Melebihi 224 perjanjian/memorandum persefahaman telah
disemak merangkumi antara lain perkara-perkara berikut:

- Pembangunan sistem Teknologi Maklumat dan Komunikasi
- Penyelenggaraan sistem Teknologi Maklumat dan Komunikasi
- Perolehan perkakasan Teknologi Maklumat dan Komunikasi dan perisian
- Memorandum Persefahaman/Memorandum Perjanjian
- Penyewaan ruang pejabat
- Perkhidmatan (pembersihan pejabat, penyewaan mesin penyalin dan sebagainya)
- Perolehan peralatan latihan oleh Institut Latihan Jabatan Tenaga Manusia (ILJTM)
- Projek pemuliharaan bangunan ILJTM
- Pelantikan perunding pelbagai bidang (kejuruteraan, ukur tanah, kajian, arkitek)
- Penyediaan latihan oleh pusat bertauliah

Draf
perjanjian/memorandum persefahaman
telah disemak oleh Bahagian
Undang-Undang KSM

PERJANJIAN/MEMORANDUM PERSEFAHAMAN

RANG UNDANG-UNDANG/PERUNDANGAN SUBSIDIARI YANG DIMUKTAMADKAN

Rang Undang-Undang yang telah dibentangkan ke Parlimen/ Perundangan subsidiari yang diwartakan

- Sebanyak 55 Kertas Siasatan telah disemak dan diberi arahan.
- Kertas Siasatan yang dirujuk ke Bahagian ini adalah melibatkan kesalahan-kesalahan di bawah Akta Pembangunan Sumber Manusia Berhad 2001 dan Akta Perhubungan Perusahaan 1967.

Rang Undang-Undang/perundangan subsidiari yang telah diselesaikan seperti berikut:

- Rang Undang-Undang Keselamatan Sosial (Pindaan) 2016 (bacaan kali kedua)
- Rang Undang-Undang Agensi Pekerjaan Swasta (Pindaan) 2016 (diluaskan oleh Jabatan Peguam Negara)
- Sebanyak 75 perundangan subsidiari telah diwartakan

Kertas Siasatan

KERTAS SIASATAN/PENDAKWAAN

Rundingan

Rundingan Memorandum dan perjanjian di peringkat antarabangsa seperti berikut:

- Memorandum Persefahaman di antara Kerajaan Malaysia dan Kerajaan Demokratik Republik Sosial Sri Lanka mengenai Penggajian Pekerja (Sektor Formal)
- Memorandum Persefahaman di antara Kerajaan Malaysia dan Kerajaan Demokratik Republik Sosial Sri Lanka mengenai Pengambilan dan Penggajian Pekhidmat Domestik (Sektor Tidak Formal)
- Memorandum Persefahaman di antara Kerajaan Malaysia dan Kerajaan Republik Sosial Vietnam mengenai Pengambilan dan Penggajian Pekhidmat Domestik (Sektor Tidak Formal)
- Memorandum Persefahaman di antara Kerajaan Malaysia dan Kerajaan Republik Bangladesh mengenai Penggajian Pekerja (Kerajaan kepada Kerajaan Plus)
- ASEAN Committee on the Implementation of the ASEAN Declaration on the Protection and the Promotion of the Rights of Migrant Workers Instrument Drafting Team (ACMW-DT)
- Perjanjian Perkongsian Trans-Pasifik (Bab Buruh)
- Perjanjian Malaysia-EU Free Trade (MEUFTA)
- Perjanjian Malaysia-European Free Trade Association (EFTA) Economic Partnership (MEEPA)

UNIT AUDIT DALAM

Unit Audit Dalam (UAD) berperanan membantu sesebuah organisasi mencapai matlamatnya melalui pendekatan yang sistematik dan berdisiplin untuk menilai dan menentukan keberkesanan semua proses kawalan dan tadbir urus Kementerian secara keseluruhan. Sepanjang tahun 2016, sebanyak 19 program pengauditan telah dilaksanakan di 92 pejabat di Kementerian/jabatan/agensi.

1. Pengauditan Kewangan

Sejumlah 7 aktiviti pengauditan kewangan melibatkan 36 pejabat telah dilaksanakan bagi iaitu Penarafan Indeks Akauntabiliti; Pengurusan Kewangan; Penampilan Audit; Pengauditan Terhadap Perolehan Sebut Harga; Pengauditan Susulan Terhadap Kawalan Pengurusan, Pengurusan Aset dan Stor serta Pengurusan Kenderaan; Pematuhan Perekodan Maklumat Pembelian Terus dalam GPIS dan; Pengauditan Terhadap Sistem Kecemerlangan Pengurusan Kewangan (SKPK). Sebanyak 8 aspek yang dinilai iaitu Kawalan Pengurusan; Kawalan Bajet; Kawalan Terimaan; Kawalan Perbelanjaan; Kawalan Perolehan; Kawalan Pengurusan Akaun Amanah, Kumpulan Wang Amanah dan Deposit; Pengurusan Aset dan Stor dan; Pengurusan Kenderaan. Butiran lanjut seperti jadual berikut:

JADUAL 1
PROGRAM PENGAUDITAN KEWANGAN

BIL.	AKTIVITI	BIL.	NAMA
1.	Penarafan Indeks Akauntabiliti	1	• Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia
2.	Pengurusan Kewangan	10	• ILP Kota Bharu • ILP Ledang • JKKP Sabah • ILP Mersing • JKKP Pahang • ILP Labuan • JPK Wilayah Selatan • JHEKS Melaka & Negeri Sembilan • PTK Subang Jaya • ILP Kuala Lumpur
3.	Penampilan Audit	7	• PTK Kuala Kangsar • PTK Kuala Selangor • PTK Tapah • PTK Teluk Intan • PTK Temerloh • PTK Bentong • PTK Segamat
4.	Pengauditan Terhadap Perolehan Sebut Harga di Kementerian Sumber Manusia	1	• Kementerian Sumber Manusia
5.	Pengauditan Susulan Terhadap Kawalan Pengurusan, Pengurusan Aset dan Stor serta Pengurusan Kenderaan di Kementerian Sumber Manusia	1	• Kementerian Sumber Manusia
6.	Pematuhan Perekodan Maklumat Pembelian Terus dalam GPIS di KSM	8	• Kementerian Sumber Manusia • Jabatan Pembangunan Kemahiran • Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan • Jabatan Tenaga Manusia • Jabatan Perhubungan Perusahaan • Jabatan Hal Ehwal Kesatuan Sekerja • Mahkamah Perusahaan • Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia
7.	Pengauditan Terhadap Sistem Kecemerlangan Pengurusan Kewangan (SKPK)	8	• Kementerian Sumber Manusia • Jabatan Pembangunan Kemahiran • Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan • Jabatan Tenaga Manusia • Jabatan Perhubungan Perusahaan • Jabatan Hal Ehwal Kesatuan Sekerja • Mahkamah Perusahaan • Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysi

2. Pengauditan Prestasi

Pengauditan prestasi merangkumi penilaian terhadap aktiviti organisasi bagi menentukan sama ada pihak pengurusan yang dipertanggungjawabkan telah mengurus atau menggunakan sumber-sumber seperti wang awam/belanjawan, harta benda, sumber manusia, ruang pejabat dan lain-lain di bawah kawalan dengan berhemah, cekap dan berkesan. Ia juga menilai sejauh mana operasi/aktiviti dapat memenuhi objektif atau matlamat yang telah ditetapkan. Pada tahun 2016, UAD telah melaksanakan pengauditan bagi 6 program/aktiviti di 16 pejabat seperti jadual berikut:

JADUAL 2
PROGRAM PENGAUDITAN PRESTASI

BIL.	AKTIVITI/PROGRAM	BIL.	NAMA
1.	Pengurusan Pampasan di bawah Akta Pampasan Pekerja di Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung	3	• Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia • PTK Melaka • PTK Georgetown
2.	Pengurusan Pampasan di bawah Akta Pampasan Pekerja di Jabatan Tenaga Kerja Sarawak	2	• PTK Kuching • PTK Miri
3.	Pengurusan Pampasan di bawah Akta Pampasan Pekerja di Jabatan Tenaga Kerja Sabah	2	• PTK Sandakan • PTK Tawau
4.	Pengurusan Tender Bagi Projek Naik Taraf Institut Latihan Perindustrian	2	• Jabatan Tenaga Manusia • Bhgn. Pembangunan, Sumber Manusia Dan Kewangan, KSM
5.	Pengurusan Penguatkuasaan Terhadap Kilang, Tapak Bina dan Jentera di Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan	3	• Jabatan Keselamatan Dan Kesihatan Pekerjaan • JKKP Johor • JKKP Perak
6.	Pengurusan Penggiatan Sistem Latihan Dual Nasional – Peningkatan Tahap Kemahiran di Jabatan Pembangunan Kemahiran	4	• Jabatan Pembangunan Kemahiran • Bhgn. SLDN Cyberjaya • JPK Wilayah Timur • JPK Wilayah Tengah

3. Pengauditan Khas (ICT)

Pengauditan ICT dijalankan bagi memastikan pembangunan dan pelaksanaan projek ICT dibuat secara cekap, berkesan dan berhemat serta mematuhi peraturan yang ditetapkan. Sejumlah 3 program pengauditan yang melibatkan 12 pejabat telah dilaksanakan seperti jadual berikut:

JADUAL 3
PROGRAM PENGAUDITAN ICT

BIL.	AKTIVITI/PROGRAM	BIL.	NAMA
1.	Pembangunan Laman Web dan Pangkalan Data PLWS (Productivity Kinked Wage System) Atas Talian	1	• Jabatan Perhubungan Perusahaan
2.	Perolehan Perisian ICT Bagi Institut Latihan Jabatan Tenaga Manusia	3	• Jabatan Tenaga Manusia • ILP Kuala Langat • ILP Kuala Lumpur
3.	Pengauditan Terhadap Bayaran Bekalan dan Perkhidmatan (Data eSPKB) Menggunakan Perisian Audit Command Language (ACL)	8	• Bhgn. Khidmat Pengurusan • Bhgn. Kewangan & Pembangunan • Bhgn. Pengurusan Sumber Manusia • Bhgn. Pengurusan Maklumat • Bhgn. Dasar Sumber Manusia • Bhgn. Dasar Perburuhan • Bhgn. Antarabangsa • ILMIA

4. Pengesahan Data Baki Awal Aset Dan Liabiliti

Unit Audit Dalam telah melaksanakan pengesahan data baki awal yang dikemukakan oleh Bahagian Akaun KSM bagi memastikan data yang kemukakan tepat dan bebas daripada kesilapan yang ketara bagi tujuan pelaksanaan Perakaunan Akruan. Pada tahun 2016, UAD telah melaksanakan pengauditan pengesahan data baki awal bagi 12 pejabat melibatkan 2 komponen seperti jadual berikut:

JADUAL 4
PELAKSANAAN PENGAUDITAN PENGESAHAN DATA BAKI AWAL ASET DAN LIABILITI

BIL.	AKTIVITI/PROGRAM	BIL.	NAMA
1.	Pembangunan Laman Web dan Pangkalan Data PLWS (Productivity Kinked Wage System) Atas Talian	1	• Jabatan Perhubungan Perusahaan
2.	Perolehan Perisian ICT Bagi Institut Latihan Jabatan Tenaga Manusia	3	• Jabatan Tenaga Manusia • ILP Kuala Langat • ILP Kuala Lumpur
3.	Pengauditan Terhadap Bayaran Bekalan dan Perkhidmatan (Data eSPKB) Menggunakan Perisian Audit Command Language (ACL)	8	• Bhgn. Khidmat Pengurusan • Bhgn. Kewangan & Pembangunan • Bhgn. Pengurusan Sumber Manusia • Bhgn. Pengurusan Maklumat • Bhgn. Dasar Sumber Manusia • Bhgn. Dasar Perburuhan • Bhgn. Antarabangsa • ILMIA

5. Sistem Kecemerlangan Pengurusan Kewangan

Bagi tahun 2016, UAD telah menambah baik kaedah penilaian prestasi pengurusan kewangan melalui pelaksanaan sendiri (self assessment) oleh Pusat Tanggungjawab (PTJ) dikenali dengan nama Sistem Kecemerlangan Pengurusan Kewangan (SKPK). Penggunaan sistem ini secara online yang lebih mesra auditi, cepat dan menjimatkan dapat dilaksanakan dengan jayanya. Sejumlah 16 PTJ telah dipilih untuk mejalani latihan dan pelaksanaan penilaian sendiri iaitu Bahagian Khidmat Pengurusan, Bahagian Kewangan & Pembangunan, Bahagian Pengurusan Sumber Manusia, Bahagian Pengurusan Maklumat, Bahagian Dasar Sumber Manusia, Bahagian Dasar Perburuhan, Bahagian Antarabangsa, ILMIA, Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia, Jabatan Tenaga Manusia, Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan, Jabatan Hal Ehwal Kesatuan Sekerja, Jabatan Pembangunan Kemahiran, Jabatan Perhubungan Perusahaan, Mahkamah Perusahaan dan JTK Sarawak.

6. Mesyuarat Jawatankuasa Audit

Penubuhan Jawatankuasa Audit di Peringkat Kementerian adalah bertujuan membincangkan isu-isu yang dibangkitkan sama ada oleh UAD atau Jabatan Audit Negara serta memastikan tindakan preventive dan corrective diambil oleh pihak pengurusan supaya kelemahan berkaitan dapat diperbetulkan dan tidak berulang. Pada tahun 2016, sebanyak 16 laporan telah dibentangkan seperti jadual berikut:

JADUAL 5
MESYUARAT JAWATANKUASA AUDIT TAHUN 2016

BILANGAN MESYUARAT	TARIKH MESYUARAT	LAPORAN YANG DIBENTANGKAN	TARIKH MINIT DIKEMUKAKAN KEPADA PERBENDHARAAN
1 Tahun 2016	05.04.2016	1. Ringkasan Penemuan Pengauditan Pengurusan Kewangan Bagi Tempoh Januari – Mac 2016 2. Pengurusan Pertandingan Kemahiran Di Jabatan Pembangunan Kemahiran 3. Pengauditan Sistem Pembayaran Dan Muat Turun Certificate Of Fitness (CF) Atas Talian Di Jabatan Kesihatan Dan Keselamatan Pekerjaan 4. Laporan Ketua Audit Negara - AG's Dashboard	15.04.2016
2 Tahun 2016	14.06.2016	1. Kajian Audit Terhadap Pengurusan Tender bagi Projek Naik Taraf Dan Memulihara Struktur Bangunan Institut Latihan Jabatan Tenaga Manusia (ILJTM) 2. Ringkasan Penemuan Pengauditan Pengurusan Kewangan Bagi Tempoh April – Jun 2016 3. Laporan Ketua Audit Negara AG's Dashboard Tahun 2014 dan 2015 Serta Accountability Index	28.06.2016
3 Tahun 2016	05.10.2016	1. Ringkasan Penemuan Pengauditan Pengurusan Kewangan Bagi Tempoh Bagi Tempoh Julai – September 2016 2. Kajian Audit Terhadap Pengurusan Pampasan Pekerja JTKSM Dan JTK Sarawak 3. Pembangunan Laman Web dan Pangkalan Data PLWS (Productivity Linked Wage System) Atas Talian Di Jabatan Perhubungan Perusahaan 4. Laporan AG's Dashboard Tahun 2014 dan 2015	15.10.2016
4 Tahun 2016	04.01.2017	1. Pengauditan Pengurusan Pampasan Pekerja di Jabatan Tenaga Kerja Sandakan Dan Tawau 2. Ringkasan Penemuan Pengauditan Kewangan Bagi Tempoh Oktober-Disember 2016 3. Laporan AG's Dashboard Tahun 2014 dan 2015 4. Pencapaian Latihan Pegawai UAD Bagi Tahun 2016 5. Pembentangan Rancangan UAD Bagi Tahun 2017	12.01.2017

JABATAN/BADAN BERKANUN DI BAWAH KSM

LAPORAN TAHUNAN 2016
KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA

1Malaysia Skills & Enhancement For The Rakyat

1MASTER

Logo 1MASTER

Projek NBOS-1MASTER adalah untuk menangani isu kekurangan tenaga kerja mahir Negara di samping memberi peluang kepada belia yang menganggur untuk mendapat pekerjaan. Pelaksanaan program adalah berkonsepkan Sistem Latihan Dual Nasional (SLDN) dan berbentuk skills upgrading dan skills updating.

Bermula tahun 2015, pelaksanaan program 1MASTER telah diperluaskan merangkumi Wilayah Pembangunan Iskandar Johor, Wilayah Ekonomi Koridor Utara (NCER), Koridor Pembaharuan Tenaga Sarawak (SCORE), Koridor Pembangunan Sabah (SDC) dan Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECER).

- Empat (4) strategi yang telah dilaksanakan melalui program 1MASTER:
- Strategi 1: Incorporate 1MASTER Modules In Existing TEVT Programs
 - Strategi 2: Online & Onsite Career Counselling To Boost Employability Of Participants
 - Strategi 3: English Language Training To Boost Employability Of Participants
 - Strategi 4: "1MASTER Mobile Advisors" To Offer Tailored Practical Advice To Boost SME Productivity

Jadual xx: Pencapaian 1MASTER mengikut kementerian bagi Strategi 1: Incorporate 1MASTER Modules In Existing TEVT Programs

Kementerian	Agensi	Bilangan Peserta
	Jabatan Pembangunan Kemahiran	10,000
	Jabatan Tenaga Manusia	32,611
Kementerian Sumber Manusia	Perbadanan Tabung Pembangunan Kema-hiran	2,058
	Pembangunan Sumber Manusia Berhad	3,500
Kementerian Belia dan Sukan	Institut Kemahiran Belia Negara	6,000
Kementerian Pendidikan Tinggi	Kolej Komuniti	3,755

Strategy 3: English Language Training To Boosts Employability Of Participant

Program ini memfokuskan kepada peningkatan kemahiran pekerja berkomunikasi dalam Bahasa Inggeris. Bagi Strategi 3: English Language Training to Boosts Employability of Participants, kursus Bahasa Inggeris akan dilaksanakan untuk memperkukuhkan keberkesanan program 1MASTER.

Tempoh latihan adalah selama 5 hari (40 Jam). Sasaran adalah pekerja dalam bidang Frontliners: Hospitality dan Retail. Peserta kursus 1MASTER di bidang Hospitaliti dan Peruncitan (Retail).

- Sasaran: 1,200 peserta
- Pencapaian : 1200

Bil	WILAYAH	HOSPITALITI	RETAILER
1.	UTARA	100	100
2.	SELATAN	100	100
3.	TIMUR	100	100
4.	TENGAH	100	100
5.	SABAH	100	100
6.	SARAWAK	100	100
	JUMLAH	600	600

Jumlah Keseluruhan : 1200 /1200 pax

- Peruntukan: RM 1,000,000.00
- Perbelanjaan Sebenar: RM 905,163.00
- Baki Peruntukan: RM 94,837.00

Bil	WILAYAH	PENYEDIA LATIHAN
1	UTARA	METEOR TECHNOLOGY ENHANCEMENT OPERATION SDN BHD(OUM)
2	SELATAN	PGI CIPTA SDN BHD
3	TIMUR	BANI RAHMAN ENTERPRISE
4	TENGAH	GENASHTIM SDN BHD
5	SABAH	ASIAN TOURISM INTERNATIONAL COLLEGE
6	SARAWAK	CAHAYA INTENSIF SDN BHD
		PPKS ILMU SDN BHD

Jadual syarikat pekerja yg terlibat

Wilayah Utara.

Hospitality

- 1) City Plaza, Alor Setar
- 2) Star City Hotel, Alor Setar
- 3) Royal Kedah Club, Alor Setar
- 4) Fuller Hotel Sdn Bhd, Alor Setar
- 5) Ixora Hotel Sdn Bhd, P.Pinang
- 6) Sunway Hotel seberang Jaya
- 7) The Light Hotel (M) Sdn Bhd, Seberang Jaya
- 8) Swiss Inn Hotel, Sg Petani
- 9) UG Hotel Property Sdn Bhd, Sg Petani

Retail

- 1) Sunway Carnival Mall, Seberang Jaya
- 2)The Blanket Hotel, Seberang Jaya
- 3) Parkson Corporation Sdn Bhd, P.Pinang
- 4) Parkson 1st Avenue, P.Pinang
- 5) CIMB
- 6) NAZA Academy Sdn Bhd
- 7) Peladang Mart Sdn Bhd
- 8) Southern Rubber Works Sdn Bhd
- 9) Royal Kedah Club, Alor Setar
- 10) EMUM Capital Sdn Bhd

Wilayah Tengah.

- 1) Air Asia Berhad.
- 2) Royal Selangor Sdn Bhd.
- 3) The Marketing Interchange Sdn.Bhd.
- 4) XOX Mobile Sdn.Bhd.
- 5) BV EYECARE (M) Sdn.Bhd.
- 6) Forever Living Sdn Bhd.
- 7) Selberan Jewellery Sdn.Bhd.
- 8) The Everly Group Sdn.Bhd.
- 9) Kian Contract Sdn.Bhd.

Jadual xx: Pencapaian 1MASTER mengikut kementerian bagi Strategi 4: “1MASTER Mobile Advisors” To Offer Tailored Practical Advice To Boost SME Productivity

Kementerian	Agensi	Bilangan Lawatan
Kementerian Sumber Manusia	Jabatan Pembangunan Kemahiran	1,247
	Jabatan Tenaga Manusia	490
	Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran	250
	Pembangunan Sumber Manusia Berhad	674
Kementerian Belia dan Sukan	Institut Kemahiran Belia Negara	300
Kementerian Pendidikan Tinggi	Kolej Komuniti	100
	Politeknik	257
Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah (Majlis Amanah Rakyat)	Majlis Amanah Rakyat	35
	GiatMARA	1,000
Jumlah Lawatan		4,353



Pengendalian latihan kepada SME bagi meningkatkan produktiviti



Sesi latihan kepada SME bagi meningkatkan produktiviti



Sekitar Kursus Bahasa Inggeris kepada Pegawai / Kakitangan JPPM

JABATAN PERHUBUNGAN PERUSAHAAN

2nd Malaysian Productivity-Linked Wages Conference (2nd My-Plic)



Ketua Pengarah JPPM dan Timbalan Ketua Pengarah JPPM bersama wakil daripada jabatan di bawah KSM



Pengarah-Pengarah dari JPPM serta barisan petugas dan urus setia yang membantu menjayakan program 2nd My-Plic



Yang Berhormat, Menteri Sumber Manusia bersama Ketua Pengarah dan Ketua-Ketua Jabatan di bawah KSM serta penceramah pakar daripada ASIAN Productivity Organaization (APO)



Ketua Pengarah JPPM dan Pengarah-Pengarah di JPPM serta penceramah daripada ASIAN Productivity Organaization (APO)

PLWS Colloquium and Straight Talk Zon Timur Bagi Tahun 2016 dan Hub PLWS Zon Timur



Yang Berhormat, Timbalan Menteri Sumber Manusia menyampaikan ucapan kepada peserta program.



Antara peserta yang hadir ke program PLWS Colloquium and Straight Talk Zon Timur Bagi Tahun 2016 dan Hub PLWS Zon Timur



Antara peserta yang hadir ke program PLWS Colloquium and Straight Talk Zon Timur Bagi Tahun 2016 dan Hub PLWS Zon Timur



Perasmian program PLWS Colloquium and Straight Talk Zon Timur Bagi Tahun 2016 dan Hub PLWS Zon Timur Oleh Yang Berhormat, Timbalan Menteri Sumber Manusia



Penyampaian sijil penyertaan kepada peserta Hub PLWS Zon Timur oleh Yang Berhormat, Timbalan Menteri Sumber Manusia



Yang Berhormat, Timbalan Menteri Sumber Manusia bersama peserta yang menyertai HUB PLWS Zon Timur.



YB Dato' Sri Hj. Ismail Abd Mutallib, Timb. Menteri Sumber Manusia diiringi oleh TKSU (D) dan Ketua Pengarah JPPM melawat booth pameran



Sesi dialog antara para peserta dan penceramah yang dipandu oleh Ketua Pengarah JPPM sebagai moderator.





Modul PLWS Bagi SME@University di Universiti Teknologi Malaysia Skudai, Johor pada 28 Mei 2016



Modul PLWS Bagi SME@University di Universiti Teknologi Malaysia Skudai, Johor pada 28 Mei 2016



Modul PLWS Bagi SME@University di Universiti Kebangsaan Malaysia, Selangor pada 29 Mei 2016



Modul PLWS Bagi SME@University di Universiti Kebangsaan Malaysia, Selangor pada 29 Mei 2016



Modul PLWS Bagi SME@University di Universiti Teknologi MARA, Shah Alam, Selangor pada 11 Jun 2016



Modul PLWS Bagi SME@University di Universiti Putra Malaysia, Selangor pada 12 Jun 2016

Bengkel Pemantapan Modul PLWS JPPM SME@University Programme : Pembangunan KPI Dan Model PLWS Bagi Tahun 2016



Peserta Program Di Langkawi, Kedah Pada 10 - 12 November 2016



Peserta Program Di Kuala Lumpur Pada 3 - 5 Disember 2016

Persaraan Ketua Pengarah Dan Pelantikan Ketua Pengarah Jabatan Perhubungan Perusahaan Malaysia



Sesi bergambar Tuan Ketua Pengarah JPPM bersama Yang Berbahagia, Ketua Setiausaha KSM bersama pengarah-pengarah dan wakil pengarah JPPM.



Ucapan penghargaan oleh Yang Berbahagia, Ketua Setiausaha KSM kepada Tuan Ketua Pengarah JPPM.



Ucapan daripada Tuan Ketua Pengarah JPPM.



Penyampaian Cenderahati dan Sijil Penghargaan oleh Yang Berbahagia, Ketua Setiausaha KSM kepada Ketua Pengarah JPPM, En Fong Khei Por



Penyampaian Cenderahati oleh Timbalan Ketua Pengarah JPPM dan upacara memotong kek oleh Ketua Pengarah JPPM bersama pengarah-pengarah JPPM.



Penyampaian Cenderahati oleh Timbalan Ketua Pengarah JPPM dan upacara memotong kek oleh Ketua Pengarah JPPM bersama pengarah-pengarah JPPM.



Ketua Pengarah JPPM bersama warga JPPM



Ketua Pengarah JPPM bersama warga JPPM



En. Fong Khei Por merakamkan waktu yang terakhir sebelum bersara



Penyampaian surat perlantikan Ketua Pengarah JPPM oleh Ketua Setiausaha KSM kepada En. Khalid Bin Zali yang menggantikan En. Fong Khei Por yang telah bersara.

1. GERAN PEMBANGUNAN KESATUAN SEKERJA (GPKS)

Pada tahun 2016 Kementerian Sumber Manusia (KSM) melalui Jabatan Hal Ehwal Kesatuan Sekerja (JHEKS) buat julung kalinya telah diperuntukkan geran yang dinamakan Geran Pembangunan Kesatuan Sekerja (GPKS) berjumlah RM3 juta untuk diagihkan kepada kesatuan-kesatuan sekerja berdaftar di Malaysia.

GPKS adalah satu bentuk bantuan yang diperuntukkan oleh Kerajaan bertujuan membantu Kesatuan-kesatuan Sekerja yang memerlukan dana untuk menjalankan aktiviti kesatuan termasuk mengadakan Mesyuarat Agung Pertama dan latihan berbentuk kursus, seminar, bengkel dan sebagainya.

Sebanyak 292 permohonan telah diterima dan diproses oleh JHEKS. 174 permohonan adalah dari kesatuan sekerja dalaman sementara 118 permohonan dari kesatuan sekerja kebangsaan. Dari jumlah permohonan yang diterima, sebanyak 159 permohonan dengan peruntukan RM2,997,986.00 telah berjaya diagihkan.

GPKS diharap dapat menggalakkan perkembangan pendidikan dan pembelajaran secara berterusan khususnya bagi meningkatkan tahap kemahiran berkesatuan di kalangan pemimpin dan anggota kesatuan.



Bengkel Anjuran Kesatuan Pekerja-Pekerja Proton Edar Sdn. Bhd. Melalui Penganugerahan GPKS Yang Dirasmikan Oleh Encik Mustafa bin Ali, Ketua Pengarah Kesatuan Sekerja Malaysia

2. KAJIAN “A STUDY ON TRADE UNION EFFECTIVENESS IN MALAYSIA”

Pada tahun 2016, JHEKS telah berkolaborasi dengan Institut Maklumat dan Analisis Pasaran Buruh (ILMIA) dan melantik juru perunding dari UNIMAS Holdings Sdn. Bhd. untuk menjalankan kajian bertajuk “A Study on Trade Union Effectiveness in Malaysia”. Objektif kajian ini adalah seperti berikut:

- i. Untuk menganalisa pergerakan kesatuan sekerja di Malaysia;
- ii. Mengenalpasti faktor-faktor menyumbang kepada keberkesanan kesatuan sekerja;
- iii. Membandingkan keberkesanan di antara kesatuan sekerja kebangsaan dan kesatuan sekerja dalaman;
- iv. Mengenalpasti sumbangan Jabatan Hal Ehwal Kesatuan Sekerja kepada keberkesanan kesatuan sekerja;
- v. Mengenalpasti kefahaman dan kesediaan kesatuan sekerja terhadap pelaksanaan TPPA;
- vi. Mencadangkan strategi terbaik kepada kesatuan sekerja untuk diterapkan agar menjadi lebih berkesan; dan
- vii. Membangunkan pakar berketrampilan dalam kalangan pegawai Kementerian Sumber Manusia berkenaan kesatuan sekerja.

Hasil kajian diharap dapat membantu kerajaan dalam menganalisis perkembangan terkini pergerakan kesatuan sekerja terutamanya dalam merumus dasar-dasar yang bertepatan dengan rangka pembangunan sosial dan perundangan seiring dengan Dasar Buruh Negara dan keharmonian perhubungan perusahaan.

Kajian ini juga diharap dapat memberi gambaran mengenai perkembangan semasa dan terkini yang berlaku kepada kesatuan sekerja, khususnya untuk melihat keupayaan dan kematangan sesebuah kesatuan sekerja dalam menepati keperluan amalan terbaik dan memenuhi strategi terbaik di peringkat nasional mahupun global.



Sesi Pengumpulan Data Melalui Survey Yang Dijalankan Ke Atas Kesatuan-Kesatuan Sekerja



Sesi Pengumpulan Data Melalui Focus Group Discussion Bersama Majikan-Majikan

3. PINDAAN AKTA KESATUAN SEKERJA 1959 BERHUBUNG PELAKSANAAN TRANS-PACIFIC PARTNERSHIP AGREEMENT (TPPA)

Bahagian Perundangan dan Penguatkuasaan, JHEKS giat melaksanakan pindaan Akta Kesatuan Sekerja 1959 (Akta 262) sebagaimana kehendak Labour Consistency Plan (LCP) dan Bab Buruh, TPPA. Proses pindaan Akta 262 yang dibuat adalah dengan kerjasama Bahagian Dasar, Kementerian Sumber Manusia.

JHEKS bersama Bahagian Dasar KSM serta Pasukan Gerak Kerja yang terdiri daripada pegawai Jabatan, Dasar dan ILMIA telah mengadakan beberapa siri bengkel dan sesi libat urus bersama pihak Jabatan Perhubungan Perusahaan Malaysia (JPPM), Malaysian Employers Federation (MEF), Malaysian Trade Union Congress (MTUC), Kongress Kesatuan Pekerja-Pekerja Di Dalam Perkhidmatan Awam (CUEPACS), Federation of Malaysian Manufacturers (FMM), pakar-pakar International Labour Organization (ILO) dan wakil pihak United States Trade Representative (USTR) bagi tujuan mendapat input , nasihat, pandangan dan cadangan agar pindaan Akta 262 yang dibuat selaras dan mematuhi kehendak semasa perburuhan dan pelaksanaan dasar kerajaan sedia ada.

(i) Bengkel/Taklimat Cadangan Pindaan Akta 262

AKTIVITI	TARIKH	TEMPAT
Sesi Taklimat Cadangan Pindaan Akta 262 Bersama Pengarah Pejabat Wilayah/Negeri & Pegawai Ibu Pejabat	10 & 11/3/16	Ibu Pejabat JHEKS
Sesi Taklimat Cadangan Pindaan Akta 262 Bersama Pegawai-pegawai JHEKS Seluruh Malaysia	19 & 20/5/16	Ibu Pejabat JHEKS
Sesi Konsultasi Dan Pembentangan Kepada Jabatan Perhubungan Perusahaan (JPP)	19/7/16	Ibu Pejabat JPP
Sesi Taklimat Cadangan Pindaan Akta 262 Bersama Bahagian Dasar & ILMIA	4/8/16	Ibu Pejabat JHEKS
Sesi Taklimat Cadangan Pindaan Akta 262 Bersama Pakar ILO	16,18,19,24,30/8/16 & 19/9/16	Ibu Pejabat JHEKS
Sesi Taklimat Cadangan Pindaan Akta 262 Bersama Pihak USTR (United States Trade Representative)	8/8/16 & 19/9/16	Kementerian Sumber Manusia
Bengkel Pindaan Akta Perhubungan Perusahaan 1967 & Akata Kesatuan Sekerja 1959	8 hingga 10/9/16	Hotel Eastin, Petaling Jaya
Deraf Rang Undang-undang bagi Akta Kesatuan Sekerja (Pindaan) 2017 oleh Pegawai Ibu Pejabat, Bahagian Perundangan & Penguatkuasaan	19 hingga 30/12/16	Ibu Pejabat JHEKS

(ii) Sesi Libat Urus Cadangan Pindaan Akta 262

AKTIVITI	TARIKH	TEMPAT
Sesi Libat Urus Bersepadu Berhubung TPPA Mengikut Zon	3.6.2016 hingga 22.6.2016	Zon Tengah- Selangor & KL Zon Utara- Kedah/Perlis, Pulau Pinang & Perak. Zon Selatan- Kluang, Johor Bahru, Melaka & N. Sembilan Zon Timur- Kelantan, Terengganu & Pahang. Sabah- Sandakan, Kota Kinabalu & Labuan. Sarawak- Sibu & Miri
Sesi Libat Urus Bersama MEF	9.8.2016	Pejabat MEF
Sesi Libat Urus Bersama MTUC	11.8.2016	Pejabat MTUC
Sesi Libat Urus Bersama CUEPACS	30.8.2016	Pejabat CUEPACS
Sesi Libat Urus Bersama FMM	10.10.2016	Kementerian Sumber Manusia



Sesi Libat Urus Bersama MEF



Sesi Libat Urus Bersama Sesi Libat Urus Bersama CUEPACS



Sesi Taklimat Cadangan Pindaan Akta 262 Bersama Pihak USTR (United States Trade Representative)



Sesi Taklimat Cadangan Pindaan Akta 262 Bersama Pakar ILO



Bengkel Pindaan Akta Perhubungan Perusahaan 1967 & Akta Kesatuan Sekerja 1959

MAHKAMAH PERUSAHAAN MALAYSIA

PENDAHULUAN

Mahkamah Perusahaan Malaysia (MPM) merupakan sebuah tribunal di bawah Kementerian Sumber Manusia yang telah ditubuhkan di bawah Akta Perhubungan Perusahaan 1967. MPM merupakan badan yang berperanan memutuskan kes-kes yang melibatkan pembuangan kerja, perjanjian kolektif dan pertikaian perusahaan di antara pekerja, majikan dan kesatuan sekerja yang berkaitan secara adil mengikut prinsip ekuiti dan perasaan nurani yang baik (equity and good conscience). Peranan MPM sebagai pihak ketiga bagi pekerja dan majikan telah wujud sejak tahun 1940-an sehingga kini dalam mengekalkan keharmonian perhubungan perusahaan yang telah membawa kepada kestabilan masyarakat umum (civil society) serta menggalakkan pelaburan domestik dan asing di dalam pembangunan ekonomi di negara ini.

PENERIMAAN DAN PENYELESAIAN KES

Sepanjang tahun 2016, sebanyak 3,829 kes telah dikendalikan oleh Mahkamah Perusahaan (Carta 1) yang merangkumi kes-kes pertikaian perusahaan, pembuangan kerja dan ketidakpatuhan kepada award/Perjanjian Kolektif. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 1,254 kes telah berjaya diselesaikan (Carta 2).



Di dalam tahun 2016, sebanyak 1,832 kes baru telah didaftarkan di Mahkamah Perusahaan bagi tujuan penyelesaian melalui proses adjudikasi di samping sebanyak 1,985 kes yang telah dibawa dari tahun sebelumnya dan 12 kes dihidupkan semula. Ini bermakna bahawa terdapat sebanyak 3,829 kes yang dikendalikan oleh Mahkamah Perusahaan sepanjang tahun 2016.

Merujuk kepada Carta 3 di atas, terdapat peningkatan sebanyak 41% bagi kes baru yang diterima pada tahun 2016 berbanding tahun 2015. Peningkatan ini adalah disebabkan oleh peningkatan kes yang dirujuk ke Jabatan Perhubungan Perusahaan Malaysia kesan daripada kelembapan ekonomi di dalam sector-sektor tertentu. Peningkatan kes ini tidak menjejaskan peranan Mahkamah Perusahaan untuk memberikan keadilan sosial kepada golongan berkepentingan dalam pertikaian perusahaan yang melibatkan pekerja, majikan atau kesatuan sekerja.

Bagi mengatasi bebanan kes yang meningkat, Mahkamah Perusahaan telah menggalakkan pihak bertikai untuk melaksanakan kaedah Mediasi dan juga Penilaian Awal Kes sebagai suatu pendekatan alternatif ke arah mempercepatkan penyelesaian kes selain daripada melalui proses perbicaraan. Sepanjang tahun 2016, sebanyak 27 kes telah melalui proses Penilaian Awal Kes di mana 30% (8) kes telah berjaya diselesaikan. Manakala bagi kaedah Mediasi pula, sebanyak 350 kes telah dijalankan di mana sebanyak 34.6% (121 kes) telah berjaya diselesaikan melalui kaedah ini. Walaupun peratus kejayaannya adalah rendah namun kaedah alternatif ini telah dapat menyumbang kepada 10.3% daripada penyelesaian keseluruhan kes.

KEPUTUSAN (AWARD) YANG DIPERTURUNKAN


Sepanjang tahun 2016, sebanyak 1,387 award telah diperturunkan oleh Pengerusi Mahkamah Perusahaan yang merangkumi award penuh dan juga award interim. Sebilangan besar award penuh yang diperturunkan oleh Pengerusi Mahkamah Perusahaan tersebut telah dilaporkan di dalam Industrial Law Reports yang dikeluarkan setiap bulan oleh The Malaysian Current Law Journal Sdn. Bhd.

	JUMLAH	JUMLAH
JENIS AWARD	2015	2016
Award bertulis dengan alasan	556	362
Award sama setuju	281	281
Award ditarik balik	431	501
Award dibatalkan	166	243
Jumlah	1,434	1,387

Jadual 1: Jenis-Jenis Award Yang Diperturunkan

Merujuk kepada Jadual 1 di atas, sebanyak 26.1% (362) award yang diturunkan adalah award bertulis dengan alasan, yang mana ianya merupakan keputusan dibuat setelah melalui proses perbicaraan penuh. Manakala selebihnya sebanyak 73.9% adalah merujuk kepada kes-kes yang telah diselesaikan selepas melalui kaedah mediasi atau penilaian awal kes. Selain daripada itu sebanyak 17.5% (243) award dibatalkan telah diturunkan kerana pihak perayu gagal hadir di Mahkamah Perusahaan bagi meneruskan kes.

Jumlah pampasan yang dibayar kepada pekerja melalui award yang diperturunkan oleh Mahkamah Perusahaan adalah berjumlah **RM 25,779,933.08** bagi tahun 2016.



PENCAPAIAN KEY PERFORMANCE INDICATOR (KPI)

Penetapan KPI adalah berasaskan bilangan perjawatan semasa Pengerusi di Mahkamah Perusahaan. Pada tahun 2016, KPI yang telah ditetapkan bagi MPM adalah untuk menyelesaikan 56% daripada 1870 kes. Sehingga akhir Disember 2016, MPM telah menyelesaikan sebanyak 1254 kes iaitu 67.1% daripada KPI yang ditetapkan. Ini merupakan suatu pencapaian yang membanggakan yang pernah dicapai oleh MPM.

KES BELUM SELESAI

Pada akhir tahun 2016, sebanyak 2,574 kes yang masih belum selesai dan akan dibawa ke tahun 2017. Semua kes tersebut masih di dalam tindakan Mahkamah Perusahaan di mana sebanyak 85% daripadanya adalah menunggu perbicaraan, 9% menunggu award, 5% menunggu hujahan daripada pihak-pihak terlibat dan 1% menunggu keputusan prosiding semakan kehakiman Mahkamah Atasan.



PENGIKTIRAFAN PERJANJIAN KOLEKTIF

Sepanjang tahun 2016, MPM telah memberi pengiktirafan kepada 308 Perjanjian Kolektif daripada 328 Perjanjian Kolektif yang diamanahkan. Terdapat peningkatan bilangan Perjanjian Kolektif yang diberi pengiktirafan bagi tahun 2016 dibandingkan dengan tahun 2015 adalah disebabkan peningkatan kesedaran pihak industri terhadap peranan kesatuan sekerja dan keperluan mempunyai suatu set terma perkhidmatan yang baik bagi menjamin kebajikan golongan pekerja.

STATUS	2015	2016
Pengamanahan dalam kendalian	280	328
Pengiktirafan	267	308

Jadual 3: Pengiktirafan Perjanjian Kolektif bagi tahun 2015 dan 2016

KESIMPULAN.

Perkembangan yang pesat dalam perundangan perhubungan perusahaan di dalam dan luar negara pada masa kini memerlukan Mahkamah Perusahaan Malaysia (MPM) sentiasa lebih peka, proaktif dan teliti dalam membuat sesuatu keputusan terutama bagi kes-kes yang semakin rumit dan kompleks. MPM telah melaksanakan pelbagai inisiatif dan penambahbaikan ke arah penyelesaian kes pertikaian perusahaan dalam tempoh masa yang cepat dan terbaik dalam usaha meningkatkan keyakinan dan kepercayaan golongan pekerja, majikan dan kesatuan sekerja terhadap institusi ini.

AKTIVITI-AKTIVITI BERGAMBAR SEPANJANG 2016



Majlis Penyerahan Watikah Perlatikan Yang DiPertua & Pengerusi MPM
Hotel Pullman, Kuching, Sarawak pada 21 Januari 2016



Lawatan rasmi YBhg. Dato' Sri Adenan bin Ab Rahman, KSU KSM,
Ke Mahkamah Perusahaan Malaysia
22 Februari 2016



Bengkel Pelan Transformasi MPM 2016
ILKAP, Bandar Baru Bangi pada 26 - 28 Februari 2016



Lawatan Persekutuan Majikan-Majikan Malaysia (MEF)
ke Mahkamah Perusahaan Malaysia, Kuala Lumpur
3 Mac 2016



Penglibatan di dalam Majlis Sambutan Aidilfitri KSM
13 Julai 2016



Mesyuarat Pengerusi MPM Bil. 4/2016
Mahkamah Perusahaan Malaysia Kuala Lumpur
2 Disember 2016



Lawatan Timbalan Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan,
Istana Kehakiman
ke Mahkamah Perusahaan Malaysia Kuala Lumpur
14 Disember 2016

PEMBIAYAAN LATIHAN KEMAHIRAN

Dalam usaha untuk melahirkan lebih ramai tenaga kerja mahir Negara, Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran (PTPK) telah memainkan peranan aktif untuk membiayai pinjaman dan bantuan kewangan khususnya kepada lepasan sekolah, graduan dan golongan pekerja yang ingin mengikuti latihan kemahiran dalam pelbagai bidang pekerjaan yang diperlukan oleh industri. Sejak penubuhannya pada tahun 2001 hingga tahun 2016, seramai 421, 304 orang pelatih telah mendapat manfaat pembiayaan pinjaman latihan kemahiran.

PTPK juga telah dipertanggungjawabkan untuk memberi kemudahan pembiayaan samada dalam bentuk pinjaman mahupun bantuan kewangan melalui program-program Pinjaman Latihan Kemahiran Kepada Lulusan Sekolah; Program Pinjaman Pekerja- Peningkatan Kelayakan dan Latihan Semula; pembiayaan Golongan Pekerja dan Future Workers; Program Peningkatan Tahap Kemahiran Kepada Siswazah (INSEP); dan Program Transformasi Teknikal Tenaga Kerja (WTTP), Geran latihan TVET bagi Golongan B40, program MEISTER dan pembiayaan Sistem Latihan Dual Nasional (SLDN).

Pada tahun 2016, PTPK telah menerima peruntukan sebanyak RM370 juta bagi membiayai program-program pembiayaan di bawah PTPK. Pecahan peruntukan yang diterima mengikut program pembiayaan adalah seperti di Jadual 1.

Jadual 1 – Peruntukan Dana Pinjaman/Pembiayaan Bagi Tahun 2016

	Program Pinjaman/ Pembiayaan	Peruntukan RMKe-11	Peruntukan Diterima
Pinjaman	Program Pinjaman Latihan Kemahiran Berterusan Kepada Lulusan Sekolah	Dana pinjaman TVET	RM 200 Juta
	Program Pinjaman Pekerja – Peningkatan Kelayakan dan Latihan Semula	Pembiayaan Pinjaman Kepada Pekerja – Peningkatan Kelayakan dan Latihan Semula	RM 0 juta
Pembiayaan	Pembiayaan Golongan Pekerja & Future Workers	- INSEP & WTTP - PSMB	RM 50 juta
	Geran latihan TVET bagi Golongan B40		RM50 juta
	Program MEISTER		RM10 juta
	Pembiayaan Sistem Latihan Dual Nasional – SLDN		RM 40 juta
	Jumlah		RM 350 juta

PENYEDIA LATIHAN TABUNG PEMBANGUNAN KEMAHIRAN

Untuk menikmati kemudahan pembiayaan latihan kemahiran yang disediakan oleh PTPK, sesebuah institut kemahiran perlu ditauliahkan oleh JPK dan berdaftar dengan PTPK sebagai sebuah Penyedia Latihan (PL). Pada tahun 2016, jumlah PL yang berdaftar dengan PTPK adalah sebanyak 534 PL berbanding tahun 2015 sebanyak 475 buah PL.

Jadual 2 - Pendaftaran Penyedia Latihan Pada Tahun 2015 - 2016

Tahun	Penyedia Latihan Awam				Penyedia Latihan Swasta		Jumlah Penyedia Latihan
	ILJTM	Peratus (%)	Kerajaan Negeri	Peratus (%)	Bilangan	Peratus (%)	
2015	19	4.0	41	8.63	415	87.37	464
2016	20	3.75	45	8.42	469	87.83	534

PTPK memberi keutamaan pembiayaan kepada program latihan kemahiran yang kritikal dalam memenuhi keperluan pembangunan Negara. Program latihan yang dibiayai terdiri daripada Program SKM, Program Bukan SKM dan Sijil Profesional seperti program latihan kemahiran dalam bidang Elektrikal & Elektronik, Telekomunikasi & Industri Penyiaran; Teknologi Maklumat & Komunikasi; Pemesinan & Peralatan; Perkhidmatan & Penyelenggaraan Mekanikal & Elektrikal; Pengangkutan; Percetakan; Perubatan & Farmaseutikal; Hospital & Pelancongan; Bangunan dan Pembinaan; Lanskap & Alam Sekitar; Pengurusan Bisnes; Tekstil & Pakaian; Pertanian & Asas Tani; Sumber Asas; Bioteknologi; Pendidikan & Perkhidmatan Latihan; Minyak & Gas; Perniagaan Secara Distributif; Pertahanan & Perkhidmatan Keselamatan; Penjagaan & Perkhidmatan Komuniti; dan Kimia.

KELULUSAN PEMBIAYAAN LATIHAN KEMAHIRAN KEPADA GOLONGAN SASARAN

Sepanjang tahun 2016, seramai 48,960 orang telah diluluskan pembiayaan latihan kemahiran samada dalam bentuk pinjaman mahupun bantuan kewangan untuk menjalani latihan kemahiran di PL yang berdaftar dengan PTPK melibatkan jumlah pembiayaan sebanyak RM485.79 juta.

Pada tahun 2016, PTPK telah membuat komitmen kelulusan pembiayaan melebihi peruntukan yang diterima memandangkan PTPK telah menerima permohonan melebihi peruntukan yang disediakan. Menyedari kepentingan sumbangan pekerja mahir terhadap pembangunan negara, lebih kelulusan permohonan iaitu sebanyak RM 178.17 juta telah ditampung oleh Dana Pusingan Kutipan Bayaran Balik Pinjaman Latihan Kemahiran. Pecahan kelulusan pembiayaan mengikut program dinyatakan dengan terperinci seperti di Jadual.

Jadual 3 - Kelulusan Pembiayaan Latihan Kemahiran Bagi Tahun 2016

Bil.	Nama Program	Peruntukan Diterima (RM)	Kelulusan Pinjaman	
			Bilangan	Jumlah (RM)
1	Dana Pinjaman TVET	200,000,000.00	29,147	378,175,261.84
2	Geran Latihan TVET Bagi Golongan B40	50,000,000.00	10,370	27,630,000
3	Pembiayaan Sistem Latihan Dual Nasional - SLDN	40,000,000.00	6,202	20,097,775
4	Pembiayaan Golongan Pekerja & Future Workers	50,000,000.00	2,829	49,900,000
5	Program MEISTER	10,000,000.00	412	9,992,000
JUMLAH BESAR		350,000,000.00	48, 960	485, 795,036.84

JADUAL 4 : RINGKASAN PROGRAM PROMOSI LATIHAN KEMAHIRAN TAHUN 2016 – MAKSIMUM 5 AKTIVITI UTAMA

BIL	AKTIVITI PROMOSI LATIHAN KEMAHIRAN
1	Kaunter Luar Premis PTPK Sempena Program ‘PDRM Bersama Belia Felda’
2	Kaunter Luar Premis PTPK Sempena Jemputan Jelajah Kerjaya Kedah
3	Pembukaan Kaunter Luar Premis PTPK Sempena Higher Education Fair 2016
4	Kaunter Pameran Sempena HRDF Conference & Exhibition 2016 Di Kuala Lumpur Convention Centre (KLCC)
5	Kaunter Penerangan dan Kutipan Bayaran Balik Sempena Participate As A Strategic Partner In The Expo Pemuda 2016 .
6	Kaunter Luar Premis PTPK Sempena Jemputan Pameran Pendidikan Dan Kemahiran Kompeten Belia Johor Sempena Hari Belia Negeri Johor 2016

PENGURUSAN PUNGUTAN BAYARAN BALIK

Bagi menjamin kelangsungan pusingan Dana Tabung Pembangunan Latihan Kemahiran, PTPK sentiasa giat melaksanakan urusan kutipan bayaran balik pinjaman latihan kemahiran. Sehingga 31 Disember 2016, sejumlah RM58.75 juta telah berjaya dikutip iaitu 38.9% daripada jumlah patut pungut sebanyak RM151.03 juta.

PTPK telah berjaya mencatatkan peningkatan kutipan bayaran balik pada tahun 2016 berbanding 2015 sebanyak RM9.69 juta. Peningkatan ini didorong oleh usaha berterusan PTPK dalam menawarkan pelbagai insentif kepada para peminjam terutamanya tawaran rebat bayaran balik pinjaman latihan kemahiran sebanyak 10%.

Pungutan keseluruhan bayaran balik pinjaman latihan kemahiran daripada Januari 2001 sehingga Mei 2006 iaitu semasa Bahagian Tabung Pembangunan Kemahiran (BTPK) adalah sebanyak RM65.45 juta (20.22%) dan pungutan bayaran balik pinjaman semasa Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran (PTPK) dari Jun 2006 sehingga 31 Disember 2016 adalah sebanyak RM313.87 juta (32.65%) yang terdiri daripada BTPK sebanyak RM323.61 juta dan PTPK sebanyak RM932.68 juta.

Jadual 5 – Pungutan Kumulatif Bayaran Balik Pinjaman Latihan Kemahiran Dari Januari 2001 Hingga 31 Disember 2016

Bil.	Peminjam Semasa	Kategori Peminjam	Jumlah Patut Pungut (RM juta)	Jumlah Telah Pungut (RM juta)	% Pungutan
1	Bahagian Tabung Pembangunan Kemahiran (BTPK)	BTPK	323.61	65.45	20.23%
		PTPK	0	0	0.00%
Jumlah Kecil BTPK			323.61	65.45	20.23%
2	Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran (PTPK)	BTPK	447.69	165.78	37.03%
		PTPK	485.00	148.09	30.54%
Jumlah Kecil PTPK			932.68	313.87	33.65%
Jumlah Keseluruhan			1,256.29	379.32	30.19%

PEMBANGUNAN SUMBER MANUSIA BERHAD (PSMB)

Pembangunan Sumber Manusia Berhad (PSMB), sebuah agensi di bawah Kementerian Sumber Manusia telah ditubuhkan pada tahun 1993 dengan matlamat untuk membangunkan modal insan yang berkualiti dan tenaga kerja yang bertaraf dunia bagi mencapai ekonomi berpendapatan tinggi yang berasaskan pengetahuan dan inovasi.

PSMB atau lebih dikenali sebagai Human Resources Development Fund (HRDF) telah berkembang peranannya daripada menguruskan sebuah dana bersaiz besar kepada sebuah pusat sehenti lengkap bagipenyelesaian pembangunan sumber manusia untuk seluruh sektor Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) Malaysia.

VISI

Menjadi autoriti dalam pembangunan sumber manusia demi memperkukuhkan pembangunan ekonomi Malaysia

MISI

Menerajui pembangunan dan latihan modal insan melalui program strategik bagi memenuhi keperluan industri yang semasa dan akan datang

Nilai Utama Kami

- Integriti
- Fokus Kepada Pelanggan
- Penambahbaikan Berterusan
- Kebolehpercayaan

MAJIKAN BERDAFTAR DENGAN PSMB

Jadual 1: Jumlah Majikan Berdaftar Mengikut Sektor

Sektor	Jan 1993 – 31 Dis 2016
Perkilangan	7,206
Perkhidmatan	10,268
Perlombongan dan Pengkuarian	61
Jumlah	17,535

Jadual 2: Jumlah Majikan Berdaftar Mengikut Kategori

Kategori	Jan 1992 – 31 Dis 2016
Majikan Besar	3,328
Majikan PKS	14,207
Jumlah	17,535

BANTUAN KEWANGAN DAN TEMPATLATIHAN YANG DILULUSKAN BAGI TAHUN 2016

Setiap tahun PSMB mensasarkan dan berusaha untuk memastikan peningkatan jumlah Bantuan Kewangan dan bilangan Tempat Latihan yang diluluskan di bawah Geran HRDF. Pada 2016, jumlah nilai Bantuan Kewangan yang diluluskan meningkat kepada RM576.39 dari RM539.77 juta pada tahun 2015, manakala bilangan tempat latihan yang diluluskan meningkat kepada 895.610 pertumbuhan sebanyak 7.07% dari tahun sebelumnya.

SKIM LATIHAN PEMBANGUNAN SUMBER MANUSIA BERHAD (PSMB)

Skim Bantuan Latihan (SBL)

Di bawah skim ini, majikan diberi kebebasan untuk merancang dan menjalankan program-program latihan bagi meningkatkan pengetahuan, kemahiran dan kecekapan kakitangan mereka. Majikan juga boleh memohon bantuan kewangan untuk Program-program Pembangunan, Pembelajaran Jarak Jauh Secara Dalam Talian, Jurulatih Kerja bagi Individu Kurang Upaya (PWD), e-Learning Mudah Alih serta Jurulatih dan Mentor.

Skim Bantuan Latihan Khas (SBL-Khas)

Skim ini diperkenalkan untuk membantu majikan yang ingin menjalankan latihan tetapi tetapi memiliki aliran tunai yang terhad. Melalui skim ini, penyedia latihan dibayar secara langsung oleh HRDF, bukan oleh majikan.

Skim Latihan Bakal Bekerja

Skim ini menyediakan pembiayaan bagi membolehkan majikan melatih kakitangan masa depan mereka bagi menguasai kemahiran dan kecekapan yang diperlukan sebelum mereka menjadi sebahagian daripada tenaga kerja. Usaha ini juga dapat mempercepatkan produktiviti syarikat.

Latihan Berasaskan Komputer (Pembangunan)

Ini membolehkan majikan membangunkan perisian latihan mereka sendiri berasaskan kepada keperluan syarikat dan ciri-ciri perniagaannya.

Skim Recognition of Prior Experiential Learning (RPEL)

Skim RPEL membolehkan pekerja mendapat pengiktirafan di atas kemahiran dan kecekapan berdasarkan tahap yang ditentukan oleh Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK). Di bawah skim ini, majikan boleh memohon bantuan kewangan daripada PSMB untuk membiayai yuran pendaftaran pengiktirafan yang dikenakan oleh JPK. Ini adalah untuk menyokong usaha Kementerian Sumber Manusia dalam pelaksanaan Sijil Kemahiran Malaysia (SKM). Skim ini bertujuan menggalakkan pekerja dengan kemahiran dan pengalaman untuk memohon sijil SKM, Diploma Kemahiran Malaysia atau Diploma Kemahiran Lanjutan Malaysia mengikut tahap kecekapan mereka.

Skim Latihan Industri (ITS)

Skim ITS membolehkan kakitangan menerima bantuan kewangan untuk membiayai elaun bulanan dan kos-kos yang dibenarkan lain berkaitan pelatih yang mengikuti latihan perindustrian di premis majikan. Skim ini menyediakan pelatih dengan pengalaman praktikal dalam persekitaran kerja sebaik sahaja mereka menamatkan pengajian.

Skim Latihan Bersama (SLB)

Skim ini membolehkan majikan yang mempunyai jumlah kakitangan yang kecil dan menghadapi kesukaran kewangan untuk bekerjasama dengan majikan berdaftar lain dalam menjalankan program latihan dan berkongsi kos latihan secara sama rata di kalangan mereka.

Skim Latihan Teknologi Maklumat dan Bantuan Komputer

Skim ini membolehkan majikan melengkapkan bilik latihan komputer dengan computer peribadi dan mengendalikan latihan IT. Kelayakan majikan untuk skim ini adalah sehingga RM25,000.00 bagi setiap pembelian bagi sesebuah ibu pejabat dan/atau cawangan bagi tempoh tiga tahun.

Skim Pembelian Peralatan Bantuan Latihan dan Kelengkapkan Bilik Latihan

Skim ini membolehkan majikan mendapat bantuan kewangan untuk membeli alat-alat bantuan bagi tujuan menyediakan atau pengubahsuaian dan mempertingkatkan bilik latihan. Ini adalah untuk menggalakkan budaya latihan dan latihan semula dalam sesebuah organisasi. Melalui Skim ini, latihan boleh masih dijalankan walaupun jadual kerja sibuk kerana ia boleh dilakukan secara dalaman.

Skim On-The-Job Training

Skim ini adalah salah satu cara utama untuk mendapatkan kemahiran dalam PKS, di mana para pekerja berkemahiran atau penyelia melatih pekerja kurang berkemahiran atau baharu yang bekerja bersama-sama dengan mereka. Kemahiran yang diperolehi menerusi cara ini akan menjadi asas kepada ukur rujuk pembangunan kemahiran bagi pekerja tersebut pada masa depan yang akhirnya akan membawa kepada akreditasi.

MEMANFAATKAN BAKAT WANITA BAGI MENINGKATKAN PRODUKTIVITI: HOUSEWIVES ENHANCEMENT AND REACTIVATE TALENT SCHEME (HEARTS)

Housewives Enhancement and Reactivate Talent Scheme (HEARTS) yang diinisiatifkan oleh PSMB, merupakan program latihan kemahiran yang dianjurkan untuk mempertingkatkan peratusan wanita di pasaran kerja kepada 55% menjelang 2020 dengan melatih semula dan meningkatkan kemahiran suri rumah yang mempunyai kelayakan.

Sepanjang tempoh empat tahun lepas, HEARTS telah menerima ribuan maklum balas dan berjaya melatih kira-kira 1,137 wanita yang tidak bekerja lagi, memberi mereka pemahaman yang lebih baik tentang landskap pekerjaan semasa.

Program Latihan HEARTS

- Penterjemahan dan Penyuntingan
- Train the trainer
- Pembangunan Laman Web
- Reka Bentuk Grafik
- Pengurusan Media Sosial
- Pemasaran Internet
- Green Islamic Cleaning (GIC)
- Pensijilan Halal AQL

ACARA DAN INISIATIF TAHUNAN PSMB

PERSIDANGAN TAHUNAN PSMB

Setelah 16 tahun, sambutan terhadap acara mercutanda Persidangan & Pameran HRDF 2016 adalah sungguh menggalakkan. Dikenali sebagai perhimpunan sumber manusia terbesar di Malaysia, Persidangan & Pameran HRDF berperanan sebagai suatu titik pertemuan yang cukup sempurna bagi para pengamal HR, majikan dan pihak penyedia latihan untuk turut serta bersama-sama dengan para personaliti terkenal dan penceramah terkemuka dalam menerokai segala topik dan isu penting dalam lingkungan industri HR.

Bertemakan “Leading; Engaging; Re-inventing and Re-imagining”, persidangan tahunan yang diadakan di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur (KLCC) dari 6 hingga 7 Disember 2016 tersebut telah memberi peluang kepada para delegasi untuk beramah-mesra dengan para pemimpin dan peneraju industri.

Dirasmikan oleh Yang Berbahagia Dato’ Sri Adenan Bin Ab. Rahman, Ketua Setiausaha di Kementerian Sumber Manusia, persidangan ini menyaksikan penyertaan lebih (20) pakar industri - dalam dan dari luar negara yang mengambil peranan utama sebagai penceramah, ahli panel dan moderator. Acara ini telah menarik lebih daripada 1,800 delegasi dari seluruh Asia Pasifik dan United Kingdom.

Penceramah utama terdiri daripada Dilip Boury, Pengurus Perundingan IBM and Workforce Science and Analytics, APAC, Laura Harrison, Pengarah People and Strategy di Chartered Institute of Personnel and Development (CIPD) dan Ketua Pegawai Eksekutif Siemens Malaysia, Prakash Chandran.

Di samping itu, HRDF juga menganjurkan acara tahunan, Anugerah HRD pada 6 Disember 2016. Anugerah berprestij ini telah diperkenalkan pada tahun 2001 diiktiraf dan disokong sepenuhnya oleh Kementerian Sumber Manusia, Malaysia. Ia diberikan kepada majikan yang berdaftar dengan HRDF dan penyedia latihan yang mengamalkan budaya latihan bertaraf dunia dalam organisasi dan lingkaran pengaruh mereka. Majlis ini menyaksikan empat anugerah berprestij untuk dimenangi - Anugerah Menteri Sumber Manusia; Anugerah PSMB; Anugerah PSMB Inovasi & Kreativiti; dan Anugerah Pearl.



Sekitar Majlis Persidangan Tahunan PSMB

PERSIDANGAN PENYEDIA LATIHAB PSMB

Pembangunan Sumber Manusia Berhad (PSMB) mengadakan Persidangan Penyedia Latihan kedua pada 11 hingga 12 Oktober 2016 di Berjaya Times Square Hotel, Kuala Lumpur.

Persidangan ini telah dirasmikan oleh Yang Berbahagia Dato 'Dr. Abdul Razak Abdul, Pengerusi Lembaga Pengarah HRDF. Bertemakan "Catalyse, Elevate and Grow", persidangan ini bertujuan untuk meningkatkan kualiti industri latihan kerana penyedia latihan memainkan peranan penting dalam menyokong agenda Kerajaan untuk mencapai status berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020 dengan 35 peratus tenaga mahir tempatan.

Acara ini disertai oleh dua puluh (20) pakar industri - dalam dan dari luar negara yang mengambil peranan utama sebagai penceramah, ahli panel dan moderator. Acara ini telah menarik lebih 500 peyedia latihan dan pakar HR di seluruh Asia Pasifik.

Sempena persidangan ini, HRDF turut melancarkan Garis Panduan Penyelidikan HRDF, satu kajian berasaskan hasil untuk meningkatkan keberkesanan program dan inisiatifnya untuk memenuhi keperluan pembelajaran industri. Garis Panduan ini bertindak sebagai panduan yang berharga untuk semua pemohon dan perunding dalam menyediakan cadangan dan laporan untuk dikemukakan kepada HRDF dan akhirnya sebagai rujukan di peringkat kementerian.



Majlis Anugerah "HRDF AWARDS 2016"


PERSIDANGAN PENYEDIA LATIHAB PSMB

Pembangunan Sumber Manusia Berhad (PSMB) mengadakan Persidangan Penyedia Latihan kedua pada 11 hingga 12 Oktober 2016 di Berjaya Times Square Hotel, Kuala Lumpur.

Persidangan ini telah dirasmikan oleh Yang Berbahagia Dato 'Dr. Abdul Razak Abdul, Pengerusi Lembaga Pengarah HRDF. Bertemakan "Catalyse, Elevate and Grow", persidangan ini bertujuan untuk meningkatkan kualiti industri latihan kerana penyedia latihan memainkan peranan penting dalam menyokong agenda Kerajaan untuk mencapai status berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020 dengan 35 peratus tenaga mahir tempatan.

Acara ini disertai oleh dua puluh (20) pakar industri - dalam dan dari luar negara yang mengambil peranan utama sebagai penceramah, ahli panel dan moderator. Acara ini telah menarik lebih 500 peyedia latihan dan pakar HR di seluruh Asia Pasifik.

Sempena persidangan ini, HRDF turut melancarkan Garis Panduan Penyelidikan HRDF, satu kajian berasaskan hasil untuk meningkatkan keberkesanan program dan inisiatifnya untuk memenuhi keperluan pembelajaran industri. Garis Panduan ini bertindak sebagai panduan yang berharga untuk semua pemohon dan perunding dalam menyediakan cadangan dan laporan untuk dikemukakan kepada HRDF dan akhirnya sebagai rujukan di peringkat kementerian.



Ketua Eksekutif PSMB, Dato' Cm Vignaesvaran di Majlis Trainers Conference 2016

KONVOKESYEN SKIM PERANTISAN PSMB

HRDF mengadakan majlis Konvokesyen Skim Perantisan keduanya pada 18 Oktober ber 2016 di Pusat Konvensyen Setia City, Shah Alam dengan 200 perantis menerima Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) mereka di bawah Program Skim Perantisan. Acara ini telah dirasmikan oleh Menteri Sumber Manusia Malaysia, Yang Berhormat Dato ‘Sri Richard Riot Anak Jaem.

Skim Perantisan yang dibiayai sepenuhnya oleh Kerajaan melalui HRDF menyasarkan lepasan sekolah dan pelajar yang telah berhenti sekolah pada tahap Penilaian Menengah Rendah (PMR) dan / atau Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dengan memberi mereka kursus teori dan praktikal melalui pusat latihan yang diluluskan.

Skim ini juga menjalankan latihan ‘On-The-Job’ yang dijalankan di premis majikan. Selain itu, perantis juga diperuntukkan elaun latihan sebanyak RM500.00 sebulan oleh penaja yang mengambil bahagian dengan kehadiran perantis sekurang-kurangnya 80 peratus.

Daripada 200 perantis yang menerima pensijilan di Majlis Konvokesyen, 55 daripada mereka adalah dari Mekatronik; 16 adalah dari Juruteknik Elektrik; 36 adalah dari IT Technician; 39 adalah dari kimpalan Juruteknik; 42 adalah dari Hotel Industri dan baki 12 adalah dari pengacuan suntikan plastik. Selain daripada bidang-bidang ini, Skim Perantisan juga menawarkan program Berasaskan Kayu (Perabot); Tool & Die (Mold & Tool Press); Industri Juruteknik Mesin Jahit; dan Multimodal Transport Operator.



Dato’ Cm Vicknaesvaran Ketua Eksekutif HRDF mewakili YB Menteri menyampaikan sijil

PENCAPAIAN DAN ANUGERAH

Pada 2016, HRDF telah menerima pengiktirafan dari pelbagai anugerah pengiktirafan tempatan dan antarabangsa.

Pengiktirafan & Anugerah yang diterima pada 2016

- Contribution to Organisation Award by the Asia HRD Awards 2016
- Excellence in Work-Life Balance Award by the HR Excellence Awards 2016
- Training and Development Category Award by the UTUSAN Business 2016
- Certificate of Merit for Best HRD Practice Category by the IFTDO Global HRD Award 2016 HRD 2016



Yang Berbahagia Dato’ Mohd Sahar bin Darusman, Timbalan Ketua Setiausaha Dasar dan Antarabangsa Kementerian Sumber Manusia menyempurnakan Majlis Perasmian Persidangan dan Pameran Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan kali ke-19 atau ‘19th Conference and Exhibition on Occupational Safety and Health’ (COSH)

Sidang media oleh Tan Sri Lee Lam Thye selepas majlis Perasmian Persidangan & Pameran Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan kali ke 19 pada 21 Ogos 2016



PERSIDANGAN ANTARABANGSA SAINTIFIK BAGI KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN (SciCOSH) KALI KE 4

Persidangan Antarabangsa Saintifik bagi Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (SciCOSH) kali ke 4 telah berlangsung dengan jayanya pada 14-16 November 2016, bertempat di Pusat Konvensyen Antarabangsa Persada, Johor Bahru. Persidangan saintifik ini yang dianjurkan oleh Institut Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (NIOSH) dengan kerjasama Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) dan Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP) Cawangan Negeri Johor.

Objektif persidangan yang diadakan dua tahun sekali ini adalah sebagai satu forum ilmiah bagi pertukaran hasil penemuan baru dan maklumat yang bertujuan mempromosikan aspek keselamatan dan kesihatan pekerjaan dan sebagai satu platform bagi ahli akademik dan penyelidik berbincang hala tuju pembangunan pengetahuan dan perkongsian penyelidikan semasa dan akan datang dalam bidang KKP khususnya. Sci-COSH 2016 telah dirasmikan oleh Yang Berbahagia Tan Sri Datuk Sri Dr Lee Lam Thye, Pengerusi NIOSH bagi mewakili YB Dato' Sri Richard Riot Anak Jaem, Menteri Sumber Manusia. Ucapan alu-aluan telah disampaikan oleh Tuan Hj. Zahrir Osman, Pengarah Eksekutif NIOSH selaku Penasihat Jawatankuasa SciCOSH 2016.

Persidangan ini telah disertai oleh 178 orang peserta termasuk 21 orang peserta dari luar negara seperti Jepun, United States of America (USA), United Kingdom (UK), Poland, Singapore, Turkey, Pakistan, Bangladesh, Australia dan Thailand. Sepanjang persidangan berlangsung, sebanyak 50 kajian telah dibentangkan yang terdiri daripada 13 pembentang daripada kakitangan NIOSH serta 9 pembentang dari luar negara. Selain itu, sebanyak 16 poster kajian juga telah dipamerkan di sepanjang persidangan berlangsung.



Persidangan SciCOSH kali ke 4 dirasmikan oleh Tan Sri Lee Lam Thye

SEMINAR KORPORAT : PERANAN MAJIKAN DALAM PENGURUSAN KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN YANG LEBIH EFEKTIF

Seminar yang pertama kali diadakan pada tahun ini telah dirasmikan oleh Tuan Haji Zahrim Osman, Pengarah Eksekutif NIOSH dan turut dihadiri oleh YBhg. Dato’ Ir. Mohtar Musri Ketua Pengarah Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP), pada 26 Mei 2016 bertempat di Hotel Bangi – Putrajaya. NIOSH mengambil inisiatif menganjurkan seminar korporat yang dihadiri oleh peserta dari kumpulan Eksekutif ke atas di kalangan agensi Perkhidmatan Awam dan Swasta.

Objektif penganjuran seminar satu hari ini dengan kerjasama Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP) dan Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) adalah untuk memberi pengetahuan kepada para peserta yang terdiri daripada pentadbir sesebuah organisasi memahami kehendak Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (AKKP1994) dalam aspek tanggungjawab majikan, mengenalpasti hazard-hazaad dalam aktiviti pekerjaan dan mengambil langkah-langkah kawalan dan pencegahan serta memahami tanggungjawab terhadap keselamatan diri dan orang lain.

Selain daripada itu, seminar ini bertujuan untuk menggalakkan majikan untuk mempertingkatkan kemahiran pekerja melalui program latihan keselamatan dan kesihatan pekerjaan dan seterusnya dapat mengurangkan penyakit pekerjaan serta kemalangan di tempat kerja. NIOSH sentiasa berusaha untuk menerapkan budaya keselamatan dan kesihatan pekerjaan untuk diamalkan oleh semua pekerja dan para majikan harus memainkan peranan yang paling utama.



Majlis perasmian Seminar Korporat oleh En. Zahrim Osman Pengarah Eksekutif NIOSH

LAWATAN YBHG DATO’ SRI ADENAN AB RAHMAN KETUA SETIAUSAHA KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA MALAYSIA KE NIOSH

Pada 18 Januari 2016, YBhg Dato’ Sri Adenan Ab Rahman, Ketua Setiausaha Kementerian Sumber Manusia Malaysia telah membuat lawatan rasmi ke Ibu Pejabat NIOSH. Ketibaan YBhg Dato’ Sri Ketua Setiausaha disambut oleh Pengerusi NIOSH, YBhg Tan Sri Datuk Seri Lee Lam Thye, Pengarah Eksekutif NIOSH, Tuan Haji Zahrim Osman, Setiausaha Eksekutif NIOSH, Encik Ayop Salleh.

YBhg Dato’ Sri Ketua Setiausaha telah diberi taklimat mengenai peranan dan fungsi NIOSH serta dibawa melawat ke Pusat Pameran NIOSH, Pusat Simulasi Ruang Terkurung, Makmal Higen Industri serta fasiliti yang lain. Objektif utama lawatan rasmi ini adalah bagi memperkenalkan fungsi dan peranan NIOSH kepada YBhg Dato’ Sri Ketua Setiausaha berikutan daripada perlantikan beliau sebagai Ketua Setiausaha Kementerian Sumber Manusia.

YBhg Tan Sri Datuk Seri Lee Lam Thye, Pengerusi NIOSH juga memberikan ucapan ringkas kepada YBhg Dato’ Sri Adenan Ab Rahman dan berharap agar hubungan dan kerjasama yang terjalin antara NIOSH dan Kementerian Sumber Manusia dapat diteruskan di masa hadapan. YBhg Dato’ Sri Adenan Ab Rahman juga memberikan ucapan dan berharap agar usahasama ini membantu pihak Kerajaan melatih lebih ramai tenaga pakar dan mahir menjelang tahun 2020.

Lawatan Dato’ Sri Adenan Ab Rahman KSU, KSM ke NIOSH



BAHAGIAN : MAJLIS PERUNDINGAN GAJI NEGARA

1. Perintah Gaji Minimum 2016

Perintah Gaji Minimum 2016 (PGM 2016) telah diwartakan pada 29 April 2016 menerusi Warta Kerajaan Persekutuan P.U (A) 116/2016 setelah kajian semula PGM 2012 dilaksanakan. PGM ini berkuatkuasa mulai 1 Julai 2016. Dalam PGM 2016, Kerajaan telah memutuskan bahawa kadar gaji minimum dinaikkan daripada RM920 kepada RM1,000 di Semenanjung Malaysia dan daripada RM800 kepada RM900 di Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan. Bagi pekerja-pekerja di Semenanjung Malaysia yang dibayar mengikut jam, kadar gaji minimum juga dinaikkan daripada RM4.33 sejam kepada RM4.81 sejam mulai 1 Julai 2016. Manakala di Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan, kadar gaji minimum mengikut jam dinaikkan daripada RM3.85 sejam kepada RM4.42 sejam mulai 1 Julai 2016.

Manakala peruntukan baru yang dimasukkan dalam PGM 2016 ialah gaji minimum harian bagi pekerja-pekerja yang dibayar pada kadar harian (daily rated payment) mengikut hari bekerja sama ada 6 hari, 5 hari atau 3 hari. Kaedah pembayaran gaji minimum bagi pekerja-pekerja yang tiada gaji pokok tetapi dibayar secara upah ikut kerja (piece-rated), komisyen, trip atau berat tan (tonnage) juga dimasukkan dalam PGM 2016. Ini adalah bagi memastikan golongan pekerja ini tidak ketinggalan dalam aspek pembayaran gaji minimum serta untuk mengelakkan apa-apa eksploitasi. Kadar gaji bulanan yang ditetapkan ialah tidak kurang RM1,000 bagi Semenanjung Malaysia dan RM920 bagi Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan.

2. Sesi Libat Urus Secara Bersepadu Berhubung Perintah Gaji Minimum 2016 Dan Bab Buruh Dalam TPPA

Selaras dengan pewartaan PGM 2016, Urus Setia MPGN telah mengadakan Sesi Libat Urus Secara Bersepadu Berhubung PGM 2016 dan Bab Buruh dalam Trans Pacific Partnership Agreement (TPPA) bersama dengan Cawangan Dasar Perburuhan, KSM serta JTKSM, JTK Sabah, JTK Sarawak, JHEKS dan JPPM. Program ini diadakan bagi memberi penjelasan dan hebahan mengenai pelaksanaan PGM 2016 yang telah diwartakan serta Bab Buruh dalam TPPA yang baru ditandatangani oleh Kerajaan Malaysia. Program ini telah diadakan mulai 3 hingga 22 Jun 2016 di seluruh Malaysia melibatkan 16 sesi dan dihadiri oleh lebih 5,000 peserta yang terdiri daripada majikan, wakil persatuan majikan, pekerja dan juga wakil kesatuan sekerja.

3. Bengkel ILO Convention No. 131 : Minimum Wage Fixing Convention, 1970 (C131) And Minimum Wage Fixing Recommendation, 1970 No.135 (R135)

Bengkel ini telah diadakan pada 7-8 Mac 2016 di Everly Hotel Putrajaya. Ia adalah anjuran bersama Bahagian Antarabangsa dan Urus Setia Majlis Perundingan Gaji Negara (MPGN). Program ini telah dihadiri oleh anggota MPGN, anggota Jawatankuasa Teknikal Perundingan Gaji Negara serta wakil-wakil daripada KSM, Kementerian Kewangan, Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Jabatan Peguam Negara, Jabatan Perkhidmatan Awam dan Unit Perancang Ekonomi serta wakil majikan dan pekerja. Bengkel ini diadakan bertujuan untuk memberi pendedahan kepada semua peserta mengenai peruntukan-peruntukan di bawah C131 dan R135 dalam usaha meratifikasi C131 bagi memantapkan Dasar Gaji Minimum. Bengkel ini telah dikendalikan oleh Encik Alain Pelce, Senior International Labour Standard and Labour Law Specialist, ILO Bangkok yang telah memberi penjelasan terperinci peruntukan-peruntukan di bawah C131 dan R135, panduan dalam meratifikasi C131 dan perkongsian best practices di kalangan negara-negara yang telah meratifikasi C131.

4. Ratifikasi ILO Convention No: 131

International Labour Organization (ILO) Convention No. 131 : Minimum Wage Fixing Convention 1970 (C131) merupakan suatu instrumen antarabangsa yang menggariskan kaedah penetapan gaji minimum dan perkara-perkara yang berkaitan dengannya yang perlu dipatuhi oleh sesebuah negara yang meratifikasi konvensyen ini. Kerajaan Malaysia sebagai salah satu anggota ILO sebelum ini telah meratifikasi 16 Konvensyen ILO yang masih berkuat kuasa. Selaras dengan pelaksanaan gaji minimum di Malaysia sejak tahun 2013, Kerajaan membuat keputusan untuk meratifikasi C131 sebagai salah satu instrumen yang mampu meningkatkan perlindungan sosial kepada pekerja-pekerja di Malaysia selaras dengan standard perburuhan antarabangsa. Ia juga menunjukkan komitmen Malaysia untuk menambah baik dasar perburuhan negara secara berterusan bagi kesejahteraan pekerja-pekerja dan industri. Majlis menandatangani dokumen ratifikasi telah diadakan pada 7 Jun 2016 semasa Persidangan Buruh Antarabangsa di Geneva, Switzerland di antara YB Menteri Sumber Manusia mewakili Kerajaan Malaysia dan Ketua Pengarah ILO. Dokumen ratifikasi telah didepositkan dengan ILO yang mana tarikh kuatkuasa ratifikasi C131 ialah mulai 7 Jun 2017.

5. Panduan Gaji Permulaan 160 Pekerjaan Terpilih Berasaskan Kemahiran

Buku Panduan Gaji Permulaan 160 Pekerjaan Terpilih Berasaskan Kemahiran (Panduan Gaji) telah diterbitkan bertujuan untuk memberikan nilai kepada kemahiran (put value to skills) yang dimiliki oleh pencari kerja/pekerja lulusan kemahiran Sijil Kemahiran Malaysia (SKM), Diploma Kemahiran Malaysia (DKM) dan Diploma Lanjutan Kemahiran Malaysia (DLKM) dan kelulusan lain yang setaraf dengannya. Ia juga dapat menjadi panduan bagi gaji pokok permulaan selaras dengan jawatan dan kemahiran dan sebagai penanda aras (benchmark) atau asas kepada perjanjian kolektif dan rundingan kontrak perkhidmatan. Panduan Gaji ini diterbitkan sebagai rujukan kepada pencari kerja, pekerja, majikan, perekrut di sektor swasta, kaunselor kerjaya, kesatuan sekerja, penyedia latihan, ibu bapa dan agensi-agensi Kerajaan.

Majlis pelancaran Panduan Gaji ini telah diadakan pada 5 November 2016 di UTC Kuantan, Pahang oleh YB Timbalan Menteri Sumber Manusia semasa Majlis Perasmian Program Jobs Fair @ UTC.



LAPORAN TAHUNAN 2016 KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA

TERAS 1: MEWUJUDKAN PELUANG PEKERJAAN DAN MENJAMIN HAK PEKERJA

KES BURUH

Bilangan tuntutan buruh yang dikendalikan pada tahun 2016 adalah sebanyak 1,224 tuntutan yang merupakan penurunan sebanyak 3.9% berbanding bilangan tuntutan buruh yang dikendalikan dalam tahun 2015 iaitu sebanyak 1,274 kes. Penurunan dalam bilangan tuntutan buruh yang dikendalikan memberi petunjuk bahawa tahap pematuhan terhadap undang-undang perburuhan oleh masyarakat industri semakin baik.

Maklumat terperinci adalah seperti Jadual berikut:

Statistik Pengendalian Kes Buruh 2015 dan 2016 (JTK Sarawak)

Tahun	Bil Kes Kendali	Bil Kes Selesai	Baki Kes Dibawa Ke Hadapan	Bil Pekerja Terlibat	Jumlah Diperintah (RM)	Jumlah Dibayar (RM)
2015	1,274	1,148	126	1,466	1,454,191	702,050
2016	1,224	1,111	113	1,279	893,602	318,753

Sumber: Bahagian Penguatkuasaan, JTK Sarawak

PAMPASAN PEKERJA ASING

Bilangan kes kemalangan bukan maut yang dilaporkan telah berkurang sebanyak 14.5% dalam tahun 2016 berbanding tahun 2015. Pada masa yang sama kes kemalangan maut dilaporkan dalam tahun 2016 juga menurun sebanyak 1.7% berbanding tahun 2015. Penurunan ini memberikan gambaran bahawa terdapat peningkatan berhubung kesedaran terhadap aspek keselamatan dalam kalangan masyarakat industri.

Maklumat terperinci berkaitan tuntutan pampasan pekerja pada tahun 2015 dan 2016 adalah seperti Jadual di bawah.

Jenis Kemalangan / Tahun	(HUS) Kendali	(HUS) Selesai	(HUK) Kendali	(HUK) Selesai	(M) Kendali	(M) Selesai
2015	357	357	84	84	59	59
2016	326	326	51	51	58	58

Sumber: Bahagian Penggajian Pekerja Bukan Pemastautin, JTK Sarawak

PENDAKWAAN

Dalam tahun 2016, penekanan dalam penguatkuasaan undang-undang perburuhan adalah melalui tindakan pendakwaan. Oleh itu, bilangan kes pendakwaan yang dijalankan oleh Jabatan ini dalam tahun 2016 telah meningkat sebanyak 88.9% berbanding tahun sebelumnya.

Statistik Kes Pendakwaan yang Dikendalikan oleh JTK Sarawak

Tahun	Kes Kendali	Kes Selesai	Denda (RM)
2015	27	25	4,000
2016	51	47	47,000

Sumber: Bahagian Penguatkuasaan, JTK Sarawak

KOMPAUN

Dalam tahun 2016, Jabatan ini telah mengenakan tindakan kompaun kepada 33 buah syarikat yang melanggar peruntukan undang-undang perburuhan. Ini menunjukkan peningkatan sebanyak 65.0% berbanding dengan bilangan kompaun yang dikeluarkan dalam tahun 2015 iaitu sebanyak 20 kompaun. Maklumat kompaun yang dikeluarkan dan amaun yang terlibat pada tahun 2015 dan 2016 adalah seperti di Jadual di bawah.

Statistik Tindakan Kompaun oleh JTK Sarawak

Tahun	Kes Kendali	Kes Selesai	Denda (RM)
2015	20	19	53,000
2016	33	20	72,000

Sumber: Bahagian Penguatkuasaan, JTK Sarawak

AKTIVITI PENGUATKUASAAN AKTA / PERUNDANGAN

Pemeriksaan Berkanun

Sepanjang tahun 2016, sebanyak 5,763 tempat pekerjaan telah diperiksa oleh JTK Sarawak di mana 818 syor pematuhan telah dikeluarkan untuk majikan yang melanggar undang-undang perburuhan. Dari jumlah tempat pekerjaan yang diperiksa, sebanyak 2,042 (35.4%) pemeriksaan adalah dijalankan ke atas majikan dalam industri Perdagangan Borong dan Runcit, Pembaikan Kenderaan Bermotor dan Motosikal. Selebihnya adalah industri Penginapan dan Aktiviti Perkhidmatan Makanan dan Minuman 692 (12.0%), Pentadbiran Awam dan Pertahanan, Aktiviti Keselamatan Sosial Wajib 647 (11.2%), Aktiviti Pentadbiran dan Khidmat Sokongan 463 (8.0%), Pembuatan 420 (7.3%) serta industri-industri yang lain di Sarawak.

PERKHIDMATAN PEKERJAAN

1. Program Penempatan Pekerjaan

Program Penempatan Pekerjaan bertujuan untuk membantu pencari kerja mendapatkan pekerjaan dan membantu majikan mendapatkan pekerja. Jabatan telah menganjurkan 9 program pada tahun 2016. Program ini telah disertai oleh 314 buah syarikat, penyedia latihan dan agensi kerajaan yang mana 12,682 kekosongan jawatan telah ditawarkan. Semasa program berlangsung, sebanyak 11,360 permohonan kerja dibuat, 10,053 pencari kerja ditemuduga dan 3,013 orang telah ditawarkan pekerjaan.

Selain itu, JTK Sarawak juga menganjurkan Program Kembara Kerjaya Sempena Hari Kerjaya Kebangsaan Peringkat Negeri Sarawak 2016. Penganjuran Program Kembara Kerjaya ini adalah merupakan salah satu pendekatan secara “Out Reach” untuk mendedah dan memberi penerangan serta memberi perkhidmatan terus kepada masyarakat sesuai dengan peranan dan fungsi jabatan-jabatan serta agensi yang terlibat dalam konvoi. Selain itu, program ini memudahkan majikan dan pencari kerja di lokasi-lokasi terlibat untuk mendapatkan tenaga kerja atau peluang pekerjaan serta latihan. Program ini bermula di Kuching pada 19 Ogos 2016 dan berakhir di Sarikei pada 22 Ogos 2016.

Ringkasan Maklumat Program Kembara Kerjaya Sarawak 2016

Bil.	Tarikh	Tempat	Pengunjung	Majikan	Kekosongan	Penempatan
1	19.08.2016	Dewan Suarah Kuching	3,005	25	2,092	346
2	19.08.2016	Terminal Bus STC Sri Aman	715	12	766	163
3	19.08.2016	Dataran Medan, Bandar Baru Betong	400	9	798	41
4	20.08.2016	Dataran Sibu Fasa 2, Sibu	5,342	23	1,455	308
5	21.08.2016	Dewan Suarah Bintulu	4,200	24	2,276	415
6	22.08.2016	Dewan Suarah Sarikei	2,243	15	877	108
Jumlah			15,905	108	8,264	1,381

Sumber: Bahagian Perkhidmatan Pekerjaan, JTK Sarawak

2. AZAM KERJA

Pencapaian AZAM Kerja di Negeri Sarawak Sepanjang Tahun 2016

NKPI	Perkara	Sasaran 2016	Pencapaian sehingga 31 Disember 2016	Peratusan
1	Memastikan isi rumah yang berdaftar dalam eKasih menyertai program AZAM Kerja sebelum 31 Disember 2016	180	189	105.0%
2	Memastikan peserta AZAM Kerja sedia ada meningkatkan pendapatan sebanyak RM 300 sebulan selama 3 bulan	130	295	226.9%
3	Memastikan peserta mengikuti Financial Literacy Education Program sebelum 31 Disember 2016	180	189	105.0%

AKTIVITI-AKTIVITI PENGUATKUASAAN 2016

PEMERIKSAAN BERKANUN

Bagi memastikan pematuhan undang – undang perburuhan yang sedang dikuatkuasakan oleh Jabatan Tenaga Kerja Sabah khususnya Ordinan Buruh (Sabah Bab 67) dan Perintah Gaji Minimum 2016 dipatuhi, pemantauan melalui Pemeriksaan Berkanun telah dijalankan dan tindakan penguatkuasaan telah diambil terhadap majikan yang tidak mematuhi undang–undang tersebut.

Tahun	Bil. Pemeriksaan Berkanun	Bil Notis Pematuhan Dikeluarkan
2015	9,421	3213
2016	8,132	624


Pemeriksaan oleh JTK bagi memastikan syarikat mematuhi undang-undang



KES BURUH

Berasaskan prinsip keadilan asasi, mahkamah buruh adalah medium untuk menyelesaikan pertikaian antara pekerja dan majikan. Jabatan Tenaga Kerja senantiasa memberi keutamaan dalam memastikan pertikaian di kendalikan dengan adil dan saksama di Mahkamah Buruh yang ada di setiap Pejabat Tenaga Kerja di seluruh Sabah.

Tahun	Bil Kes Kendali	Bil Kes Selesai	Baki Kes Dibawa ke Hadapan	Bil. Pengadu	Jumlah Diperintah (RM)	Jumlah dibayar (RM)
2015	2,410	2,317	93	4,166	3,370,283.00	5,229,807.00
2016	2,302	2,118	184	3,427	2,965,936.00	4,543,866.00



Mahkamah Buruh menjalankan operasi bagi menyelesaikan kes tertentu

KERTAS SIASATAN

Antara langkah yang diambil bagi memastikan majikan mematuhi peruntukan undang – undang sedia ada, tindakan membuka kertas siasatan telah dibuat sebagai pengajaran kepada majikan serta memastikan pelanggaran tersebut tidak berlaku pada masa hadapan.

KOMPAUN

TAHUN	KES KENDALI	KES SELESAI	DENDA (RM)
2015	160	156	114,000.00
k2016	206	103	60,000.00
JUMLAH	480	373	284,000.00

PENDAKWAAN

TAHUN	KES KENDALI	KES SELESAI	DENDA (RM)
2015	40	28	34,500.00
2016	43	3	0

PERMIT

Permit Perburuhan dikeluarkan selaras dengan kehendak peruntukan di bawah Ordinan Buruh (Sabah Bab 67) dan kaedah di bawahnya bagi memastikan kebajikan pekerja terpelihara.Jabatan Tengaa Kerja Sabah sentiasa komited bagi memastikan setiap permit yang dipohon memberi manfaat kepada secara keseluruhannya.

Tahun	Bil Permohonan Permit
2015	397
2016	390
JUMLAH	787

OPERASI PENGUATKUASAAN/BERSEPADU

Jabatan Tenaga Kerja telah mengambil inisiatif berkolaborasi dengan agensi Penguatkuasaan dari pelbagai jabatan antaranya Eastern Sabah Security Command (ESSCOM), Polis Diraja Malaysia (PDRM), Jabatan Imigresen Malaysia (JIM), RELA, Dewan Bandaraya Kota Kinabalu (DBKK), Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) dan Agensi serta Jabatan Penguatkuasaan yang lain demi memastikan semua majikan mematuhi undang-undang yang dikuatkuasakan di negeri Sabah.

Tahun	Bil Operasi	Bil Kertas Siasatan
2015	569	28
2016	224	50

Penguatkuasaan bersepadu oleh JTK di Sabah



1 VISIT - POLICY

Lawatan bersama pelbagai agensi di bawah Kementerian Sumber Manusia (KSM). Program ini bertujuan untuk mempromosikan agensi-agensi di bawah KSM di negeri Sabah.



Pegawai JTK berbincang bagi menjalankan pelbagai aktiviti

STATISTIK KES PAMPASAN PEKERJA ASING YANG DIKENDALIKAN DAN DISELESAIKAN OLEH JTK SABAH

AKTIVITI / TAHUN	BILANGAN KES KENDALI				BILANGAN KES KENDALI			
	HUS	HUK	M	JUMLAH	HUS	HUK	M	JUMLAH
2015	160	64	40	264	160	64	40	264 (100%)
2016	129	72	46	247	114	61	43	218 (88.2%)

AKTIVITI / TAHUN	BILANGAN KES DAN JUMLAH BAYARAN YANG TELAH DIBUAT						
	HUS		HUK		M		JUMLAH BAYARAN KESELURUHAN
	BIL KES	JUM BAYARAN	BIL KES	JUM BAYARAN	BIL KES	JUM BAYARAN	
2015	160	11,2620.00	64	409,431.38	40	498,000.00	1,020,051.38
2016	118	98,483.03	59	343,501.04	43	1,077,077.00	1,519,061.00

Sumber : Data LMD, Bahagian Penggajian Pekerja Bukan Pemastautin, Jabatan Tenaga Kerja Sabah

Jadual : Ringkasan Maklumat Program Kembara Kerjaya 2016

PTK	TARIKH	PENYEDIA LATIHAN	MAJIKAN	PENGUNJUNG	KEKOSONGAN	PENEMPATAN
KOTA KINABALU	31/7/2016	6	27	1,124	1,373	425
KOTA BELUD	01/08/2016	6	35	927	550	468
KUDAT	02/08/2016	4	26	540	1,609	320
KOTA MARUDU	03/08/2016	4	29	1,028	1,724	241
RANAU	04/08/2016	4	23	733	838	346
KENINGAU	05/08/2016	4	34	1,028	1,583	504
BEAUFORT	06/08/2016	6	23	1,720	1,132	673
JUMLAH		34	197	7,100	8,809	3,042

Program Kembara Kerjaya 2016 yang berkonsepkan konvoi bermula di Daerah Kota Kinabalu pada 31 Julai 2016 di Oceanus Mall, Kota Kinabalu. Pada hari yang sama turut diadakan Program Penggajian Pekerja OKU Peringkat Negeri Sabah anjuran bersama dengan Jabatan Perkhidmatan Kebajikan Masyarakat Sabah yang telah disempurnakan oleh Yang Berbahagia Dato’ Seri Adenan bin Ab Rahman, Ketua Setiausaha Kementerian Sumber Manusia. Pada 6 Ogos 2016, Konvoi Kembara Kerjaya yang berakhir di daerah Beaufort telah dilaksanakan majlis penutupannya oleh YB Datuk Hj Kamarlin bin Hj Ombi, Pembantu Menteri Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan Sabah.

Jadual : Bilangan Pencari Kerja Yang Berjaya Ditempatkan Dibawah Program Penempatan Pekerjaan Pada Tahun 2016

No	Program	PENEMPATAN		Jumlah
		Siswazah	Bukan Siswazah	
1	Portal Jobsmalaysia	43	50	93
2	Karnival Pekerjaan	1750	2140	3890
3	Penempatan Kerjasama APS	-	1886	1886
4	Client Account	2640	3862	6502
5	Temuduga Terbuka	728	1091	1286
6	Penggajian OKU	-	47	47
7	Perladangan	-	431	431
8	Kembara Kerjaya	1366	1676	3042
	JUMLAH	6527	11250	17,777

KARNIVAL KERJAYA TVET 2016

Karnival Kerjaya TVET 2016 telah dilaksanakan pada 5 dan 6 September 2016 di Politeknik Kota Kinabalu. Penganjuran adalah kerjasama bersama dengan Politeknik dan Kolej Komuniti di bawah Kementerian Pengajian Tinggi. Jabatan Tenaga Kerja Sabah merupakan antara Jawatankuasa Tetap di dalam mengendalikan Temuduga Terbuka.

Karnival Kerjaya di Politeknik Kota Kinabalu



JOBSFAIR DI UTC SABAH 2016

Jobsfair UTC Sabah telah diadakan pada 5 November 2016 serentak di seluruh UTC. Program Temuduga Terbuka diadakan di perkarangan Bangunan UTC Kota Kinabalu, Sabah bermula jam 8:00 pagi hingga 7:00 malam. Seramai 1,822 pengunjung hadir. Sebanyak 2,356 kekosongan ditawarkan melibatkan pelbagai jawatan. 738 pencari kerja ditemuduga, 139 berjaya ditempatkan pada hari berkenaan manakala 502 orang lagi calon simpanan untuk dipanggil temuduga kedua.

Program Jobsfair @ UTC Sabah di Kota Kinabalu



GAMBAR KEMBARA KERJAYA SABAH



PELEPASAN KOVOI OLEH KSU



PENYAMPAIAN SIJIL KEPADA ATM DI KUDAT



PELEPASAN KONVOI DI KOTA MARUDU



ANTARA KERATAN AKHBAR TENTANG KEMBARA KERJAYA



DATUK JOSEPH PAIRIN MENANDATANGANI BUKU PELAWAT



KEHADIRAN PENGUNJUNG DI KOTA MARUDU

TERAS 2 & 3 : MEMELIHARA SUASANA PERHUBUNGAN PERUSAHAAN YANG HARMONI & MENYELESAIKAN PERTIKAIAN PERUSAHAAN SECARA ADIL DAN SAKSAMA

2nd Malaysian Productivity-Linked Wages Conference (2nd My-Plic)
Jabatan Perhubungan Perusahaan Malaysia (JPPM) telah menganjurkan 2nd Malaysian Productivity-Linked Wages Conference (2nd My-PLiC) yang bertemakan “Transforming Wages Structure That Promote Wealth Creation and Wealth Sharing” pada 9 Ogos 2016 di Royale Chulan Hotel, Kuala Lumpur. Program ini merupakan rentetan daripada program My-Plic yang telah diadakan pada 22 Oktober 2015 sebagai langkah untuk mempromosikan pelaksanaan Sistem Upah yang Dikaitkan dengan Produktiviti atau Productivity-Linked Wage System (PLWS).

Program 2nd my-pliC ini telah dirasmikan oleh Yang Berhormat, Menteri Sumber Manusia dan dihadiri oleh lebih 350 orang peserta yang terdiri daripada pegawai-pegawai Pengurusan Tertinggi syarikat di Malaysia. My-PLiC merupakan penjenamaan semula program Simposium Kebangsaan yang telah dianjurkan oleh JPPM pada tahun-tahun sebelumnya. Objektif program ini adalah untuk perkongsian ilmu dan pengetahuan serta pengalaman berkenaan PLWS bersama-sama dengan wakil majikan, kesatuan sekerja dan badan-badan yang berkaitan melalui perkongsian success story syarikat yang telah berjaya melaksanakan PLWS. Antara syarikat yang terlibat dalam perkongsian pengalaman serta cabaran dalam melaksanakan PLWS ialah syarikat DENSO (Malaysia) Sdn. Bhd. dan Unilever (Malaysia) Holding Sdn. Bhd.

Pada 2nd My-PLiC ini juga para peserta telah berpeluang untuk mengikuti perkongsian idea berkaitan PLWS daripada penceramah pakar luar negara iaitu Professor Dong-One Kim (pakar daripada Singapura) dan Dr, Vu Minh Khuong (pakar daripada Korea). Kedua-dua penceramah pakar tersebut adalah daripada ASIAN Productivity Organaization (APO). Para peserta My-PLiC juga turut berpeluang mengikuti slot bersama Malaysia Productivity Corporation (MPC) serta terlibat dalam sesi dialog antara para peserta dan para penceramah yang dipandu oleh Ketua Pengarah JPPM sebagai moderator.

PLWS Colloquium and Straight Talk Zon Timur Bagi Tahun 2016 dan Hub PLWS Zon Timur
Pada 2016 Jabatan Perhubungan Perusahaan Malaysia (JPPM) telah menganjurkan program PLWS Colloquium and Straight Talk Zon Timur Bagi Tahun 2016 dan Hub PLWS Zon Timur yang telah diadakan di Sultan Ahmad Shah International Convention Centre, Kuantan, Pahang. PLWS Colloquium and Straight Talk adalah penjenamaan semula seminar PLWS yang telah diadakan pada tahun-tahun sebelum ini, manakala Hub PLWS pula merupakan satu inisiatif baru Jabatan untuk menjadikan kawasan perusahaan sebagai satu pusat pengembangan Sistem Upah yang Dikaitkan dengan Produktiviti atau Productivity-Linked Wage System (PLWS). Bagi program HUB PLWS kali ini JPPM telah memilih kawasan Perindustrian Gebeng, Pahang sebagai kawasan sasaran di mana kawasan tersebut akan dijadikan sebagai penanda aras (benchmark) pelaksanaan PLWS untuk sektor pembuatan bagi meningkatkan produktiviti negara, syarikat dan pekerja.

Program ini telah dirasmikan oleh Yang Berhormat, Timbalan Menteri Sumber Manusia dan telah dihadiri oleh 150 peserta yang terdiri daripada wakil majikan serta pekerja dari syarikat-syarikat di kawasan Perindustrian Gebeng. Matlamat program adalah untuk memberikan kesedaran kepada majikan-majikan serta para pekerja betapa pentingnya sistem pembayaran upah kepada pekerja ditukarkan dari secara konvensional kepada sistem pembayaran upah berdasarkan kepada produktiviti seseorang pekerja atau secara berkumpulan sebagai galakan kepada pekerja dan dalam masa yang sama dapat mempertingkatkan pengeluaran. Ini kerana PLWS merupakan salah satu konsep solusi bagi mempertahankan bisnes atau perniagaan pihak majikan disamping mempererat lagi hubungan antara majikan, pekerja dan kesatuan dalam konteks perhubungan industri.

Statistik majikan/syarikat yang telah melaksanakan PLWS dan jumlah pekerja yang menikmati faedah pelaksanaan PLWS

Perkara	Mulai 2007 hingga 31 Disember 2015	Mulai 2007 hingga 31 Disember 2016
Bilangan majikan yang melaksanakan PLWS	78,962 majikan	80,607 majikan
Bilangan pekerja yang menikmati faedah pelaksanaan PLWS	3,409,370 pekerja	3,619,316 pekerja

Modul PLWS Bagi SME@University Programme 2016

Buat pertama kalinya, pada tahun 2016, Jabatan Perhubungan Perusahaan Malaysia (JPPM) telah bekerjasama dengan kolaborasi strategik bersama Pembangunan Sumber Manusia Berhad (PSMB) yang juga merupakan agensi di bawah Kementerian Sumber Manusia dan SME Corp serta juga Malaysia Productivity Corporation (MPC) di bawah program SME@University. Secara ringkasnya, program SME@University ini telah dilaksanakan oleh SME

Corporation dengan sokongan PSMB sejak tahun 2011 hingga 2015 dengan kerjasama lapan (8) universiti iaitu Nama Penuh Universiti:-

- i. Universiti Putra Malaysia (UPM),
- ii. International Islamic University Malaysia (IIUM),
- iii. Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM),
- iv. Universiti Malaysia Kelantan (UMK),
- v. Universiti Teknologi Mara Shah Alam (UiTM),
- vi. Universiti Utara Malaysia (UUM),
- vii. Universiti Malaysia Sabah (UMS) dan
- viii. Universiti HELP.

Bermula tahun 2016, sebanyak sepuluh (10) akan menyertai program ini dengan tambahan daripada:-

- i. Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) dan
- ii. UTM Technology Entrepreneurship Centre (UTMTEC)

Para peserta program terdiri daripada pengusaha (Perusahaan Kecil dan Sederhana (SMEs)) yang memohon untuk menyertai program pembelajaran ini dan yang berjaya ditapis melalui screening test yang dilaksanakan oleh universiti dan SME Corp. Sebanyak sembilan (9) modul yang perlu dilengkapkan selama tiga (3) bulan pembelajaran iaitu:-

- i. Module 1: World-Class SMEs Leadership and Managing Performance
- ii. Module 2: Effective Human Resource Management for SMEs
- iii. Module 3: Creative Marketing and Business Success
- iv. Module 4: Accounting and Financial Management
- vi. Module 6: Business Opportunities, Growth and Modelling
- vii. Module 7: Law and Ethics
- viii. Module 8: Operation and Quality Management
- ix. Module 9: PLWS Module

Sehubungan dengan itu, modul PLWS adalah merupakan modul pelengkap dengan modul yang lain apabila dilaksanakan ia mampu membantu pengusaha SMEs untuk meningkatkan keuntungan syarikat dan produktiviti pekerja. Ini selaras dengan objektif program ini iaitu:-

- i) memberi pendedahan awal kepada majikan PKS berkaitan asas-asas PLWS;
- ii) Meningkatkan ilmu pengetahuan dan kemahiran serta skil perusahaan di kalangan majikan PKS melalui program latihan spesifik berkaitan produktiviti dan PLWS;
- iii) Meningkatkan produktiviti, prestasi dan keuntungan syarikat dan;
- iv) Meningkatkan pendapatan pekerja yang menikmati faedah dari aspek peningkatan lebih tinggi daripada produktiviti (take home pay).

Berikut merupakan jadual pembelajaran Modul PLWS Di Sepuluh (10) buah universiti:-

Jadual Pembelajaran Modul PLWS Mengikut Universiti

BIL	TARIKH	UNIVERSITY
1	20 Mei 2016	IIUM- MPC
2	28 Mei 2016	UMK-JPPM
3	29 Mei 2016	UKM-MPC
4	29 Mei 2016	HELP-MPC
5	29 Mei 2016	UNIMAS-MPC
6	5 Jun 2016	UMS-MPC
7	11 Jun 2016	UITM-JPPM
8	11 Jun 2016	UTM-JPPM
9	12 Jun 2016	UPM-MPC
10	12 Jun 2016	UUM-MPC

Bengkel Pemantapan Modul PLWS JPPM SME@University Programme : Pembangunan KPI Dan Model PLWS Bagi Tahun 2016

Melihat kepada respon yang baik program tersebut dan para peserta untuk mengetahui lebih lanjut berkaitan modul PLWS, Bengkel Pemantapan Modul PLWS JPPM SME@University Programme : Pembangunan KPI dan Model PLWS Bagi Tahun 2016 telah diadakan buat kali pertama pada tahun lepas.

Bengkel ini adalah program susulan peserta yang telah mengikuti Modul PLWS bagi SME@University Programme Tahun 2016 di sepuluh (10) buah universiti tersebut. Ia adalah bertujuan untuk membantu dan memberi peluang kepada peserta mendalami ilmu PLWS terutama sekali dalam membentuk Key Performance Index (KPIs) syarikat mereka. Selain itu, membantu dalam segi model PLWS yang bersesuaian dengan syarikat mereka.

PENGENDALIAN KES-KES PEMULIHAN KERJA DI BAWAH SEKSYEN 20, AKTA PERHUBUNGAN PERUSAHAAN 1967 (AKTA 177)

JPPM telah mengendalikan kes representasi pemulihan kerja di bawah Seksyen 20, Akta 177 sebanyak 9,372 kes pada tahun 2016 berbanding 11,077 kes pada tahun 2015. Kes yang difailkan secara berkumpulan (group case) didapati telah menyumbang kepada peningkatan kes pada tahun 2015. Manakala, kes yang diselesaikan pada tahun 2016 adalah sebanyak 4,627 kes dan pada tahun 2015 sebanyak 5,929 kes.

Perbandingan Jumlah Kes Representasi Pemulihan Kerja yang Dikendalikan dan Diselesaikan bagi Tahun 2015 dan 2016 :

Tahun	Bilangan Kes Yang Dikendalikan	Bilangan Kes Yang Diselesaiakn
2015	11,077 kes	5,929 kes
2016	9,372 kes	4,627 kes

PENGENDALIAN KES-KES PERTIKAIAN PERUSAHAAN DI BAWAH SEKSYEN 8, SEKSYEN 13 & SEKSYEN 18 AKTA PERHUBUNGAN PERUSAHAAN 1967 (AKTA 177)

JPPM telah mengendalikan kes pertikaian perusahaan sebanyak 467 kes pada tahun 2016 berbanding pada tahun 2015 iaitu sebanyak 477 kes. Manakala, kes yang diselesaikan pada tahun 2016 adalah sebanyak 395 kes dan pada tahun 2015 sebanyak 403 kes.

Perbandingan Jumlah Kes Pertikaian Perusahaan yang Dikendalikan dan Diselesaikan bagi Tahun 2015 dan 2016 :

Tahun	Bilangan Kes Yang Dikendalikan	Bilangan Kes Yang Diselesaiakn
2015	477 kes	403 kes
2016	467 kes	395 kes

PERSARAAN KETUA PENGARAH DAN PELANTIKAN KETUA PENGARAH JABATAN PERHUBUNGAN PERUSAHAAN MALAYSIA (JPPM)

Pada 29 September 2016 Jabatan Perhubungan Perusahaan Malaysia (JPPM) telah mengadakan Majlis Jasamu Dikenang Budimu Disanjung sempena persaraan Ketua Pengarah JPPM, En. Fong Khei Por di Dewan Serbaguna, Blok D3 Kementerian Sumber Manusia (KSM). Majlis tersebut telah dihadiri oleh Yang Berbahagia, Ketua Setiausaha KSM dan pengurusan tertinggi kementerian serta ketua-ketua jabatan di bawah KSM.

Majlis tersebut diadakan sebagai satu tanda penghargaan kepada En. Fong Khei Por sempena 39 tahun perkhidmatan beliau dalam sektor awam bermula pada 9 Mei 1977. Beliau telah mula berkhidmat sebagai Ketua Pengarah di JPPM pada 9 Januari 2012 hingga bersara wajib pada 1 Oktober 2016. Pihak JPPM mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada En. Fong Khei Por atas jasa dan sumbangan beliau dalam memajukan JPPM sepanjang beliau menyandang jawatan Ketua Pengarah Perhubungan Perusahaan Malaysia.

Pada 27 Disember 2016, En. Khalid Bin Jali telah dilantik sebagai Ketua Pengarah Jabatan Perhubungan Perusahaan Malaysia (JPPM), Kementerian Sumber Manusia (KSM). Jabatan mengucapkan tahniah dan selamat menjalankan tugas sebagai Ketua Pengarah kepada En. Khalid Bin Jali.

TERAS 4: MELAKSANAKAN AMALAN KESELAMATAN DAN KESIHATAN SECARA DINAMIK (JKKP & NIOSH)

Program Promosi Berkaitan Keselamatan Dan Kesihatan Pekerjaan 2016

Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan sentiasa menjalankan Aktiviti promosi di dalam usaha untuk memperluaskan lagi kesedaran berhubung isu – isu serta maklumat berkaitan aspek keselamatan dan kesihatan pekerjaan. Majikan dan pekerja merupakan sasaran utama untuk penyampaian maklumat berkaitan keselamatan dan kesihatan pekerjaan melalui aktiviti promosi yang dijalankan. Sepanjang tahun 2016, pelbagai aktiviti promosi seperti pameran, ceramah, seminar, bengkel dan kempen telah dianjurkan serta mendapat sambutan yang menggalakkan. Selain daripada itu juga promosi di media cetak dan elektronik turut giat dijalankan. Pencapaian Promosi Jabatan bagi tahun 2016 adalah sebanyak 8648.

Aktiviti Utama Promosi berkaitan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 2016

1. Kempen Kesedaran Keselamatan Penggunaan Eskalator 2016

Kempen Kesedaran Keselamatan Penggunaan Eskalator bertujuan memberikan kesedaran mengenai aspek keselamatan dan kesihatan kepada orang ramai berkenaan penggunaan eskalator secara selamat. Kempen Kesedaran Keselamatan Penggunaan Eskalator 2016 telah diadakan pada 29 Februari 2016 di IOI City Mall, Putrajaya.



YB Dato' Ismail Abd Mutallib melakukan pemeriksaan eskalator bertempat di IOI City Mall, Putrajaya

2. Sambutan Hari Sedunia bagi Keselamatan dan Kesihatan di Tempat Kerja 2016

Majlis Sambutan Hari Sedunia bagi Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan disambut pada 28 April di seluruh dunia bermula pada 2003 oleh Pertubuhan Buruh Antarabangsa (ILO). Ianya menekankan pencegahan kemalangan dan penyakit pekerjaan melalui kekuatan tiga pihak dan dialog social. Sambutan ini juga telah disambut bagi memperingati mangsa kemalangan industry dan penyakit pekerjaan oleh Kesatuan-Kesatuan Sekerja di seluruh dunia. Majlis Sambutan Hari Sedunia bagi Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan juga disambut setiap tahun di Negara ini sebagai sokongan dalam mementingkan keselamatan, kesihatan, dan kebajikan para pekerja. Majlis Neagra bagi Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (MNKKP) yang dipengerusikan oleh Timbalan Menteri Manusia. Sambutan Hari Sedunia bagi Keselamatan dan Kesihatan di Tempat Kerja 2016 telah pada 10 Mei 2016 di Resort World Kijal, Terengganu.

3. Majlis Pelancaran Sambutan Minggu Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Kebangsaan 2016

Minggu Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Negara adalah satu acara tahunan yang disambut pada minggu kedua bulan Julai setiap tahun. Sambutan ini dilakukan susulan daripada kelulusan dan arahan Kabinet pada 24 Mei 2006. Di antara program yang dijalankan bagi menjayakan sambutan adalah kempen keselamatan dan kesihatan pekerjaan. Sambutan ini adalah satu usaha kerajaan untuk menghebahkan maklumat terkini berkaitan isu-isu keselamatan dan kesihatan pekerjaan kepada majikan dan pekerja dalam mengamalkan budaya kerja selamat dan sihat di tempat kerja mereka. Pelancaran Minggu Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (OSH Week) Peringkat Kebangsaan 2016 telah diadakan pada 9 Ogos 2016 di Hotel Promenade, Kota Kinabalu, Sabah.



YB Dato' Sri Hj. Ismail Abd Mutallib melancarkan Sambutan Minggu Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Kebangsaan 2016 di Lee Meridien Putrajaya

4. Seminar Kebangsaan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 2016

Seminar Kebangsaan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 2016 telah diadakan pada 8-9 Disember 2016 di Lee Meridien, Putrajaya. Seminar ini telah menarik perhatian seramai 500 orang pengamal keselamatan dan kesihatan pekerjaan dari pelbagai industry untuk hadir. Seminar ini bertujuan untuk menyebarkan dan berkongsi maklumat berkenaan isu terkini keselamatan dan kesihatan pekerjaan.

Sekitar Program Seminar Kebangsaan Keselamatan dan Kesihatan,
Pekerjaan di Lee Meridien, Putrajaya



5. **Majlis Anugerah Cemerlang Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Kebangsaan 2016**

Majlis Anugerah Cemerlang Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Kebangsaan 2016 telah diadakan pada 8 Disember 2016 di Marriott Putrajaya. Majlis ini dianjurkan bagi member pengiktirafan dan penghargaan kepada syarikat dan individu yang cemerlang dalam keselamatan dan kesihatan pekerjaan pada tahun 2015. Antara anugerah yang dipertandingkan ialah Anugerah Pengilangan Industri Besar, Industri Kecil dan Sederhana, Pembinaan, Perhutanan, Hotel & Restoran, Perkhidmatan awam dan pihak berkuasa tempatan dll.



Dato' Sri Richard Riot menyampaikan Anugerah Cemerlang Keselamatan dan Kesihatan
Pekerjaan Kebangsaan 2016 di Marriott Putrajaya

PENGUBALAN AKTA, PERATURAN, PERINTAH, TATAAMALAN
INDUSTRI, GARIS PANDUAN DAN PEKELILING KETUA PENGARAH
DI BAWAH AKTA 139 , AKTA 302 & AKTA 514

AKTA	Telah diwartakan	Sedang digubal
	Tiada	Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 201X
PERATURAN	Telah diwartakan	Sedang digubal
	Tiada	Peraturan-Peraturan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (Sistem Pengurusan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan) 201X Peraturan-Peraturan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (Pendedahan Bising) 201X Peraturan-Peraturan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (Jentera Berperakuan Kelayakan) 201X Peraturan-Peraturan Kilang dan Jentera (Kendalian Bangunan dan Kerja-Kerja Binaan Kejuruteraan) (Keselamatan) 201X Peraturan- Peraturan Kilang dan Jentera (Orang Berlesen) 201X Peraturan-Peraturan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (Pegawai Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan) 201X Peraturan-Peraturan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (Penggunaan dan Standard Pendedahan Bahan Kimia Berbahaya Kepada Kesihatan) 201X

PERATURAN	Telah diwartakan	Sedang digubal
	Tiada	Perintah Kilang dan Jentera (Pengecualian Perakuan Kelayakan Bagi Bejana Tekanan Tak Berapi) 201X Perintah Keselamatan Dan Kesihatan Pekerjaan (Larangan Penggunaan Bahan) 1998 - Occupational Safety And Health (Prohibition of Use of Substance) Order 201x
	Tiada	Tataamalan Industri Bagi Pengurusan Pendedahan Bunyi Bising dan Pemuliharaan Pendengaran 201X Tataamalan Industri Keselamatan Penstoran Bahan Petroleum (Rekabentuk dan Pepasangan) Stesyen Minyak 201X Tataamalan Industri Pengurusan Keselamatan Silinder Gas Petroleum Cecair dan Aksesori 201X Tataamalan Industri Keselamatan Pengangkutan Petroleum Melalui Darat (Pengurusan dan Pentadbiran Pengangkutan Petroleum) 201X Tataamalan Industri Keselamatan Pengangkutan Petroleum Melalui Darat (Rekabentuk, Pembuatan, Pemeriksaan dan BaikPulih Tangki dan Kenderaan Pengangkutan) 201X Tataamalan Industri Keselamatan Penstoran Bahan Petroleum (Rekabentuk dan Pepasangan) Tangki dan Terminal 201X Tataamalan Industri Keselamatan Penstoran Bahan Petroleum (Rekabentuk dan Pepasangan) 201X Tataamalan Industri Mengenai Pengelasan Bahan Kimia dan Komunikasi Hazard 201X

PERATURAN	Telah diwartakan	Sedang digubal
	Garis Panduan Keselamatan & Kesihatan dalam Pembinaan, Operasi dan Penyelenggaraan Loji Biogas	Garis Panduan Kawalan Kulat
	Garis Panduan Rekabentuk Kelulusan Perancah Garis Panduan Pengurusan Tegasan Haba di Tempat Kerja	Garis Panduan Proses Pembukaan Asbestos Garis Panduan Penaksiran Ringkas Risiko dan Kawalan Bahan Kimia (SIRAC) Garis Panduan Kawalan dan Pengendalian Selamat Bahan Nano Garis Panduan Penaksiran Risiko Ergonomik di Tempat Kerja Garis Panduan Pengendalian Manual Garis Panduan Pencahayaan di TempatKerja Garis Panduan Aktiviti Kokurikulum Garis Panduan Pemindahan Wang Garis Panduan Perakuan Kebolehan (COC) Garis Panduan Keselamatan dan Kesihatan Bagi Aktiviti Air Garis Panduan Pemindahan Wang Garis Panduan Perakuan Kebolehan (COC) Garis Panduan Keselamatan dan Kesihatan Bagi Aktiviti Air Penaksiran Risiko Kesihatan Yang Timbul Daripada Penggunaan Bahan Kimia Berbahaya Di Tempat Kerja (Edisiketiga) Garis Panduan bagi Pemantauan Pencemaran 'Airborne' bagi Bahan Kimia Berbahaya Kepada Kesihatan
	Arahan Pengecualian Terhadap Kilangdan Jentera Dikendalikan Oleh Angkatan Tentera	

PENGUATKUASAAN DAN PEMERIKSAAN DI BAWAH AKTA KILANG DAN JENTERA (AKJ) 1967/ STATUTORI

Jadual: Aktiviti Penguatkuasaan dan Pemeriksaan Tahun 2016

Aktiviti	2016 (Januari - Disember)
Dandang Stim dan Autoclave	13,326
Bejana Tekanan Tak Berapi	112,929
Lif, Eskalator dan Dumbwaiter	43,058
Kren Bergerak dan Kren Menara	11,941
Passenger Hoist, Material Hoist dan lain-lain MesinAngkat	53,928
Kilang	15,039
Tapak Bina	9,544
Jumlah	259,765

PENGUATKUASAAN AKTA KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN (AKKP) 1994 DAN LAIN-LAIN SEKTOR DI BAWAH AKKP

Jadual 2: Aktiviti Penguatkuasaan dan Pemeriksaan Tahun 2015

Aktiviti	2016 (Januari - Disember)
Penguatkuasaan ke atas Bahan Kimia yang Berbahaya kepada Kesihatan (USECHH)	2,010
Penguatkuasaan terhadap Pengelasan, Pembungkusan dan Pelabelan Bahan Kimia (CLASS)	173
(a) Perlombongan dan Penguarian	564
(b) Pertanian, Perhutanan dan Perikanan	2,993
(c) Kemudahan Elektrik, Gas, Air dan Perkhidmatan Kebersihan	1,180
(d) Pengangkutan, Penyimpanan dan Komunikasi	811
(e) Perdagangan Borong dan Runcit	1,636
(f) Hotel danRestoran	1,439
(g) Kewangan, Insurans, Harta Tanah dan Perkhidmatan Perniagaan	1,271
(h) Perkhidmatan Awam dan Pihak Berkuasa Berkanun	1,181
Jumlah	13,258

TINDAKAN PERUNDANGAN

Jadual: Aktiviti Yang Dijalankan Sepanjang Tahun 2015

Aktiviti	2016 (Januari - Disember)
Notis	24,631
Kompaun	1,202
Pendakwaan	399
Siasatan Aduan	1,204
Siasatan Kes Kemalangan	5,134
Siasatan Kes Penyakit dan Keracunan Pekerjaan	3,815
Jumlah	36,385

PEMERIKSAAN IKS

Jadual 4: Aktiviti Yang Dijalankan Sepanjang Tahun 2015

Aktiviti	2016 (Januari - Disember)
Projek Perintis dari Pintu ke Pintu (Door-to-Door)	5,484
Promosi Secara Bergerak	1,225
Projek Payung (Umbrella Project)	112
Pendaftaran Secara Berterusan	1,629
Jumlah	8,450

RINGKASAN KAJIAN YANG DIJALANKAN DIBAWAH RMK-11
Jabatan Keselamatan Dan Kesihatan Pekerjaan Malaysia

BIL	KAJIAN-KAJIAN KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN DIBAWAH RMK-11
	KAJIAN PEMBANGUNAN PELAN PENAMBAHBAIKAN KKP BAGI MEMPERKASAKAN PERANAN MAJIKAN UTAMA DALAM PELAKSANAAN KKP OBJEKTIF ; i. Mengenal pasti dan membuat ‘senarai keutamaan’ hazard-hazard keselamatan pekerjaan (hazard prioritising) yang terdapat di sektor-sektor yang terpilih tersebut. ii. Menganalisa langkah-langkah kawalan yang diambil oleh majikan utama ke atas hazard-hazard keselamatan pekerjaan yang terdapat di sektor-sektor yang terpilih tersebut berdasarkan hierarki kawalan. iii. Menganalisa tahap pelaksanaan peranan majikan utama ke atas pekerja dan kontraktor dalam mempraktikkan pematuhan perundangan KKP di tempatkerja; iv. Mengenalpasti dan membuat ‘senarai keutamaan’ faktor-faktor yang menghalang majikan utama dalam melaksanakan peranan dan tanggungjawabnya dalam melaksanakan sistem pengurusan KKP di tempat kerja; v. Mencadangkan rancangan mekanisme penambahbaikan yang sesuai bagi memperkasakan peranan majikan melalui program tindakanpenambahbaikan yang komprehensif vi. Membangunkan kaedah pengukuran komitmen majikan bagi pelaksanaan sistem pengurusan KKP di tempatkerja.
	KAJIAN PENAIKTARAFAN DAN PENJENAMAAN SEMULA R&D DAN PEMBANGUNAN STANDARD KKP OBJEKTIF: i. Membangunkan bidang keutamaan R&D dan Malaysian Standard KKP yang komprehensif sebagai Pelan Penambahbaikan KKP Kebangsaan ii. Membangunkan bank R&D data KKP yang menjadi sistem pengumpulan maklumat berpusat iii. Membangunkan dan menjenamakan safety mark bagi perkhidmatan dan produk
	KAJIAN KEPERLUAN INDUSTRI TERHADAP ORANG YANG KOMPETEN (OYK) DALAM MEMPERTINGKATKAN TAHAP KKP KE ARAH STATUS NEGERA MAJU OBJEKTIF: i. Mengkaji keperluan industry terhadap orang yang kompeten (OYK) dalam mempertingkatkan tahap keselamatan dan kesihatan (KKP). ii. Mengkaji secara mendalam kaedah penanda aras prestasi OYK bagi negara-negara sedang membangun dan Negara maju.


BIL	KAJIAN-KAJIAN KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN DIBAWAH RMK-11
	KAJIAN PENDEDAHAN DAN KAWALAN HAZARD KESIHATAN DALAM INDUSTRI OBJEKTIF: i. Menilai darjah keterukan risiko pendedahan kepada hazard kesihatan. ii. Mengenalpasti langkah-langkah kawalan hazard kesihatan sedia ada di industri. iii. Menilai keberkesanan langkah-langkah kawalan hazard kesihatan sedia ada terhadap pendedahan kepada risiko kesihatan di industri. iv. Mencadangkan langkah-langkah kawalan berdasarkan kehendak perundangan dan amalan terbaik industri. v. Membangunkan garis panduan kawalan hazard kesihatan dan penerbitan-penerbitan yang berkaitan.
	Kajian-Kajian Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (KKP) Bagi Menangani isu-isu dan Hazard Baru Pekerjaan (New Emerging Hazard) 1) KAJIAN PROFIL KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN (KKP) KEBANGSAAN (OSH PROFILE) DI MALAYSIA OBJEKTIF: i. Mencadangkan penambahbaikan KKP Negara ii. Menetapkan penanda aras prestasi KKP Negara iii. Mengenalpasti permasalahan (gap-analysis) iv. Membangunkan lanskap KKP Negara v. Mendapatkan data dan pembangunan profil KKP Negara 2) KAJIAN PENGURUSAN INTEGRITI DAN KAWALAN KEMOROSOTAN KE ATAS ‘AGEING PLANT’ DI SEKTOR MINYAK DAN GAS, PEMROSESAN KIMIA SERTA LOJI JANAKUASA OBJEKTIF: i. mengumpul data dan mewujudkan taburan terkini ageing plant sedia ada di seluruh Malaysia di dalam satu sistem maklumat ringkas. ii. Mengkaji isu-isu semasa dan yang dijangka dalam kawalan dan pengurusan KKP bagi ageing plant, serta kaedah-kaedah menangani isu-isu tersebut. iii. Mencadangkan garis panduan dan kompetensi yang diperlukan oleh pihak industry bagi pemantauan dan pengurusan KKP yang komprehensif keatas ageing plant. iv. menyediakan platform ke arah pembangunan modal insan yang berkaitan dengan pengurusan integrity dan kawalan kemorosotan ageing plant. 3) PENAMBAHBAIKAN SISTEM PENGURUSAN KESELAMATAN KREN MENARA DI SEKTOR PEMBINAAN OBJEKTIF: i. Mendapatkan data dan pembangunan profil Keselamatan penggunaan dan kemalangan kren menara ii. Membangunkan tataamalan keselamatan dan rujukan umum kren Menara iii. Mencadang modul latihan dan menjalankan sebaran kajian kepada penguatkuasa dan industri

BIL	KAJIAN-KAJIAN KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN DIBAWAH RMK-11
	4) KAJIAN KEPENTINGAN ADANYA MAKLUMAT BERKAITAN PEKERJAAN DALAM DOKUMEN IDENTITI, REKOD KESIHATAN DAN SIJIL KEMATIAN DI MALAYSIA OBJEKTIF: - Mengenalpasti dan melaksanakan analisis jurang untuk mengenalpasti scenario semasa kewujudan maklumat berkaitan pekerjaan dalam dokumen identiti, rekod kesihatan dan sijil kematian. - Membuat perbandingan sistem rekod dan format dokumen identiti, rekod kesihatan dan sijil kematian yang digunapakai di Malaysia dengan sekurang – kurangnya sebuah Negara dari setiap benua berikut: Eropah, Amerika dan Asia. - Mencadangkan kaedah penambahbaikan dokumen identiti, rekod kesihatan dan sijil kematian di Malaysia termasuk cadangan format dokumen baru serta kaedah pelaksanaan cadangan penambahbaikan. 5) KAJIAN MENJALANKAN SARINGAN AWAL BAGI PENGENALPASTIAN AWAL DAN PENCEGAHAN PENYAKIT PEKERJAAN DI INDUSTRI KECIL DAN SEDERHANA (EARLY SREENING FOR IDENTIFICATION AND PREVENTION OF OCCUPATIONAL DISEASES IN SMALL AND MEDIUM INDUSTRIES) DI MALAYSIA OBJEKTIF : - Untuk mencadangkan dan membangunkan kaedah saringan awal yang boleh diguna pakai sebagai mekanisma pengesanan penyakit dan keracunan pekerjaan di sektor IKS di Malaysia; - Untuk mencadangkan draf Garis Panduan bagi pelaksanaan Program Basic Occupational Health Services yang boleh digunapakai oleh majikan, pekerja, doctor kesihatan pekerjaan dan pegawai JKPP; - Untuk mencadangkan dan membangunkan data berkaitan penyakit dan keracunan pekerjaan yang lebih komprehensif sebagai satu pengkalan data yang boleh dijadikan rujukan kepada pihak Jabatan dan industry terutamanya di Sektor IKS; - Untuk mencadangkan kaedah implementasi dan impak Occupational Health Services dari segi perundangan di kalangan industri di Malaysia terutamanya di sektor IKS. - Untuk berkongsi maklumat kajian kepada pemegang taruh yang relevan termasuk agensi kerajaan, badan profesional, persatuan majikan dan pekerja. - Untuk mencadangkan kepada pihak Jabatan sebarang penambahbaikan perundangan berkaitan Program Perkhidmatan Kesihatan Pekerjaan di Malaysia.

PENERBITAN GARIS PANDUAN

JKPP telah membangunkan dan menerbitkan pelbagai garis panduan yang bertujuan untuk memberikan panduan dan maklumat kepada industry berkaitan KKP. Garis panduan ini dapat membantu industry dalam menjalankan tanggungjawab mereka untuk memastikan tempat kerja selamat dan sihat serta mematuhi perundangan yang dikuatkuasakan oleh JKPP. Sebanyak 62 buah garis panduan KKP telah dikeluarkan oleh JKPP termasuklah dua buah garis panduan yang telah diterbitkan pada tahun 2016 iaitu :

- Garis Panduan Pengurusan Tekanan Haba
- Garis Panduan KKP dalam Pembinaan, Operasi dan Penyelenggaraan Loji Bio Gas 2017



Buku Panduan “ Heat Stress Management “

AKTIVITI BAHAGIAN AKAUN SEPANJANG TAHUN 2016

1. Kursus Expert End User (EEU) Modul Human Capital Management (HCM) 1GFMAS Siri I & Siri II

Kursus Expert End User (EEU) Modul Human Capital Management (HCM) 1GFMAS Siri I & II telah diadakan di Makmal ICT BPM, Kementerian Sumber Manusia, Putrajaya pada 16 hingga 19 Mei 2016 bagi Siri I dan 23 hingga 26 Mei 2016 bagi Siri II. Kursus ini melibatkan seramai 28 orang peserta dari 13 Pusat Pembayar Gaji sekitar Lembah Klang. Kursus ini bertujuan untuk memberi pemahaman dan gambaran keseluruhan kepada peserta berkenaan modul dan konsep modul HCM 1GFMAS. Selain itu, penerangan tentang proses yang berkaitan dan integrasi modul HCM juga diberikan disamping peserta dapat membuat latihan amali dengan menggunakan sistem 1GFMAS.



Sebahagian daripada peserta yang hadir ke kursus EEU Modul HCM 1GFMAS Siri I & II

2. Taklimat Carta Akruan Dan Manual Perakaunan Akruan

Taklimat Carta Akruan dan Manual Perakaunan Akruan telah diadakan di Marina Island Pangkor Resort & Hotel, Lumut, Perak pada 29 hingga 31 Julai 2016. Taklimat ini telah dihadiri oleh 31 orang Pegawai Perakaunan Kementerian Sumber Manusia. Taklimat Carta Akruan adalah untuk memberi pendedahan berkenaan matlamat pelaporan kewangan dan perakaunan berasaskan perakaunan akruan JANM yang akan diguna pakai dalam Sistem Pengurusan Kewangan dan Perakaunan Kerajaan (1GFMAS) berasaskan perakaunan akruan yang akan menggantikan GFMAS pada tahun 2015. Manakala, Taklimat Manual Perakaunan Akruan bertujuan untuk memperkenalkan Manual Perakaunan Akruan (MPA) dan menjelaskan konsep-konsep utama dalam MPA.



Barisan Pegawai Perakaunan Kementerian Sumber Manusia

3. Bengkel Pelaksanaan Perakaunan Pengurusan Dan Penyediaan Kerangka Pengkosaan Berasaskan Outcome Costing Kementerian Sumber Manusia

Bengkel Pelaksanaan Perakaunan Pengurusan Dan Penyediaan Kerangka Pengkosaan Berasaskan Outcome Costing Kementerian Sumber Manusia telah diadakan di Putrajaya International Conventional Centre (PICC) pada 13 hingga 14 Oktober 2016.



Barisan Pegawai yang menghadiri Bengkel Pelaksanaan Perakaunan Pengurusan Dan Penyediaan Kerangka Pengkosaan Berasaskan Outcome Costing KSM



Sekitar berlangsungnya Bengkel Pelaksanaan Perakaunan Pengurusan Dan Penyediaan Kerangka Pengkosaan Berasaskan Outcome Costing KSM

4. Pemantauan Bersepadu PC 1GFMS

Pemantauan Bersepadu PC 1GFMS 2016 telah dilaksanakan secara zon dan berperingkat iaitu bermula di Zon Utara, Zon Tengah, Zon Timur, Zon Selatan, dan berakhir di Zon Sabah dan Sarawak. Hampir 99% Pusat Tanggungjawab telah dilawati dan semua PC telah diujilari dan



Sebahagian daripada Pegawai yang terlibat dengan Pemantauan Bersepadu PC 1GFMS 2016



Sekitar Pemantauan PC 1GFMS 2016 yang dilaksanakan di Zon-zon yang terlibat

5. Naziran eSPKB dan Terimaan

Melaksanakan Naziran eSPKB ke atas 20 Pusat Tanggungjawab (PTJ) Lembah Klang dan Naziran Terimaan di 8 Pejabat Pemungut daripada 154 Pejabat Pemungut yang terpilih.



Sebahagian daripada Pegawai yang melaksanakan Naziran eSPKB




Sebahagian daripada Pegawai yang melaksanakan Naziran Terimaan

TERAS 5: MEMBANGUNKAN SUMBER MANUSIA NEGARA YANG BERDAYA SAING

1. Prestasi pelaksanaan program latihan dan peningkatan kemahiran (Program Latihan Jangka Panjang dan Program Latihan Jangka Pendek)
2. Statistik graduan ILJTM bagi tahun 2016 berbanding tahun 2015
3. Tahap kebolehkeraan ILJTM 2016 berbanding tahun 2015
4. Promosi Latihan Kemahiran
5. Pengiktirafan yang diterima daripada agensi luar

LATIHAN SEPENUH MASA DAN KURSUS JANGKA PENDEK

Institut Latihan Jabatan Tenaga Manusia (ILJTM) melaksanakan program latihan kemahiran pra-pekerjaan kepada belia lepasan sekolah di peringkat Sijil, Diploma dan Diploma Lanjutan secara sepenuh masa di 32 buah ILJTM di seluruh negara. Pada tahun 2016, seramai 8,554 pelajar baharu telah mendaftar dan menjadikan enrolmen pelajar ILJTM keseluruhannya adalah seramai 22,150 orang. Carta 1 adalah perbandingan enrolmen tahun 2016 berbanding tahun 2015.



Carta 1: Statistik Enrolmen Pelajar ILJTM 2015-2016

Kursus Jangka Pendek dilaksanakan di keseluruhan ILJTM mengikut beberapa pecahan kategori iaitu Modular, Customised, Professional, Soft Skills, Seminar Teknikal dan Program SLDN. Seramai 44,955 orang peserta telah mengikuti kursus jangka pendek yang dijalankan iaitu melalui 2,167 kursus dimana para peserta terdiri daripada pekerja industri, kakitangan awam, pelajar sekolah serta pelajar universiti. Carta 2 menunjukkan pencapaian Kursus Jangka Pendek ILJTM yang dilaksanakan pada setiap bulan sepanjang tahun 2016.




Carta 2: Statistik Pencapaian KJP 2016

STATISTIK DAN TAHAP KEBOLEHKERJAAN GRADUAN ILJTM

Pada tahun 2016 seramai 3,818 + 6081 = 9899 (jumlah anggaran, akan dipastikan sejurus MJPP 1/2017) graduan ILJTM telah berjaya menamatkan program latihan kemahiran dan berpotensi mengisi keperluan tenaga mahir negara dalam sektor industri bidang berkaitan.

Daripada Kajian Pengesanan Graduan ILJTM 2016 yang telah dijalankan terhadap graduan sesi 2/2015 yang menghadiri Majlis Konvokesyen Tahun 2016, sebanyak 3,470 maklum balas telah diterima. Hasil daripada kaji selidik tersebut didapati peratus kebolehkeraan graduan ILJTM adalah sebanyak 92.7% merangkumi peratus bekerja, menyambung pelajaran dan pernah menerima tawaran. Ringkasan penemuan daripada Kajian Pengesanan Graduan ILJTM Tahun 2016 ini adalah seperti di Carta 3.



Carta 3: Peratus Kajian Pengesanan Graduan ILJTM Tahun 2016

PROGRAM PROMOSI LATIHAN KEMAHIRAN

Jabatan Tenaga Manusia melaksanakan pelbagai program promosi berkaitan pengambilan pelajar sepusat, pembelajaran sepanjang hayat dan kesedaran kepada golongan sasaran seperti belia lepasan sekolah, pekerja industri, kaunselor sekolah, pelajar sekolah, komuniti setempat, orang awam atau majikan syarikat dengan dibantu semua Unit Promosi/CESS ILJTM melalui beberapa pendekatan seperti berikut:

- a) Mempromosikan latihan kemahiran sepenuh masa di ILJTM ke golongan sasaran serta kaedah pengambilan setempat, juga melalui UPU.
- b) Mempromosikan latihan kemahiran jangka pendek dan profesional bagi meningkatkan tahap kemahiran dan kerjaya kepada pekerja dan komuniti setempat.
- c) Mempromosikan pelajar lepasan ILJTM kepada Industri dengan mengadakan siri lawatan ke industri dan syarikat berkaitan
- d) Mempromosikan Alumni bagi jaringan lepasan ILJTM dengan menyalurkan maklumat dan peluang kerjaya.
- e) Memberi pendedahan kepada pelajar tahun akhir berhubung potensi diri, keusahawanan, peluang pekerjaan dan pembiayaan menerusi agensi KSM
- f) Memberi latihan pemasaran dan pendedahan kemahiran kepada jawatankuasa promosi ILJTM.



PENCAPAIAN DAN KEJAYAAN ILJTM

Penglibatan dalam pelbagai pertandingan kemahiran dan inovasi telah mencetuskan impak yang sangat besar dalam meningkatkan kemahiran pelajar mahupun pengajar ILJTM. Berikut merupakan pencapaian pada tahun 2016 yang telah membuktikan kejayaan bidang latihan kemahiran dan melonjakkan nama negara di persada dunia.

Peringkat Antarabangsa	Pencapaian			
	Emas	Perak	Gangsa	Medallion of Excellence
Malaysia Technology Expo (MTE)	3	3	3	-
International Invention Innovation and Technology Exhibition (ITEX)	7	1	2	-
Pertandingan ASEANSkills (ASC 2016)	6	3	1	2



Gambar 1 : Peserta ILJTM meraikan kemenangan bersama Ketua Pengarah dan Timbalan Ketua Pengarah JTM

PENGIKTIRAFAN DARIPADA AGENSI LUAR

PENCAPAIAN JTM DALAM PEMBENTANGAN KERTAS PERSIDANGAN DI 2016 INTERNATIONAL CONFERENCE ON EDUCATION (ICOED), JAKARTA INDONESIA


ADTEC BATU PAHAT telah mewakili JTM bagi pembentangan kertas persidangan di 2016 International Conference On Education (ICOED) pada 12 hingga 14 April 2016 di Jakarta, Indonesia. Kertas persidangan yang dipertandingkan bertajuk The Development of Work-Process-Orientation Training Material for National Dual Training System (NDTS) Implementation. Secara tidak langsung, persidangan ini merupakan platform untuk membincangkan pendekatan pembangunan bahan latihan yang sesuai untuk digunakan oleh ILJTM secara umumnya. Pembentangan kertas persidangan ini telah mewujudkan peluang membina hubungan yang lebih baik dengan penyelidik dan pakar-pakar industri serta menimba ilmu dalam bidang teknologi pendidikan.



Peserta JTM membentangkan kertas persidangan di ICOED 2016, Jakarta

KEJAYAAN DAN PENCAPAIAN JTM DALAM PERTANDINGAN KREATIVITI DAN INOVASI PERINGKAT ANTARABANGSA DI WORLD INVENTOR AWARD FESTIVAL, SEOUL KOREA

ADTEC BATU PAHAT sekali lagi telah mewakili JTM dan memenangi GOLD serta SPECIAL AWARD di World Invention Innovation Contest bertempat di Seoul, Korea yang telah berlangsung pada 5 – 6 Jun 2016 yang lalu. Projek yang telah dipertandingkan adalah Design and Fabricate Satay Grill. Ini merupakan satu pengiktirafan kepada tenaga pengajar teknikal dan vokasional Malaysia di peringkat dunia dan secara tidak langsungnya mengharumkan nama Negara di mata dunia. Penyertaan ini juga dapat meningkatkan imej Kementerian dan memartabatkan lagi TVET Malaysia di peringkat antarabangsa.



Piala serta sijil Special Award yang dimenangi oleh peserta JTM di Seoul Korea

Senarai Institusi Latihan Jabatan Tenaga Manusia (ILJTM)



INSTITUT TEKNIKAL JEPUN-MALAYSIA (JMTI)

1. Seberang Perai



PUSAT LATIHAN TEKNOLOGI TINGGI (ADTEC)

1. Melaka
2. Shah Alam
3. Batu Pahat
4. Taiping
5. Kulim
6. Jerantut
7. Kemaman
8. Bintulu

INSTITUSI LATIHAN PERINDUSTRIAN (ILP)

1. Kuala Lumpur
2. Kuala Langat
3. Pedas
4. Bukit Katil
5. Ledang
6. Selandar
7. Pasir gudang
8. Mersing
9. Ipoh
10. AP Nibong Tebal
11. Perai
12. Jitra
13. Kepala Batas
14. Kangar
15. Kuantan
16. Marang
17. Kuala Terengganu
18. Kota Baharu
19. Kota Kinabalu
20. Labuan
21. Sandakan
22. Kota Samarahan
23. Miri

TERAS 6: MENYEDIAKAN JARINGAN KESELAMATAN SOSIAL



PERTUBUHAN KESELAMATAN SOSIAL

LATAR BELAKANG

Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) ditubuhkan pada tahun 1971 sebagai sebuah jabatan kerajaan di bawah Kementerian Sumber Manusia. Pada 1Julai 1985, status PERKESO sebagai jabatan kerajaan telah berubah kepada sebuah Badan Berkanun.

FUNGSI DAN AKTIVITI UTAMA

PERKESO mentadbir dua jenis skim keselamatan sosial iaitu Skim Bencana Pekerjaan dan Skim Keilatan. Skim Bencana Pekerjaan memberi perlindungan kepada orang berinsurans akibat bencana pekerjaan termasuk penyakit khidmat dan kemalangan semasa perjalanan berkaitan dengan pekerjaan. Skim Keilatan pula memberi perlindungan 24 jam kepada pekerja terhadap keilatan atau kematian akibat sebarang sebab.

PENCAPAIAN TAHUN 2016

Peningkatan Pendaftaran Majikan dan Pekerja Sehingga Oktober 2016, pendaftaran majikan yang layak di bawah Akta Keselamatan Sosial Pekerja (AKSP) 1969 telah meningkat masing-masing sebanyak 3.93% atau 39,219 majikan kepada 1.04 juta berbanding 997,965 majikan. Manakala pendaftaran pekerja juga turut meningkat sebanyak 1.74% atau 274,752 pekerja kepada 16.04 juta berbanding 15.77 juta pekerja tahun sebelumnya. Jumlah bilangan majikan aktif meningkat sebanyak 2.27% atau 9,412 majikan kepada 424,089 berbanding 414,677 majikan manakala pekerja aktif meningkat 1.41% atau 89,640 pekerja kepada 6.44 juta berbanding 6.35 juta pekerja tahun sebelumnya.



Bilangan Penerima Faedah

Bilangan penerima semua jenis faedah sehingga Oktober 2016 telah menurun sebanyak 6,414 penerima atau 1.25 % kepada 506,909 orang berbanding 513,323 orang pada 2015. Penurunan ini adalah disebabkan oleh penurunan penggunaan baucar Program Saringan Kesihatan pada 2016.

Bilangan Bayaran Faedah

Jumlah keseluruhan pembayaran faedah sehingga Oktober 2016 menurun sebanyak RM254.45 juta atau 9.55% kepada 2,410.71 juta berbanding 2,665.072 juta tahun sebelumnya berikutan penurunan penggunaan baucar Saringan Kesihatan pada 2016.

Program Saringan Kesihatan

Program Saringan Kesihatan PERKESO mula diperkenalkan pada 1 Januari 2013. Program ini adalah pemeriksaan kesihatan PERCUMA yang diberikan kepada Orang Berinsurans PERKESO yang berumur 40 tahun dan ke atas yang aktif bekerja bagi mengenal pasti kumpulan yang berisiko dari Penyakit Tidak Berjangkit (Non-Communicable Disease-NCD). Bagi tempoh sehingga Disember 2016, pertambahan sebanyak 201,490 baucar telah diedarkan kepada pekerja yang layak menjalani saringan kesihatan menjadikan jumlah keseluruhan penerima seramai 2.1 juta. Pada tahun 2016 sehingga Oktober 2016, sebanyak 30,494 Baucer Saringan Kesihatan telah digunakan oleh Orang Berinsurans melibatkan perbelanjaan berjumlah RM3.39 juta dalam Program Saringan Kesihatan.

Program Return To Work

Program Return To Work (RTW) telah diperkenalkan oleh PERKESO pada 15 Januari 2007. Program ini merupakan program pemulihan fizikal yang komprehensif dengan menggunakan kaedah pengurusan kes secara sistematik dalam membantu Orang Berinsurans yang mengalami hilang upaya atau menghidap keilatan bagi mengembalikan fungsi anggota badan dan mental seterusnya kembali semula ke alam pekerjaan lebih awal, sihat dan selamat. Bagi tempoh Januari hingga Disember 2016, seramai 2,498 Orang Berinsurans yang menyertai program ini telah berjaya dipulihkan berbanding sasaran seramai 2,228 orang pada tahun sebelumnya.

Pusat Rehabilitasi PERKESO

Pusat Rehabilitasi PERKESO yang dibina di Bandar Hijau, Hang Tuah Jaya Melaka telah mula beroperasi pada 1 Oktober 2014. Sehingga Disember 2016, seramai 824 pesakit berbanding 531 pesakit pada 2015 telah mendapatkan rawatan pemulihan melalui program rehabilitasi fizikal dan vokasional secara komprehensif bagi mengembalikan semula Orang Berinsurans PERKESO ke alam pekerjaan dan secara tidak langsung dapat meningkatkan taraf hidup mereka. Pusat Rehabilitasi PERKESO kini mempunyai kapasiti tenaga kerja seramai 93 orang yang terdiri daripada tenaga kerja dalam bidang kesihatan bersekutu, pemulihan, perubatan, pengurusan hilang upaya dan pentadbiran.

Piagam Pelanggan - Prestasi Prosesan Faedah

Sepanjang 2016, PERKESO telah berjaya mempertingkatkan prestasi piagam pelanggan berbanding tahun sebelumnya. Sehingga September 2016, purata hari dan pencapaian peratus kes dibayar dalam tempoh piagam pelanggan adalah meningkat sebagaimana jadual di bawah.

Jadual Prestasi Prosesan Faedah Dalam Purata Hari Dari Tarikh Dokumen Lengkap Sehingga November 2016

Tahun	FHUS 5 Hari	FHUK 7 Hari	FOT 7 Hari	P. ILAT 7 Hari	P.PKT 7 Hari	FPM 3 Hari
2015	2.03	2.51	2.37	2.98	2.58	1.26
2016	1.83	2.65	2.19	3.30	2.35	1.30

Jadual Prestasi Prosesan Faedah Dalam Peratusan Dari Tarikh Dokumen Lengkap Sehingga November 2016

Pencapaian Peratus Kes Dibayar Dalam Tempoh Piagam Pelanggan (%)	FHUS 5 Hari	FHUK 7 Hari	FOT 7 Hari	P. ILAT 7 Hari	P.PKT 7 Hari	FPM 3 Hari
2015	98.73	99.06	98.1	98.43	97.98	98.75
2016	99.78	99.50	100	98.31	98.77	97.10

ANUGERAH DAN PENGIKTIRAFAN YANG DITERIMA

Excellence in Social Security Administration

The 33rd ASSA Board Meeting and Conference telah diadakan di Hotel Sofitel Philippines Plaza, Manila mulai 22 September - 23 September 2016. Objektif ASSA adalah memberi peluang anggota ASSA berkongsi pengalaman serta amalan terbaik pengurusan keselamatan sosial yang dilaksanakan di negara masing-masing dalam memperluaskan jaringan keselamatan sosial. Tema program pada kali ini adalah 'Excellence in Social Security Administration' yang telah dirasmikan oleh Chairman, Philippine Social Security Association (PhilSSA), Mr. Emilio S. de Quiros, Jr. PERKESO telah menerima ASSA Recognition Awards di atas kejayaan PERKESO melalui Health Screening Programme. Ini merupakan anugerah kedua yang diperolehi sejak tahun 2015.



Dato' Dr. Mohammed Azman, Ketua Eksekutif PERKESO menerima anugerah ASSA RECOGNITION AWARD

ISSA Certificate of Excellence in Social Security Administration (Contribution Collection and Compliance)

PERKESO telah berjaya menyempurnakan International Social Security Association (ISSA) Recognition Programme on ISSA Guidelines on Contribution Collection and Compliance dan telah dianugerahkan dengan ISSA Certificate of Excellence in Social Security Administration (Contribution Collection and Compliance). Anugerah ini telah disampaikan oleh Encik Errol Frank Stoové, Presiden ISSA kepada Ketua Eksekutif PERKESO di World Social Security Forum 2016 Panama pada 15 November 2106 di Westin Playa Hotel, Panama City Panama. Fasa perintis Program Pengiktirafan ini diketuai oleh Encik Ahmad Nazli bin Othman dengan pasukannya yang telah menyediakan input penting bagi membantu ISSA membangunkan perkhidmatan yang mampan dan berkesan untuk organisasi anggota.



PERKESO menerima Anugerah Excellence in Sosial Security di Panama

Anugerah Inovasi Perdana Menteri (AIPM) 2016

Pada 15 Disember 2016, PERKESO telah dinobatkan sebagai Pemenang Tempat Kedua dalam Anugerah Inovasi Perdana Menteri 2016 dan berjaya memenangi 7 hadiah wang tunai sebanyak RM300,000.00. Pengiktirafan anugerah ini telah disampaikan oleh YAB Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Abdul Razak, Perdana Menteri Malaysia kepada YBhg. Dato' Dr Mohammed Azman bin Dato' Aziz Mohammed, Ketua Eksekutif PERKESO dalam Majlis Anugerah Inovasi Perdana Menteri (AIPM) 2016 di Hotel Marriot, Putrajaya.

AIPM yang dianjurkan oleh pihak MAMPU merupakan anugerah yang terunggul dan paling berprestij telah diperkenalkan pada tahun 2010 dengan ganjaran wang tunai sebanyak RM1 juta bagi mengiktiraf inisiatif Inovasi yang signifikan dan berimpak tinggi serta menyumbang kepada kepentingan rakyat dan Negara. Dalam pertandingan ini, PERKESO telah membentangkan Inovasi bertajuk 'Transformasi Landskap Perlindungan Keselamatan Sosial Negara Meningkatkan Kesejahteraan Pekerja Malaysia' dan tersenarai dalam enam (6) finalis terbaik yang layak ke peringkat akhir.



Sijil Anugerah Inovasi yang dimenangi oleh PERKESO

Anugerah Inovasi Ketua Setiausaha Negara

Kumpulan FULUS gabungan Cawangan Penguatkuasaan dan Bahagian Transformasi & Teknologi Maklumat, Ibu Pejabat PERKESO telah memenangi Anugerah Ketua Setiausaha Negara (KSN) dalam Majlis Persada Inovasi Perkhidmatan Awam 2016 anjuran Institut Pentadbiran Awam (INTAN) pada 15 November 2016 di MITC, Melaka. Kejayaan ini merupakan pengiktirafan tertinggi 9 PERKESO dalam persada Konvensyen Inovasi Kebangsaan (KIK) sekaligus telah mengharumkan nama Kementerian Sumber Manusia.



Kumpulan FULUS PERKESO memenangi anugerah KSN

Konvensyen Team Excellence Kebangsaan Anjuran MPC

Lima (5) Kumpulan KIK PERKESO telah berjaya terpilih ke Konvensyen Team Excellence Kebangsaan sempena Annual Productivity & Innovation Conference and Exposition (APIC) 2016 anjuran Malaysia Productivity Corporation (MPC) yang telah diadakan pada 25 - 27 Oktober 2016 di Putrajaya International Convention Centre (PICC). Anugerah telah disampaikan oleh YB Dato' Sri Mustapa Mohamed, Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI). Kumpulan LEGASI dan PRESTIJ telah berjaya merangkul tiga (3) Anugerah Emas Tiga Bintang manakala kumpulan IQUIEX, WALLAGONIA dan IRIS berjaya mendapat dua (2) Anugerah Emas Dua Bintang.



Kumpulan KIK PERKESO



Konvensyen Team Excellence Peringkat Wilayah Anjuran MPC

PERKESO yang diwakili kumpulan PRESTIJ, IQUIEX, IRIS&WALLAGONIA dan LEGASI telah berjaya memperolehi lima (5) Anugerah Emas dalam Konvensyen Team Excellence Peringkat Wilayah anjuran Malaysia Productivity Corporation (MPC).



PERKESO menerima Anugerah Emas di Konvensyen Team Excellance

Pengiktiran 5 Bintang Sektor Awam 2015-2016

Buat jullung kalinya PERKESO yang merupakan salah satu agensi barisan hadapan telah mendapat pengiktirafan dan anugerah penarafan 5 Bintang Sektor Awam daripada Unit Pemodenan Tadbiran Dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU). Anugerah ini merupakan kejayaan besar dan bermakna bagi PERKESO. YBhg. Tan Sri Dr. Ali Bin Hamsa, Ketua Setiausaha Negara telah menyerahkan Sijil Pengiktirafan 5 Bintang Agensi Sektor Awam kepada En. John Riba Marin, Timbalan Ketua Eksekutif (Operasi) bagi pihak 12 PERKESO pada 4 April 2016 di Dewan Taklimat Unit Penyelarasan Pelaksanaan (ICU), Jabatan Perdana Menteri, Bangunan Perdana Putra, Putrajaya.



Penganugerahan AKRAB Inovatif Sempena Konvensyen AKRAB Kebangsaan Tahun 2016

PERKESO telah dinobatkan sebagai Rakan Pembimbing Perkhidmatan Awam (AKRAB) Inovatif Tahun 2015 daripada Jabatan Perkhidmatan Awam pada 13 Mei 2016 di Putrajaya semasa Konvensyen AKRAB. Anugerah tersebut telah diterima oleh YBhg. Dato’ Ketua Eksekutif PERKESO daripada YAB Dato’ Sri Dr. Ahmad Zahid Bin Hamidi, Timbalan Perdana Menteri Malaysia. Anugerah ini merupakan kejayaan besar dan bermakna bagi PERKESO dalam program membudayakan S4P yang telah dilaksanakan oleh AKRAB dan juga Unit Psikologi sejak ia dilancarkan pada tahun 2015.



Sijil Rakan Pembimbing yang diterima PERKESO

Anugerah Inovasi Peringkat Kementerian Sumber Manusia (KSM)

Pada 13 Oktober 2016, Kementerian Sumber Manusia telah mengadakan Sambutan Hari Inovasi di Dewan Serbaguna Aras 1, Blok 3 KSM. PERKESO menerusi kumpulan IQUIEX berjaya memperolehi Juara 5 Bintang Anugerah KIK KSM 2016 14 dan Anugerah Inovasi Pengurusan Kewangan manakala berjaya selaku Naib Johan 4 Bintang Anugerah Inovasi Pengurusan Aset Dan Stor. Anugerah Inovasi KSM telah disampaikan oleh YB Dato’ Sri Richard Riot Anak Jaem, Menteri Sumber Manusia.



Dato' Sri Richard Riot menyampaikan hadiah kepada pemenang Kumpulan Inovatif & Kreatif KSM

DIARI KORPORAT

Majlis Perasmian Pejabat PERKESO Limbang

Pada 19 Mac 2016 telah berlangsungnya Majlis Perasmian Pejabat PERKESO Limbang yang telah disempurnakan oleh YB Dato' Sri Richard Riot Anak Jaem, Menteri Sumber Manusia. Pejabat PERKESO Limbang merupakan pejabat PERKESO yang ke-9 di Sarawak dan telah beroperasi sejak 10 September 2016. Menerusi pembukaan pejabat PERKESO di Limbang, ia membuktikan keprihatinan pihak PERKESO dalam memberi perkhidmatan yang terbaik kepada masyarakat di kawasan ini.



Dato' Sri Richard Riot merasmikan pejabat PERKESO di Limbang, Sarawak



Majlis Perasmian Pejabat PERKESO Serian

Majlis Pejabat PERKESO Serian telah dirasmikan oleh YB Dato' Sri Richard Riot Anak Jaem, Menteri Sumber Manusia pada 2 April 2016. Pejabat ini merupakan pejabat PERKESO yang ke-10 di Sarawak dan yang ke-50 di Malaysia yang telah mula beroperasi sejak 15 Mac 2016. Turut diadakan pada majlis tersebut ialah acara penyampaian faedah kepada Orang Berinsurans dan waris yang layak.



Dato' Sri Richard Riot merasmikan pejabat PERKESO di Serian, Sarawak

Anugerah Khidmat Cemerlang & Khidmat Setia PERKESO 2015

Majlis yang diadakan pada 2 April 2016 di Hotel Riverside Majestic, Kuching bertemakan "Prihatin Sehati Sejiwa" ini telah disambut meriah dengan persembahan kebudayaan negeri Sarawak serta alunan "Sape" yang turut mengiringi seramai 152 penerima Anugerah Khidmat Cemerlang (AKC), 13 penerima Anugerah Khidmat Setia (AKS) 20 tahun dan 15 penerima AKS 25 tahun.



Dato' Sri Richard Riot merasmikan Majlis Anugerah Khidmat Cemerlang PERKESO di Hotel Majestic Kuching

PERKESO Prihatin, Patuh & Lindung Bersama YB Menteri Sumber Manusia

Program PERKESO Prihatin, Patuh & Lindung telah diadakan pada 3 April 2016 di Taman Komuniti Medan MARA, Serian, Sarawak bertujuan untuk memberi kesedaran kepada majikan dan pekerja mengenai pentingnya aspek keselamatan melibatkan perjalanan pergi dan balik ke tempat kerja. Sesi ceramah kepada ketua masyarakat, majikan dan pekerja di sekitar kawasan Serian turut diadakan di samping penyerahan topi keledar oleh YB Menteri. Sebanyak 300 topi keledar dan 100 jaket keselamatan telah diagihkan kepada masyarakat di sekitar Serian semasa program tersebut.



Dato' Sri Richard Riot di program PERKESO prihatin yang berlangsung di Medan MARA, Serian Sarawak

OPS Kesan PERKESO 2016

Berdasarkan kepada statistik sehingga 31 Disember 2015, sebanyak 499,840 majikan aktif telah berdaftar dengan seramai 6.3 juta pekerja. Namun dipercayai masih banyak lagi majikan yang aktif dan menggaji sekurang-kurangnya seorang pekerja masih belum berdaftar dan diragui status perlindungan mereka. Oleh itu satu tempoh pemutihan diadakan untuk membuka peluang kepada semua majikan yang layak namun masih belum berdaftar untuk melaksanakan tanggungjawab mereka sebagai majikan sebelum 1 April 2016. Lanjutan daripada tempoh pemutihan itu, OPS Kesan Peringkat Nasional telah dilancarkan pada 5 April 2016 di Pejabat PERKESO Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.



Dato' Dr. Azman, Ketua Eksekutif PERKESO di sidang media sempena Ops kesan PERKESO 2016

Program PERKESO Run & Ride Dan Majlis Prapelanaran Sambutan Hari Pekerja 2016

PERKESO dengan kerjasama Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) dan Kementerian Sumber Manusia (KSM) telah mengadakan Program PERKESO Run & Ride dan Majlis PraPelancaran Sambutan Hari Pekerja 2016 pada 17 April 2016 di Dataran DBKL. Program yang dirasmikan oleh YB Dato' Sri Haji Ismail Bin Haji Abd Mutallib, Timbalan Menteri Sumber Manusia telah disertai seramai 6,000 orang peserta. Program bertujuan mendorong pekerja untuk bergiat aktif dan mengamalkan gaya hidup sihat selaras dengan aspirasi wellness for workers.



Timbalan Menteri Sumber Manusia, Dato' Sri Hj. Ismail bin Abd Mutallib merasmikan Run & Ride pra pelancaran Hari Pekerja 2016 di Dataran DBKL

Sesi Penerangan Akta Keselamatan Sosial Pekerja (Pindaan) 2015, Perintah Gaji Minimum 2016 Dan Pindaan Undang-Undang Berkaitan TPPA

Majlis dirasmikan oleh YB Dato' Sri Richard Riot Anak Jaem, Menteri Sumber Manusia pada 9 Mei 2016 di Hotel Hilton Kuching, Sarawak yang telah dihadiri oleh kira-kira 200 orang peserta terdiri daripada majikan dan pekerja. Para peserta yang hadir telah diberi penerangan berkaitan kenaikan had siling caruman dan kenaikan kadar faedah tunai di bawah Skim Bencana Pekerjaan dan Skim Keilatan, pindaan undang-undang buruh di bawah bab Buruh dan 23 TPPA, dan penerangan perintah gaji minimum 2016. Sesi penerangan yang sama turut diadakan di TH Hotel Kota Kinabalu, Sabah pada 13 Mei 2016 dan telah dirasmikan oleh Encik John Riba Marin, Timbalan Ketua Eksekutif (Operasi) PERKESO.



Dato' Dr. Azman, Ketua Eksekutif PERKESO memberikan taklimat berkaitan Skim Bencana Pekerjaan di Hilton Kuching

Program Advokasi Dan Turun Padang YB Timbalan Menteri Sumber Manusia

Pada bulan Ramadhan yang lalu, PERKESO telah mengadakan Program Advokasi Dan Turun Padang YB Timbalan Menteri Sumber Manusia pada 9 Jun 2016. Menariknya pada program tersebut adalah melalui penglibatan YB Timbalan Menteri yang turut serta mengacau bubur lambuk bersama rakyat dan membuat pengagihan bubur. Selain itu juga, Majlis Penyampaian Faedah PERKESO dan alatan pemulihan diberikan kepada penerima faedah PERKESO termasuk orang tanggungan serta waris. Topi keledar dan jaket keselamatan turut diedarkan pada hari tersebut.



Dato' Sri Hj. Ismail Abd Mutallib menyampaikan cenderahati kepada OKU

Majlis Berbuka Puasa PERKESO 2016

PERKESO julung kalinya telah mengadakan Majlis Berbuka Puasa 2016 bersama ibu-ibu tunggal dan anak-anak yatim piatu penerima faedah PERKESO pada 28 Jun 2016. Majlis ini telah dirasmikan oleh YBhg. Dato' Sri Adenan Bin Ab Rahman, Ketua Setiausaha Kementerian Sumber Manusia dan sebanyak 40 orang ibu tunggal dan 40 orang anak yatim piatu di sekitar Kuala Lumpur dan Petaling Jaya telah diraikan.



Majlis Berbuka Puasa PERKESO di Menara PERKESO Kuala Lumpur

Majlis Sambutan Deepavali PERKESO 2016

Majlis sambutan Deepavali PERKESO 2016 telah diadakan pada 24 Oktober 2016 bertempat di Hotel Weil, Ipoh untuk meraikan penerima-penerima faedah sebagai salah satu program Corporate Social Responsibility PERKESO yang bertujuan untuk mempromosikan organisasi ini sebagai organisasi yang prihatin dan penyayang. Melalui program seumpama ini, ianya dapat memantapkan imej PERKESO Prihatin yang sentiasa peka terhadap kebajikan penerima faedah dan sentiasa berusaha untuk membantu golongan kurang bernasib baik di samping dapat merakyatkan perkhidmatan PERKESO kepada masyarakat dengan lebih dekat dan mesra.



Tetamu yang hadir Majlis sambutan Deepavali PERKESO di Hotel Weil, Ipoh

Majlis Pelancaran Penjenamaan Semula PERKESO 2016

Pada 25 Oktober 2016, PERKESO telah mengadakan Majlis Pelancaran Penjenamaan Semula PERKESO di Perkarangan Lobi Utama Menara PERKESO. Majlis ini telah dirasmikan oleh YB Dato' Sri Richard Riot Anak Jaem, Menteri Sumber Manusia. Matlamat utama penjenamaan semula PERKESO adalah untuk memberi imej baharu PERKESO yang lebih 'prihatin' kepada pelanggan terutamanya penerima-penerima faedah PERKESO. Usaha awal pendedahan penjenamaan semula ini telah dibuat melalui sesi libat urus yang telah diadakan di Zon Utara, Tengah, Selatan, Timur, Sabah dan Sarawak bagi menyampaikan maklumat kepada anggota PERKESO mengenai objektif penjenamaan semula ini.



YB Dato' Sri Richard Riot merasmikan pelancaran Penjenamaan semula PERKESO di Lobi Menara PERKESO

International Forum On Disability Management (IFDM) 2016

Malaysia telah terpilih sebagai Negara pertama di Asia yang diberi tanggungjawab untuk mengendalikan IFDM di mana ia merupakan persidangan peringkat antarabangsa bagi membincangkan isu, trend dan amalan terbaik pengurusan hilang upaya secara mendalam yang turut menjadi pemangkin bagi menangani isu-isu hilang upaya di peringkat kebangsaan dan antarabangsa. Forum yang diadakan pada 22-24 November 2016 di Kuala Lumpur Convention Centre telah berlangsung dengan jayanya dan ia 29 merupakan pengalaman yang bermakna apabila berjaya melibatkan penyertaan seramai 1,280 peserta dan penceramah-penceramah dari 39 buah negara. Kejayaan penganjuran forum ini telah menaikkan imej PERKESO di persada antarabangsa.



Mohamad Ridzuan atlit Paralimpik menerima anugerah di atas kejayaannya di sukan Paralimpik dunia



Antara pencari-pencari kerja yang hadir ke Job Fair @ UTC di Kuantan



Dif-dif Kehormat sempena majlis perasmian Job Fair @ UTC peringkat kebangsaan di UTC Kuantan, Pahang



YB Timbalan Menteri Sumber Manusia merasmikan Job Fair @ UTC di UTC Kuantan, Pahang



YBhg. Dato' Sri KSU KSM sebagai ahli panel forum ICBO



Suasana dan aktiviti-aktiviti di booth KSM semasa NBOS International Week 2016

Suasana dan aktiviti-aktiviti di booth KSM semasa NBOS International Week 2016



Suasana dan aktiviti-aktiviti di booth KSM semasa NBOS International Week 2016

Karnival Kerjaya dan Kemahiran OKU 2016



Mini Karnival Ibu Tunggal 2016



Program JRP di Ibu Pejabat Parol & Penjara Malaysia, Kajang



Program JRP di Ibu Pejabat Parol & Penjara Malaysia, Kajang



Program JRP di Ibu Pejabat Parol & Penjara Malaysia, Kajang



Program JRP di Pusat Rawatan Methadone, Hospital Kuala Lumpur



Program JRP di Pusat Rawatan Methadone, Hospital Kuala Lumpur



Program JRP di Cure & Care Vocational Centre (CCVC) Sepang

MoU berkaitan Penggajian Pekerja Asing



Majlis menandatangani MoU Kerajaan Malaysia dan Kerajaan Republik Bangladesh



Majlis menandatangani MoU Kerajaan Malaysia dan Kerajaan Malaysia Dengan Kerajaan Demokratik Sosialis Republik Sri Lanka

Sidang Redaksi 2016

BIL.	NAMA	BAHAGIAN / JABATAN / AGENSI
1	Kaslina binti Ramli	Bahagian Pembangunan, Kewangan dan Sumber Manusia
2	Siti Khalilah binti Abdul Nasir	Bahagian Dasar
3	Nurakmar binti Zubir	Bahagian Pengurusan Maklumat
4	Shaiful Naszri Wahid	Bahagian Antarabangsa
5	Mohd Ridzuan bin Aziz	Bahagian Khidmat Pengurusan
6	Wan Sabariah binti Wan Mamat	Bahagian Penasihat Undang-Undang
7	Ahmad Jawad bin Abd Karim	Bahagian Akaun
8	Ahmad Asri bin Zakaria	Unit Komunikasi Korporat
9	Laly Haizan binti Bahari	Unit Komunikasi Korporat
10	Syazana binti Izham	Unit Komunikasi Korporat
11	Mohamad Faizal bin Mosot	Unit Audit Dalam
12	Wan Faez bin Wan Jaffar	Unit Integriti
13	Dr.Christina Yeo Ken Yin	Unit KPI
14	Siti Zafirah binti Abu Bakar	Unit KPI
15	Abdul Raof bin Mohd Ali	Cawangan Kawal Selia dan Penguatkuasaan
16	Elvis bin Edmund Emus	Majlis Perundingan Gaji Negara
17	Abdul Razak bin Othman	ILMIA
18	Yasmin binti Ramli	Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia
19	Wilhelmina Janing	Jabatan Tenaga Kerja Sabah
20	Tan Hui Mien	Jabatan Tenaga Kerja Sarawak
21	Intan Sharfinas binti Mohd Nasir	Jabatan Tenaga Manusia
22	Ahmad Fadhil bin Ismail	Jabatan Pembangunan Kemahiran
23	Suhaidy bin Latip	Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan
24	Ghapar bin Kaprawi	Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan
25	Zarina binti Mohd Sarip	Jabatan Hal Ehwal Kesatuan Sekerja
26	Mohamad Nor Arif bin Ghazali	Jabatan Perhubungan Perusahaan Malaysia
27	Raja Khairul Azahar Raja Ahmad	Mahkamah Perusahaan
28	Alias bin Nasir	PERKESO
29	Morine Johnson	PTPK
30	Seri Azriana binti Mistoil	PSMB

Nota



Disediakan oleh:

Unit Komunikasi Korporat, Aras 9, Blok D3, Kompleks D,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, 62530 Putrajaya

Tel: 603-8000 8000 **Fax:** 603-8890 5205

www.mohr.gov.my